Bil. 14

Isnin
9 Disember 2013

MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN
# DEWAN NEGARA

PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT KETIGA

# K A N D U N G A N


**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

Mengangkat Sumpah Di Luar Dewan (Halaman 1)
Memperkenankan Akta-akta (Halaman 1)
Perutusan Daripada Dewan Rakyat (Halaman 1)

**URUSAN MESYUARAT** (Halaman 2)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN**
**BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 2)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2014 (Halaman 23)



Diterbitkan Oleh:
CAWANGAN PENYATA RASMI
PARLIMEN MALAYSIA
2013

## AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang d-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. " Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Doris Sophia ak Brodi
3. " Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
4. " Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman (Dilantik)
5. " Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan (Perlis)
6. " Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar – *Senator*
   - *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
7. " Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
8. " Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md Hanipah – *Senator*
   - *Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan*
9. " Dr. Ariffin bin S.M. Omar (Pulau Pinang)
10. " Tuan Baharudin bin Abu Bakar (Dilantik)
11. " Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan (Dilantik)
12. " Dato' Boon Som a/l Inong (Dilantik)
13. " Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah (Selangor)
14. " Puan Chew Lee Giok (Dilantik)
15. " Tuan Chiew Lian Keng (Dilantik)
16. " Datuk Chin Su Phin (Dilantik)
17. " Datuk Chiw Tiang Chai (Dilantik)
18. " Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
19. " Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah (Dilantik)
20. " Dato' Sri Iris Jala @ Idris Jala (Dilantik) – *Senator*
   - *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
21. " Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman (Dilantik)
22. " Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh (Dilantik)
23. " Dato' Dr. Johari bin Mat (Kelantan)
24. " Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya (Sabah)
25. " Puan Hajah Khairiah binti Mohamed (Kelantan)
26. " Dato' Khairudin Samad (Dilantik)
27. " Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon (Dilantik) – *Senator*
28. " Tuan Lihan Jok (Sarawak)
29. " Dato' Lim Nget Yoon (Pahang)
30. " Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan – *Senator*
   - *Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan*
31. " Datuk Dr. Lucas bin Umbul (Sabah)
32. " Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)
33. " Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik)
34. " Dato' Maznah binti Mazlan (Dilantik)

35. Yang Berhormat Tuan Mohamad Ezam bin Mohd Nor (Dilantik)

36. " Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam (Melaka)

37. " Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad (Perlis)

38. " Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)

39. " Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin (Dilantik)

40. " Dato' Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)

41. " Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai (Dilantik)

42. " Datuk Hajah Noriah Binti Mahat (Dilantik)

43. " Puan Norliza binti Abdul Rahim (Dilantik)

44. " Datuk Pau Chiong Ung (Dilantik)

45. " Datuk Paul Low Seng Kuan – *Senator*
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*

46. " Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah (Dilantik)

47. " Puan Hajah Rohani binti Abdullah (Terengganu)

48. " Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman (Pahang)

49. " Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal (Dilantik)

50. " Datuk Haji Saat bin Haji Abu (Melaka)

51. " Tuan Saiful Izham bin Ramli (Kedah)

52. " Datuk Subramaniam a/l Veruthasalam (Dilantik)

53. " Dato' Syed Ibrahim bin Kader (Dilantik)

54. " Dr. Syed Husin Ali (Selangor)

55. " Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud (Pulau Pinang)

56. " Tuan Waytha Moorthy Ponnusamy – *Senator*
- *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*

57. " Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas (Dilantik)

58. " Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Dilantik)

59. " To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin (Terengganu)

**Ketua Pentadbir Parlimen**
Dato' Lamien bin Sawiyo

**Setiausaha Dewan Rakyat**
Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**
Encik Che Seman bin Pachik

**PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (*HANSARD*)**
Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi

Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Mulyati binti Kamarudin
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli
Sherliza Maya binti Talkah
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Nor Hamizah binti Haji Hassan
Azmir bin Mohd Salleh
Nur Nazihah binti Mohd. Nazir
Noraidah binti Manaf
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Syahila binti Ab Mohd Khalid
Siti Norlina binti Ahmad
Hazwani Zarifah binti Anas
Siti Aishah binti Md. Nasir

**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KETIGA BELAS**

**PENGGAL PERTAMA**

**MESYUARAT KETIGA**

**Isnin, 9 Disember 2013**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua* ***mempengerusikan Mesyuarat]***

## PEMASYHURAN OLEH TUAN YANG DI-PERTUA

### MENGANGKAT SUMPAH DI LUAR DEWAN

**Tuan Yang di-Pertua:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara 4(3), saya dengan ini memberitahu Majlis iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikut telah mengangkat sumpah semasa di luar Majlis Mesyuarat Dewan mengikut Jadual Keenam dalam Perlembagaan Persekutuan, pada tarikh yang dinyatakan seperti berikut:

**Pada 18 November 2013:**

1. Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan (Dilantik)

### MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat Penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perbekalan Tambahan 2013,
2. Akta Profesion Undang-undang (Pindaan) 2012 (Pindaan) 2013,
3. Akta Profesion Undang-undang (Pindaan) 2013, dan
4. Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013.

### PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara ini mempersetujukan rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

*[Setiausaha membacakan Perutusan]*

*"5 Disember 2013*

**Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2013;
2. Rang undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) (Pindaan) 2013;
3. Rang Undang-undang Penjara (Pindaan) 2013;
4. Rang Undang-undang Perbekalan 2014;
5. Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 2013;
6. Rang Undang-undang Fi (Jabatan Muzium Malaysia) (Pengesahan) 2013;
7. Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 2013

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT"

**URUSAN MESYUARAT**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan supaya rang undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan. Kepada semua Ahli Yang Berhormat, saya harap Yang Berhormat semua akan mengambil bahagian dalam pertanyaan-pertanyaan lisan ini dengan ringkas dan jawapan yang tepat dan supaya dapat kita bersama-sama kalau boleh bertanya atau menjawab soalan lebih banyak lagi.

**1. Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop** minta Perdana Menteri menyatakan, apakah cabaran-cabaran utama dan kekangan yang dihadapi oleh kerajaan dalam meningkatkan perpaduan nasional, dan apakah strategi jangka panjang kerajaan untuk mengatasi cabaran dan kekangan tersebut terutamanya isu-isu yang berkaitan dengan hubungan antara kaum.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]:** Tuan Yang di-Pertua, isu perpaduan adalah utama dari sembilan cabaran untuk mencapai matlamat Wawasan 2020 yang berbunyi, "Mewujudkan bangsa Malaysia yang bersatu-padu yang mempunyai matlamat yang serupa dan boleh dikongsi bersama, berintegrasi di peringkat wilayah dan antara kaum berasaskan persefahaman hak dan keadilan".

Kerajaan sememangnya mengakui bahawa terdapat tanda-tanda wujudnya polarisasi kaum yang berlaku di negara ini. Ia dikaitkan dengan beberapa peristiwa yang menyentuh agama kaum-kaum tertentu, berita-berita yang didakwa mempunyai unsur-unsur perkauman yang tersiar di media cetak dan elektronik dan trend pengundian semasa Pilihan Raya Umum Ke-13. Sememangnya diakui bahawa sejak akhir-akhir ini, pelbagai isu sensitif sama ada ia melibatkan tingkah laku kenyataan-kenyataan berbentuk provokasi yang disiarkan dan disebarkan di dalam pelbagai saluran media yang dikaitkan dengan agama dan kaum-kaum tertentu.

Ia telah menimbulkan pelbagai reaksi dan tindak balas dalam kalangan masyarakat yang turut dizahirkan melalui perhimpunan berunsur bantahan ataupun demonstrasi. Keadaan ini jika tidak dikawal dan dibendung, ia boleh mencetuskan keadaan huru-hara dan perpaduan kaum yang boleh menjejaskan keselamatan rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kerajaan untuk mencapai arah penyatuan nasional, premis utama adalah semua pihak mesti menerima keputusan PRU Ke-13 berpandukan kepada perlembagaan.

**■1010**

Adalah menjadi tanggungjawab semua pihak untuk melindungi, mempertahankan dan memelihara perlembagaan negara kita. Jika masih terdapat pihak-pihak mahupun golongan tertentu yang menolaknya dan tidak menghormati perlembagaan kita, maka hasrat untuk mewujudkan masyarakat yang harmoni dan sejahtera itu tidak akan tercapai dan segala usaha penyatuan yang dilakukan itu akan menjadi sia-sia. Inilah halangan dan cabaran besar yang dihadapi.

Tuan Yang di-Pertua, mendahulukan semangat sebagai rakyat Malaysia atau sebaliknya merupakan semangat yang diserapkan melalui ideologi nasional ke arah melahirkan masyarakat yang bersatu padu dalam kepelbagaian atau dengan izin, *unity in diversity*. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak *in one of his speeches said, "Diversity is a big part of Malaysia's DNA; In many ways, it defines us. Although we are different, we must not be divided".* Perpaduan adalah satu proses yang berterusan yang perlu dipertingkatkan untuk memastikan perpaduan, keharmonian terus kekal dan terpelihara di dalam negara. Dengan peringatan ini JPM telah diberi nafas baru di bawah gagasan 1Malaysia dan Program Transformasi Kerajaan atau GTP yang diilhamkan dan dipacu oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia sejak tahun 2009. Antara usaha-usaha yang diambil ialah:

(i) mengurangkan jenayah yang memastikan keselamatan komuniti terus terkawal melalui Skim Rondaan Sukarela yang kini mencapai bilangan 3,995 sehingga 31 Oktober tahun ini;

(ii) meningkatkan dan memperkasakan semangat kejiranan melalui kawasan Rukun Tetangga dan dengan penglibatan jiran wanita, jiran warga usia emas, jiran muda dan tunas, jiran kanak-kanak berusia enam tahun hingga 12 tahun. Aktiviti yang dilaksanakan merangkumi bidang sosial, ekonomi, sukan, keselamatan, kebersihan dan alam sekitar, kebajikan dan lain-lain. Sehingga 31 Oktober tahun ini sebanyak 6,441 kawasan Rukun Tetangga berjaya ditubuhkan;

(iii) mempertingkatkan kesejahteraan masyarakat di kawasan perumahan rakyat seperti PPR. Sebanyak 16 Program Sayangi Komuniti diperkenalkan dengan tumpuan untuk mengurangkan permasalahan di kawasan perumahan tersebut, meningkatkan ketahanan dan motivasi dalam kalangan pemastautin serta meningkatkan perasaan sayang dan cinta kepada tempat tinggal sendiri;

(iv) menggalakkan interaksi dan integrasi melalui penubuhan 5,811 Kelab Rukun Negara di sekolah-sekolah rendah dan menengah dan 138 Sekretariat Rukun Tetangga di IPT untuk meningkatkan semangat patriotisme dan persaudaraan dalam kalangan pelajar berbilang kaum; dan

(v) menggalakkan integrasi komuniti dan wilayah melalui Program Lawatan Integrasi di antara Semenanjung, Sabah, Labuan dan Sarawak. Sepanjang tahun 2013, sebanyak empat kali Lawatan Integrasi Nasional melibatkan pemimpin masyarakat, 21 Lawatan Integrasi Komuniti melibatkan kepimpinan Rukun Tetangga dan empat kali Program Orientasi Pegawai Persekutuan yang bertukar ke Semenanjung dan Sarawak. Mengekalkan keharmonian dan kefahaman dalam kalangan komuniti melalui Program Mediasi Komuniti dengan memperbanyakkan bilangan media atau komuniti sebagai orang ketiga yang berkecuali menyelesaikan konflik yang wujud di dalam masyarakat. Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini seramai 874 media atau komuniti telah dilantik dan ditauliahkan di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, JPM juga mempunyai program-program *the way forward*. Seperti mana saya sentuh sebentar tadi, daripada program-program sedia ada, dengan izin, sebagai *the way forward,* tumpuan utama kerajaan ialah bagaimana usaha-usaha menyeluruh dilakukan untuk menerapkan ideologi nasional melalui prinsip Rukun Negara, Gagasan 1Malaysia berpaksikan perlembagaan negara yang sentiasa perlu dipelihara dan diperkukuhkan. Di samping satu kajian memperkasakan peranan Rukun Tetangga menjangkau seluruh masyarakat di Malaysia sedang dijalankan untuk menjadikan Rukun Tetangga sebagai pusat transformasi masyarakat.

Berikutnya mengendalikan dialog untuk memupuk persefahaman dan mencari penyelesaian atau pendamaian antara penganut agama melalui penubuhan jawatankuasa, mempromosikan persefahaman dan keharmonian antara penganut agama atau yang dinamakan JKMPA. Kemudian membincangkan dan mencadangkan kaedah penyelesaian terbaik tentang isu-isu penyatuan dan perpaduan melalui Majlis Konsultasi Perpaduan Negara atau dengan izin, *National Unity Consultative Council* yang telah dilancarkan baru-baru ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Penubuhan Majlis Konsultasi Perpaduan Nasional merupakan suatu usaha kerajaan yang cukup ikhlas untuk memastikan bahawa perpaduan menjadi teras kepentingan bersama merentasi setiap pelosok negara, mempromosikan slogan-slogan perpaduan di premis-premis Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, pihak swasta dan badan-badan bukan kerajaan. Berikutnya menggembleng kerjasama di antara Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dengan pihak-pihak NGO dan swasta dengan menjadikan mereka sebagai rakan perpaduan atau *partners in unity* yang akan turut bersama menyumbang ke arah pemupukan semangat perpaduan dan keharmonian negara. Nilai-nilai kesederhanaan juga harus turut diterapkan di dalam apa jua tindakan dan diamalkan di dalam kehidupan seharian masyarakat.

Antara nilai besar yang wajar dijadikan pegangan adalah untuk bertoleransi, hormat-menghormati, faham memahami dan berterima kasih jika mahu terus menjejaki kekuatan perpaduan dalam konteks negara kita.

Berikutnya penerapan nilai-nilai ini adalah sejajar dengan gerakan kesederhanaan global atau *the global movement for moderates* yang dipelopori oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Saya ingin mengambil kesempatan ini. Dengar baik-baik.

Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak yang telah menerima Anugerah Keamanan Global atau *Global Peace Award* sempena dengan Persidangan Keamanan Global 2013 yang julung kali diadakan dari 5 hingga 8 Disember baru-baru ini... *[Tepuk]*

**■1020**

Anugerah tersebut merupakan pengiktirafan kepada sumbangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menubuhkan Gerakan Kesederhanaan Global dan untuk peranan beliau dalam usaha damai antara Kerajaan Filipina dengan MILF. Malahan para peserta di 'forum antarabangsa' UMNO baru-baru ini, juga telah memuji politik kesederhanaan yang dipelopori oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melalui gerakan kesederhanaan- *global movement.*

Tuan Yang di-Pertua, walaupun perpaduan telah lama wujud tetapi ia boleh dihancurkan dengan sekelip mata jika kita tidak berhati-hati dan prihatin. Oleh itu, di sini kerajaan mengambil kesempatan meminta semua pihak tanpa mengira aliran pemikiran dan politik, supaya menyokong usaha-usaha memelihara, mengukuh dan meningkatkan perpaduan nasional, dan turut menyumbangkan idea ke arah penyatuan masyarakat bagi melahirkan sebuah negara yang makmur dan sejahtera.

Adalah dipercayai bahawa melalui langkah-langkah di atas, serta kepakaran dan kerjasama semua rakyat jelata, keharmonian dan perpaduan akan dapat terus dipupuk. Keamanan dan kebahagiaan dapat dikekalkan, kemajuan dan pembangunan yang lestari dapat dicapai untuk manfaat semua rakyat dan generasi yang akan datang, selaras dengan hasrat wawasan negara dan Gagasan 1Malaysia. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah menjawab dengan panjang lebar isu perpaduan kaum. Saya juga berpuas hati dengan segala usaha-usaha yang sedang dibuat dan akan dibuat oleh kerajaan untuk menangani isu yang sangat penting ini. Walau bagaimanapun, saya berpendapat bahawa isu perpaduan kaum ini tidak boleh kita selesaikan tanpa melihat pada asas-asas yang boleh membawa kepada perpaduan kaum iaitu sistem pendidikan yang tidak disentuh sama sekali oleh Yang Berhormat Menteri.

*Outcome* daripada isu perpaduan kaum inilah yang kita hadapi sekarang ini, yang mana pemimpin-pemimpin parti politik khususnya telah meniupkan semangat perkauman yang sangat hebat dalam pilihan raya yang lepas, seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Jadi, soalan saya ini umum sahaja, iaitu bagaimana kementerian atau kerajaan melihat tentang dua perkara- satu, sistem pendidikan kita yang ternyata belum lagi sempurna dalam usaha kita untuk penyatuan perpaduan kaum. Itu adalah asas, fundamental.

Kedua, pemimpin-pemimpin politik kita ini terutama sekali daripada pihak pembangkang, yang pada pilihan raya yang lepas sangat ketara, meniupkan semangat perkauman kepada pengundi-pengundi dan juga kepada masyarakat kita yang...

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Soalan saya itulah, bagaimana kementerian Yang Berhormat Menteri melihat perkara ini? Terima kasih.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebentar tadi saya telah memberi penjelasan. Pertamanya berkaitan dengan pendekatan kerajaan untuk membawa kesedaran, mulai daripada anak-anak kita di peringkat sekolah, IPT dan sebagainya. Kita telah menubuhkan beberapa kelab bagi mereka supaya mereka mendapat mesej, memahami, menghayati apa erti sebenarnya rukun negara kita, dan sekali gus memberi kefahaman kepada mereka tentang kesedaran untuk memahami *the message* yang kita ingin sampaikan kepada mereka bahawa betapa pentingnya bagi kita untuk mengekalkan perpaduan dan memantapkan juga perpaduan. Di kelab-kelab pun kita ada.

Bukan itu sahaja tetapi saya juga bercakap dengan panjang lebar berkaitan dengan Tabika Perpaduan kita. Itulah sebenarnya saluran kita untuk memberi pendidikan kepada anak-anak kita untuk memahami dan menghormati budaya-budaya yang terdapat di dalam negara kita ini. Sememangnyalah dalam pilihan raya baru-baru ini ada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab suka mengungkit *racial issue,* isu perkauman ini, semata-mata untuk mendapat kemenangan dalam pilihan raya. Mereka tidak berfikir sama sekali, sama ada ia boleh merosakkan perpaduan kita atau tidak.

Akan tetapi, saya merayu dalam hujah penghabisan saya sebentar tadi, saya merayu semua kita ini merupakan *partners in unity*. Kita bersama-sama dalam mewujudkan satu negara yang bersatu padu, *united Malaysia*. Ingat, akhirnya, kemudiannya kita semua yang menang seperti kata pepatah dengan izin, *"Where there is unity there is always victory".* Inilah peringatan yang kita mahu.

Jadi, selepas itu kemungkinan besar kalau kita bersatu padu, tentu sekali kita boleh mencapai hasrat kita untuk memajukan negara ini. Sekian.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk mengemukakan soalan tambahan. Saya menganggap soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat ini sangatlah penting. Saya melihat semangat daripada soalan Tuan Haji Ahamat itu ialah keprihatinan beliau tentang hakikat perpaduan kita yang sangat merunsingkan pada masa ini. Ertinya, kurang atau rendahnya kadar kejayaan usaha-usaha kerajaan mewujudkan perpaduan itu.

Kemudian, yang dikehendaki oleh Tuan Haji Ahamat ialah langkah-langkah jangka panjang dan kemudian ditimbulkan soal sistem pendidikan kita sekarang yang memang bertentangan dengan semangat perpaduan itu. Minta maaf, ini Yang Berhormat Menteri tidak menjawab. Keprihatinan beliau dalam perpaduan- memanglah tentang rukun tetangga dan segala macam itu betul tetapi, kita hendak tahu sejauh mana kejayaannya?

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat antara sebab utama kegagalan atau kurangnya kadar kejayaan kita dalam mencapai perpaduan itu ialah kerana sikap ingkar dan angkuh sesetengah pihak yang tidak mematuhi peraturan-peraturan dan dasar-dasar yang telah dipersetujui. Ini yang harus, dengan izin, di*address*- apa yang kita hendak buat dengan orang-orang yang bersikap ingkar dan angkuh ini terhadap perkara-perkara, dasar-dasar nasional yang telah dipersetujui.

Dahulu, sewaktu Laporan Pendidikan Pelajaran yang terakhir, untuk memastikan supaya pengajaran Bahasa Kebangsaan diperuntukkan sekian jam, itu pun dibantahi- perkara kecil. Ini perkara-perkara kecil, bayangan daripada masalah yang lebih besar. Kalau kerajaan betul-betul serius mengenai masalah perpaduan ini, inilah antara perkara-perkara yang harus diperhatikan. Ertinya, kegagalan kita mengetahui, memahami dan menghayati pelbagai dasar yang telah diperuntukkan, yang telah dipersetujui untuk mencapai perpaduan nasional itu seperti Dasar Pendidikan, Rukun Negara- ada disebut tadi tetapi pelaksanaannya masih lagi meragukan.

Dasar Ekonomi Baru, Dasar Bahasa Kebangsaan. Ini adalah antara langkah-langkah yang telah dirumuskan oleh kerajaan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Soalan saya, pertama sekali tentang Sistem Pendidikan yang pernah disebut oleh Menteri Dalam Negeri sekarang- beliau menyebut bahawa Sistem Pendidikan kita sebenarnya adalah cacamarba.

**■1030**

Ini disebut tidak kurang daripada Dato' Zahid Hamidi sendiri. Jadi sistem pendidikan yang cacamarba ini harus diatasi dengan penuh keberanian. Orang yang bersikap ingkar dan angkuh itu harus dihadapi dengan penuh keberanian. Untuk itu, selain daripada untuk menyenaraikan pelbagai tindakan yang dilakukan sekarang, minggu lalu di Perhimpunan UMNO, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai Presiden UMNO...

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, Yang Berhormat. Okey, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Ini *last one* Tuan Yang di-Pertua. ...Menyebut tentang perlunya setiap orang yang dipertanggungjawabkan mengemukakan KPI.

Saya hendak tahu, ada tidak jabatan yang bertanggungjawab terhadap perpaduan nasional ini menyediakan KPI terhadap setiap pihak, setiap individu dan setiap pejabat yang dipertanggungjawabkan untuk itu? Terima kasih.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** Terima kasih. KPI itu sememangnya kita ada, itu saya punya jawapan. Akan tetapi seperti mana yang saya katakan tadi, untuk mencapai sesuatu yang *100 peratus perfect* ini terutama sekali dalam konteks perpaduan, terutama sekali dalam mewujudkan satu perpaduan yang kukuh, saya akui ini sememangnya satu masalah yang cukup susah bagi kita untuk mencapai, bagi kita untuk mewujudkan sesuatu yang baik. Yang Berhormat, *I think this come all from our heart.* Semua datangnya daripada kita punya tingkah laku. Kalau kita semua mengamalkan satu pendekatan hormat-menghormati, ada toleransi dan sebagainya *I am sure you will be a peaceful country.*

Akan tetapi ada orang yang tidak mematuhi sama sekali, suka melihat kekucar-kaciran yang mungkin berlaku walaupun mereka berbuat demikian. Saya akan mengambil perhatian apa yang dihujahkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Itulah dalam jawapan saya sebentar tadi pun saya mengatakan bukan sahaja kita berhenti di situ untuk memantapkan lagi perpaduan kita tetapi kita mempunyai rancangan-rancangan tertentu termasuklah penubuhan *the National Consultative Council*. Jadi, perkara ini akan dilihat secara *inclusive*. Kami akan turun padang untuk mendengar apa masalah itu supaya kita dapat mewujudkan satu *blueprint* yang berhubung kait besar dengan perwujudan perpaduan yang kita fikir mantap dan baik. Sekian.

2. **Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, bilangan pengawal keselamatan warganegara dan bukan warganegara yang bekerja dalam negara kita, dan nyatakan bilangan mengikut negara serta gaji pengawal keselamatan warganegara dan bukan warganegara.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* salam bahagia dan selamat maju jaya, salam 1Malaysia. Buat masa sekarang, seramai 233,023 orang pengawal keselamatan warganegara Malaysia dan seramai 6,746 orang warga asing iaitu warga Nepal. Sehingga ini, kerajaan hanya membenarkan warganegara Nepal sahaja yang pernah berkhidmat sebagai askar untuk bekerja sebagai pengawal keselamatan di dalam syarikat kawalan keselamatan. Ini bagi menampung keperluan semasa dalam sektor ini. Sekiranya terdapat syarikat-syarikat kawalan keselamatan yang menggaji pekerja asing selain daripada warganegara Nepal ataupun mana-mana warganegara asing yang lain termasuk pendatang asing tanpa izin, tindakan tegas akan diambil mengikut undang-undang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat juga, kerajaan telah pun menetapkan dasar gaji minimum kepada semua kategori pekerja di negara ini termasuk pengawal keselamatan. Gaji minimum yang telah ditetapkan ini ialah sebanyak RM900 sebulan. Namun begitu, syarikat kawalan keselamatan adalah diberi peluang untuk melaksanakan kadar gaji ini selewat-lewatnya pada 1 Januari 2014. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Ali bin Mohd Rustam, tambahan pertama.

**Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menanya kepada Yang Berhormat Menteri. Soalan saya yang pertama, apakah tindakan yang telah diambil oleh kerajaan kepada syarikat pengawal yang mana pekerjanya telah menembak pegawai bank dalam kes yang baru lepas? Soalan saya yang kedua, daripada jawapan Yang Berhormat tadi ramai pengawal keselamatan diambil dari luar negara khususnya dari Nepal. Saya ingin bertanya, apakah kerajaan boleh mengambil tindakan-tindakan yang lebih menarik bagi menarik pekerja-pekerja tempatan seperti yang pertama, mengadakan gaji yang lebih tinggi kepada pengawal-pengawal keselamatan tempatan dengan menukar panggilan kerana mengikut undang-undang buruh antarabangsa, gaji orang tempatan dan luar negara mesti sama.

Saya cadangkan, kita tukar nama daripada pengawal kepada pegawai keselamatan dengan gaji pegawai, status pun meningkat, pakaian pun lebih menarik dan gaji pun lebih tinggi. Yang dari luar negara kita namakan dia pengawal. Ketiga, bolehkah kita uruskan penubuhan satu koperasi bekas pegawai keselamatan tentera dan polis khusus untuk menguruskan syarikat kawalan keselamatan? Ini kerana bekas tentera dan polis lebih berdisiplin berbanding dengan orang-orang biasa ataupun orang dari luar negara. Orang Gurkha ataupun Nepal biasanya taat tetapi nampak bila mereka bekerja di Malaysia, mereka tidaklah seperti yang kita jangkakan. Keempat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat, cukup.

**Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam:** ...Saya hendak cadangkan juga supaya...

**Tuan Yang di-Pertua:** *[Ketawa]*

**Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Ini soalan kedua, cadangan yang keempat dalam itu. Supaya persatuan syarikat pengawal keselamatan ditubuhkan di peringkat negara supaya mereka boleh berkongsi sesama sendiri pandangan dan idea bagaimana mereka boleh baiki sistem mereka. Saya juga hendak tanya cadangan yang seterusnya, apakah telah diadakan program angkat sumpah? Semua pengawal keselamatan masa mereka bekerja, dia mesti angkat sumpah macam bekerja dengan tentera dan polis supaya ketaatan mereka itu terjamin, di samping yang Islam itu menggunakan pendekatan agama. Saya hendak tanya juga dalam soalan kedua ini, ada siri-siri cadangan. Yang kelima, bolehkah cukai...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh bangkitkan dalam ucapan perbahasan bajet nanti.

**Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Maafkan saya Tuan Yang di-Pertua. Ya tetapi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Setakat ini cukuplah itu.

**Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Saya hendak tanya, boleh kita bagi dia cukai pelepasan kepada syarikat-syarikat yang mengadakan kawalan keselamatan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Banyak soalan Yang Berhormat ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Orang lama.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya hendak catat soalan ini. Ada lima soalan ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Akan tetapi, Yang Berhormat boleh jawab?

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Boleh, *insya-Allah* saya boleh jawab. Pertama, soalan yang berbangkit berhubung dengan apa yang telah berlaku dengan Syarikat Kawalan Prima yang mana pengawal keselamatan yang telah menembak pegawai Ambank baru-baru ini. Di mana pengawal ini telah ditangkap dan bukan warganegara Malaysia dan juga bukan pengawal yang telah didaftarkan untuk syarikat tersebut. Dia orang asing kerana syarat kita mudah iaitu hanya orang tempatan dan warga Nepal yang berpengalaman dalam bidang ketenteraan sahaja yang dibenarkan untuk menjadi pengawal keselamatan di negara ini.

Tindakan telah diambil kepada pengawal ini dan dituduh di bawah Kanun Keseksaan dan syarikat itu juga telah digantung. Walaupun kita menerima hakikat bahawa ada satu ribu lebih daripada pengawal-pengawal lain yang tidak bersalah telah juga kehilangan pekerjaan tetapi inilah tindakan drastik yang kita ambil untuk memberi contoh kepada syarikat-syarikat lain. Kedua, soalan Yang Berhormat Datuk Seri tadi ialah soalan macam mana hendak menarik minat masyarakat tempatan. Persoalan ini juga banyak dibangkitkan di Dewan Rakyat, Yang Berhormat. Sebenarnya, macam mana kita daripada sudut uniformnya, daripada sudut gajinya dan syarat perkhidmatan, kemudahan, insurans, kebajikan, semua banyak dibangkitkan.

**■1040**

Kita tengah mengkaji dan menyelidik semua perkara ini dalam sudut kebolehan kementerian untuk mengkaji. Jadi saya sendiri Tuan Yang di-Pertua, mengkaji dalam semua sudut. Satu daripada sudut undang-undangnya dan saya juga telah berbincang dua kali dengan pegawai Unit Keselamatan dalam Kementerian Dalam Negeri untuk melihat semula perundangan undang-undang ini yang digubal pada 1971 yang saya anggap tidak berapa lagi *current* atau pun terkini untuk zaman kini. Zamannya telah berubah, amat berubah. Jadi undang-undang itu saya masih mengkaji. Saya berharapan undang-undang ini boleh dibawa, dibentangkan pada Dewan kali ini oleh kerana banyak sangat undang-undang yang lebih penting daripada undang-undang itu. Jadi kita tengah mengkaji dan *insya*-Allah kalau tiada halangan apa-apa, boleh dibawa kepada persidangan Dewan Rakyat pada hujung bulan Mac ataupun April ini nanti.

Juga kita mengkaji juga undang-undang kecilnya dan apakah syarat-syarat lain. Ini kerana pada masa sekarang Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mempunyai kuasa lain daripada membatalkan, menggantung lesen kepada syarikat. Kita tidak ada hak untuk menghukum syarikat, tidak berhak. Ini falsafah.

Tuan Yang di-Pertua mengetahui ini, falsafah penggubalan undang-undang pada 70-an. Kita tidak menghukum syarikat tetapi sekarang falsafah ini telah berubah. Nampaknya Malaysia telah berpindah kepada satu jurusan di mana hukuman kepada syarikat dan pengarah-pengarah syarikat juga dimasukkan dalam akta-akta yang baru digubal pada tahun 90-an dan tahun 2000. Jadi maknanya kita juga akan melihat apa hukuman yang boleh diberi kepada pihak ini dan juga pengurus-pengurus syarikat dan juga pengarah-pengarah syarikat. Jadi undang-undang kita nampaknya pada pandangan saya adalah belum lagi mencukupi daripada sudut hukuman.

Jadi satu lagi soalan yang dibangkitkan dalam sub soalan. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua saya gunakan sub soalan. Soalan kecil sama ada pegawai yang kita lantik daripada orang tempatan ini dipanggil pegawai dan yang satu lagi dipanggil pengawal. Ini banyak implikasi Tuan Yang di-Pertua. Saya cukup yakin pegawai-pegawai kerajaan JPA, Tuan Yang di-Pertua sedia maklum bahawa bila kita menggubal undang-undang, ia kena dimasukkan dalam undang-undang. Kalau digubal undang-undang, undang-undang sebelum dimasukkan ke Dewan dia mesti *circulate* kepada semua kementerian. Kementerian akan memberi, sama setuju ataupun tidak setuju dengan istilah yang kita hendak masukkan.

Jadi saya cukup yakin ini amat payah sekali. Ini kerana pegawai bermaknanya orang pegawai kerajaan bukan pegawai syarikat. Jadi ini ada masalah sedikit Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi walaupun macam mana terima kasih atas cadangan itu dan pula pengawal. Satu lagi oleh kerana dia bekerja dalam satu sudut yang sama, kerja yang sama, dalam satu syarikat yang sama, kalau ada diskriminasi sedemikian, kita ada implikasi buruh ini pula di antarabangsa. ILO mungkin tidak akan setuju. Jadi kementerian buruh mungkin memang payah hendak bersetuju. Kalau tidak, mereka yang jadi sasaran. Jadi ini, walau bagaimanapun terima kasihlah atas cadangan itu, kita juga akan selidik.

Ketiga, panjang. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, silakan.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Ketiga dia kata supaya pihak polis dan tentera dilantik sebagai pengurus. Pada masa sekarang, kita syaratkan bahawa mana-mana syarikat yang hendak menubuhkan syarikat keselamatan ini mesti ada pengarah-pengarah dia daripada pegawai-pegawai tentera dan pegawai-pegawai polis. Pegawai-pegawai tentera dan pegawai-pegawai polis ini mesti memegang saham tidak kurang 30 peratus daripada saham syarikat tersebut.

Akan tetapi apa yang berlaku sekarang Tuan Yang di-Pertua ialah begini, apabila syarikat ini telah membesar, kita dahulu pada tahun 70-an apabila undang-undang ditubuhkan, syarikat ini dipandang sebagai *is a small family affair* macam itu sahaja. Syarikat kecil-kecilan tetapi sekarang industri semua berubah. Kita punya *economic cake* daripada RM5 bilion pada tahun 70-an, yang sekarang ini sudah mencecah RM1.3 trilion, *economic cake* itu membesar sekali. Jadi dengan sendirinya industri ini mengembang begitu besar dan besar juga jadi skopnya.

Jadi dasar kita dahulu yang mengatakan hanya menjadi pengarah ini mungkin sudah jauh sangat tergantung, sebab hendak jadi pengarah hendak mengurus sampai ke cawangan kepada semua sektor dia, semua bahagian dia, semua cawangan dia, mungkin tidak berkemampuan lagi pengarah tersebut.

Jadi ada baik kemungkinan kita akan bincangkan pula selepas ini mungkin pengurus-pengurus di semua peringkat, *average culture of management,* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, mungkin kita juga mahu pegawai-pegawai polis dan pegawai-pegawai tentera. Saya cukup yakin pegawai polis dan tentera akan mengambil baik cadangan ini kalau kita gunakan, dengan syarat ada mereka yang mempunyai kepakaran, kebolehan dan pengetahuan dalam sudut pentadbiran syarikat. Ini kerana mentadbir polis ini lain, mentadbir syarikat ini lain sedikit, *business part* dia berlainan.

Keempat, angkat sumpah dan juga ketaatan seluruh negara. Jadi ini kita boleh pertimbangkan. Kita melihat macam mana boleh kita memberi latihan yang sebanyak mungkin daripada sudut kebaikan syarikat ini dalam kajian saya, oleh kerana saya ada dua mesyuarat berhubung dengan ini. Jadi soalannya kita akan minta input daripada Peguam Negara sama ada kita boleh meminta pegawai-pegawai ini mengangkat sumpah atau pun tidak.

Akan tetapi masalah yang kita hadapi sekarang bukan soalan ketaatan anggota yang pegawai tempatan atau pun orang Nepal ini Tuan Yang di-Pertua sebenarnya. Masalah yang kita hadapi sekarang ialah syarikat-syarikat itu sendiri, oleh kerana hendak mengambil untung yang besar, mengambil orang yang tidak daripada sektor ini sendiri, satu. Kedua, dia menggaji orang yang PATI, pendatang haram yang datang ke negara ini digaji. Dengan itu dia telah menggelakkan daripada membayar insurans, membayar PERKESO, membayar bermacam-macam kebajikan kepada ini dan boleh juga tidak mengikut garis panduan gaji RM900 nanti kalau dilaksanakan pada 1 Januari 2014 nanti. Jadi ini yang masalah kita, bukan masalah yang orang tempatan dan orang Nepal yang tidak *loyal* dengan syarikat ataupun dengan negara ini. Masalahnya orang asing yang tanpa izin masuk ke sini digaji oleh kerana hendak bayar murah, hendak dapat murah, hendak untung besar.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua juga menyebut macam mana Kementerian Dalam Negeri boleh menguruskan ini supaya ini masih dalam pertimbangan kita. Ada pihak-pihak tertentu menyarankan kepada saya supaya kita ada *management, management* yang khusus untuk *auditing* semua syarikat keselamatan di seluruh negara. Akan tetapi kita tidak boleh berpindah macam apa yang dilakukan di Singapura yang mana satu sahaja syarikat yang menguasai industri keselamatan ini. Kalau kita buat macam itu, dia akan di*spin* jadi satu isu politik besar nanti dan kita juga yang akan bertanggungjawab kepada soalan-soalan yang bakal dibangkitkan daripada itu.

Jadi satu lagi yang terakhir sekali yang kelima, iaitu pelepasan daripada cukai. Jadi pada ini mungkin boleh dibawa kepada Kementerian Kewangan, dipertimbangkan oleh kerajaan macam mana boleh kita meredakan, mengurangkan sedikit. Akan tetapi dalam pandangan saya, saya hendak dalam peraturan dan perundangan yang bakal kita buat iaitu di antara syarikat dengan *client* dia, kita mesti ada satu garis panduan untuk menggaji syarikat keselamatan ini daripada pihak syarikat-syarikat yang menggunakan perkhidmatan mereka supaya mereka jangan menindas.

Kalau sebagaimana saya sebut dengan pegawai saya tadi, kalau hendak beli ikan bilis mesti harga ikan bilislah, kalau hendak beli ikan pura itu mesti harga ikan pura. Ikan pura ini RM1,000 satu kilo di Sarawak Yang Berhormat. Jadi ikan bilis mungkin RM3 sahaja satu kilo. Jadi kalau hendak beli murah itu, dapat murahlah. Kalau beli mahal dapat mahal. Jadi keselamatan itu, *if you want a good* keselamatan, *you* kena bayar nilai dia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak-banyak bagi saya peluang. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sini sebagai contoh kalau sekiranya soalan itu baik, jawapan itu pun baik. Saya bagi masa lebih pun tidak mengapa. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Haji Muhamad Yusof tambahan yang kedua.

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Seperti mana kita maklum, keselamatan ini adalah satu benda yang kena profesional.

Kalau keselamatan ini tidak profesional, dan sekarang ini keselamatan sudah menjadi satu perniagaan, maka nyawa akan melayang dan pegawai bank yang mati itu tidak akan kembali lagi. Anak dan suaminya kehilangan sampai bila-bila.

**■1050**

Jadi pertanyaan tambahan saya, oleh kerana syarikat keselamatan sekarang ini tidak mempunyai piawaian ataupun mutu keselamatan yang profesional yang ia mengutamakan perniagaan seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, tidakkah kerajaan boleh mencari satu jalan untuk menyelesaikan masalah ini? Kalau di Singapura, hanya satu syarikat yang mengendalikan hal keselamatan ini. Apalah salahnya kalau di Malaysia, hanya satu syarikat sahaja tetapi syarikat itu ialah kepunyaan kerajaan, GLC yang mana kita mempunyai ramai pegawai polis yang bersara, pegawai tentera yang bersara yang mereka ini boleh duduk dalam syarikat ini dan mereka mengendalikan keselamatan yang sekaligus, keselamatan pengawal keselamatan di seluruh negara boleh dikawal dengan baik dan teratur. Apakah pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas soalan ini. Soalan ini pun baik juga sebab kita banyak mengkaji. Saya juga mengkaji syarikat Cisco di Singapura macam mana dia mengendalikan. Akan tetapi perbandingan dengan Singapura dengan Malaysia yang mempunyai dari Sabah ke Perlisnya, dari Johor ke *Penang*nya, dari Sarawak ke Terengganunya, saya cukup yakin *complexity* itu adalah amat besar kerana cawangannya yang begitu besar. Singapura itu macam satu tempat sahaja, *island state city* di hujung Semenanjung. Jadi, ia mudah dikendalikan oleh satu syarikat dan ditadbir oleh satu *management* yang boleh mengawal selia aktiviti mereka.

Akan tetapi daripada sudut *auditing* ini sebenarnya KDN sekarang mempunyai *Auditing Unit* dalam KDN itu sendiri untuk *auditing* semua syarikat. Akan tetapi *auditing* ini juga kita rangka pada tahun 70-an dan 80-an. Oleh kerana industri membesar sebagai mana ekonomi kita membesar, jadi *Auditing Unit* ini ada hubung-kait dengan pihak JPA, MoF untuk beri gaji dan satu unit yang lebih besar untuk mengawal selia. Jadi, dalam keadaan sedemikian, saya berpandangan supaya kita mengadakan mungkin bukan satu badan syarikat yang besar-besaran di bawah GLC, mungkin di bawah pegawai-pegawai walaupun nampaknya ideal pandangan saya tetapi dalam sudut kewangannya nanti kita akan kembali kepada kerajaan juga. Jadi kita tidak mahu ia menjadi satu industri yang besar di bawah kerajaan. Jadi yang mempunyai 200,000 lebih anggota ini lebih besar daripada tentera dan polis *put together*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Saya fikir ia mempunyai satu implikasi yang besar daripada sudut kewangan, kawalan kepada pegawai kerajaan dan lagi macam mana kita hendak mengecilkan kerajaan tidak berkemampuan kita oleh kerana industri ini menjadi pegawai kerajaan sudah. Jadi dalam keadaan sedemikian, mungkin kita mengadakan *auditing company* untuk auditkan ia punya piawaian penggunaan. Ini telah dalam cadangan saya dan kajian saya untuk bagaimana meletakkan satu piawaian ataupun standard yang baik, yang mungkin setahap dengan *auditing* dan standard polis dan ketenteraan dalam kita melaksanakan industri keselamatan dalam negara ini dalam semua sudutnya.

Pada masa sekarang kita mempunyai sepuluh garis panduan yang mana saya anggap tidak ada *the force of law*, dengan izin. Kalau dibuat akta ataupun di bawah akta itu kita ada *enabling section* untuk kita membuatkan satu peraturan yang ada *force of* undang-undang, menggantikan sepuluh peraturan ini, saya cukup yakin oleh kerana ia berlandaskan undang-undang piawaian ini boleh kita naikkan dan kita ada lagi pula *auditing company* yang diaudit pula oleh pihak KDN. Kita boleh menaikkan tahap industri kepada satu tahap yang jauh lebih baik, mungkin jauh lebih baik apa yang kita lihat sekarang ini. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**3.** **Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai** minta Menteri Kewangan menyatakan, mengapa pihak kerajaan hanya akan melaksanakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) pada April 2015 dan bukan pada tahun hadapan dan apakah langkah-langkah kerajaan dalam memastikan rakyat memahami pelaksanaan GST ini bukan sebagai bebanan kepada mereka.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua, kita sudah menjawab dua soalan hampir sejam. Satu rekod dalam sejarah... *[Ketawa]*

Soalan nombor tiga ini juga panjang sebenarnya tetapi saya cuba memendekkan sebab saya kena menjawab lapan soalan bersekali daripada Yang Berhormat Senator Dato' Nallakaruppan dan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rohani binti Abdullah, Yang Berhormat Senator Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah pada hari ini, Yang Berhormat Senator Puan Norliza binti Abdul Rahim pada 10 Disember; Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar, Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus pada 11 Disember; Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul pada 12 Disember dan Yang Berhormat Senator Tuan Saiful Izham bin Ramli pada 17 Disember kerana kesemua soalan ini adalah berkisar kepada isu pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan atau lebih dikenali sebagai *goods and services tax* (GST).

Pelaksanaan GST tidak pada tahun hadapan tetapi bermula pada 1 April 2015 adalah bertujuan bagi memberi masa kepada peniaga untuk membuat persiapan yang sewajarnya. Persiapan yang dimaksudkan adalah daripada segi latihan kepada kakitangan, perubahan sistem pengkomputeran dan penilaian semula proses perniagaan. Tempoh masa yang secukupnya juga diperlukan oleh kerajaan bagi memastikan undang-undang dan peraturan berkaitan berada dalam keadaan teratur. Penyediaan infrastruktur seperti sistem pengkomputeran GST dan pemberian latihan kepada pegawai agensi pelaksanaan GST. Selain daripada itu, ia juga bagi membolehkan kerajaan menjalankan program-program kesedaran GST secara lebih *inclusive.*

Struktur GST di Malaysia telah dirangka dengan begitu unik sekali mengambil kira corak perbelanjaan golongan berpendapatan rendah dan sederhana rendah. Berdasarkan pada corak perbelanjaan tersebut, didapati pelbagai barangan makanan asas seperti beras, tepung gandum, sayur-sayuran, daging dan ikan juga perkhidmatan asas seperti perkhidmatan kesihatan, pengangkutan awam dan pendidikan adalah merupakan jenis perbelanjaan yang paling utama. Atas alasan itu, kerajaan mencadangkan agar barang dan perkhidmatan yang disebutkan tadi tidak dikenakan GST dengan tujuan untuk meringankan beban golongan berpendapatan rendah dan seterusnya menjadikan GST yang bakal dilaksanakan di Malaysia bersifat progresif.

Kerajaan telah mengumumkan bahawa pelbagai pakej bantuan akan disediakan bukan sahaja kepada peniaga tetapi juga kepada pengguna. Pemberian tunai secara *one-off* dan pengurangan kadar cukai pendapatan individu telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam pembentangan Bajet 2014. Tuan Yang di-Pertua, bagi pembelian dan penyewaan rumah kediaman, pengguna tidak perlu membayar GST. Mengenai perkhidmatan kesihatan pula, pengguna juga tidak perlu membayar GST. Kerajaan juga telah mencadangkan agar pengguna tidak perlu membayar GST ke atas bekalan air paip.

Jangkaan hasil kutipan GST bagi tempoh bulan April hingga bulan Disember 2015 adalah sebanyak RM23.18 bilion setelah mengambil kira kos pelaksanaan pakej-pakej bantuan GST. Juga kehilangan hasil daripada pemansuhan cukai jualan dan cukai perkhidmatan kutipan bersih GST tahun 2015 adalah dijangka sebanyak RM3.87 bilion sahaja. Lebihan hasil ini akan digunakan semula untuk pembangunan negara demi kebaikan dan kesejahteraan rakyat di masa akan datang. Bagi memastikan pelaksanaan GST berjalan lancar, kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan GST yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II. Antara isu yang sedang diberi perhatian adalah berkaitan dengan harga yang mana pihak rakyat bimbang akan isu berkaitan dengan pengambilan untung berlebihan oleh peniaga.

Kerajaan telah mengambil langkah proaktif dengan menguatkuasakan Akta Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan 2010 pada 1 April 2011. Dengan adanya akta ini, aktiviti penguatkuasaan dan kesedaran yang dijalankan oleh kerajaan adalah diharapkan peniaga tidak mengambil kesempatan dengan menjadikan GST sebagai alasan untuk menaikkan harga dan mengambil untung secara berlebihan. Sebagai panduan kepada pengguna agar tidak ditindas oleh peniaga-peniaga yang mengambil kesempatan, kerajaan akan mengeluarkan panduan pengguna ataupun *shoppers guide* bagi membolehkan perbandingan harga sebelum dan selepas GST dapat dibuat. Panduan ini akan dikeluarkan tiga bulan sebelum pelaksanaan GST.

Dalam memastikan rakyat Malaysia bersedia menerima GST, program-program konsultasi kesedaran rundingan secara *inclusive* telah dijalankan di seluruh negara dan ia akan berterusan sehingga tarikh pelaksanaan GST. Semenjak tahun 2010 sehingga bulan November 2013 bulan lepas, sebanyak 4,808 program dijalankan yang telah dihadiri seramai 232,090 orang.

**■1100**

Kerajaan juga telah mewujudkan *hotline* GST iaitu 1-300-888-555 dan *website* khas GST www.gst.customs.gov.my. Saya ulang, *hotline* GST, 1-300-888-555. Boleh telefon sekarang. Terima kasih.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, apakah langkah kerajaan di dalam menangkis tohmahan pihak pembangkang mengenai keburukan GST seperti yang dinyatakan oleh mereka? Ketua Pembangkang hati dia suka GST tetapi mulut yang bising. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri? Tolong jawab. Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih Senator Dato' Nallakaruppan. Pada mula-mula, pembangkang ini kata tidak setuju tetapi ada sebahagian mereka bersetuju. Ada sekumpulan Pembangkang lagi dalam muktamar mereka akan melaksanakan apa yang dipanggil sebagai jelajah anti GST. Segala perkara ini adalah tidak baik dan ia memudaratkan. Kita akan dan sedang melaksanakan kempen ini melalui iklan televisyen, radio, surat khabar. Semalam pun ada dalam surat khabar dan juga kita akan mengadakan program dengan NGO, badan-badan persatuan, Persatuan Pengguna misalnya. Jika GST ini tidak baik, tidak mungkinlah dilaksanakan oleh 160 buah negara.

Dalam dunia ini ada lebih kurang 200 buah negara sahaja. 160 buah negara sudah laksana. Kalau tidak baik, tentu tidak dilaksanakan oleh negara sebegitu banyak. Mungkin satu atau dua negara sahaja yang laksanakan. Negara-negara maju hampir semua, 99 peratus negara maju ini sudah laksanakan GST. Jadi, kempen-kempen kita akan teruskan. Kita ada masa lagi untuk menjelaskan kepada rakyat bahawa GST ini adalah baik, satu cukai yang lebih telus dan lebih adil kepada pengguna dan juga mendapatkan hasil untuk negara. Hasil untuk negara itu satu bab tetapi apa yang lebih penting ialah cukai itu lebih adil, lebih telus dan lebih baik dan ia juga mendatangkan beberapa faedah. Antara faedah-faedahnya ia boleh mengurangkan kos perniagaan. Apabila kos perniagaan boleh diturunkan, maka harga barangan kemudiannya akan dapat diturunkan juga. Terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya, apakah keuntungan dan kebaikan kepada rakyat negara bilamana GST diperkenalkan bagi ganti cukai yang ada sekarang? Kedua, bolehkah Menteri Kewangan nyatakan sasaran pecahan cukai GST dalam bentuk peratus kepada kategori-kategori tertentu? Misalnya, yang tinggi, sedang, sederhana, sederhana rendah dan bawah. Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar. Pertama, kebaikan GST ini saya sudah sebut tadi, mengurangkan kos perniagaan. Kedua, kebaikannya meningkatkan pematuhan di negara kita ini dan di negara-negara yang belum maju. Apa yang disebutkan sebagai *the black economy* ataupun *the shadow economy,* lebih kurang 20 hingga 30 peratus daripada keluaran Dalam Negara Kasar dan itu melibatkan puluhan bilion ringgit kerana tiada pematuhan kepada pembayaran cukai. Ada yang lari daripada cukai itu ramai. Akan tetapi apabila kita melaksanakan GST, amat sukar untuk lari daripada membayar cukai terutama daripada pihak-pihak peniaga.

Seterusnya ia mengurangkan karenah birokrasi, ia memberi kesaksamaan dan menjamin ketelusan. Satu lagi menjadikan harga lebih berpatutan kepada pengguna. Kenapa harga akan jadi lebih berpatutan kepada pengguna? Sekarang ini barang-barang yang kita beli ada cukai jualan 10 peratus di dalam harganya. Kadang-kadang lebih daripada 10 peratus. Sekarang ini yang 10 peratus itu tidak akan ada lagi. Ia tinggal hanya 6 peratus. Di tempat-tempat yang tertentu, di hotel dan di restoran-restoran yang besar, cukai jualan 10 peratus, tambah lagi cukai perkhidmatan 6 peratus. Jadi apabila kita duduk di hotel dan juga di restoran yang tertentu, 16 peratus dibayar.

Akan tetapi selepas ini yang 16 peratus itu sudah tidak ada. Pada 1 April, 2015 nanti 16 peratus tidak ada, 6 peratus tidak ada, 10 peratus tidak ada dan yang ada cuma 6 peratus secara rata cukai itu. 6 peratus sahaja dan bukan lagi 10 peratus dan bukan lagi 6 peratus atau 16 peratus. Dengan kata lain, GST boleh mengurangkan harga barangan.

Walaupun demikian, kita melihat apa yang berlaku di negara-negara yang melaksanakan GST, kenaikan memang ada. Sebanyak 1.8 peratus ke-2 peratus hingga 3 peratus harga barang pada tahun pertama. Ini disebabkan kerana peniaga-peniaga mengambil kesempatan. Barangan yang sudah ada ini 10 peratus, mereka tidak tolak 10 peratus malahan 10 peratus itu dicampurkan dengan 6 peratus. Itu masalahnya. Kita harap barangan-barangan yang sudah ada cukai jualan 10 peratus sekarang ini, buang 10 peratus itu dan letak cuma 6 peratus. Namun ada peniaga-peniaga yang degil. Itu sebab tadi saya sudah menyebut Akta Kawalan Harga Barang dan Pencatutan. Kita akan mengambil tindakan yang tegas dengan menyenaraikan satu senarai panjang harga-harga barang supaya mereka tidak boleh menipu dengan menaikkan harga sewenang-wenangnya. Terima kasih.

**4.** **Dr. Syed Husin Ali** minta Perdana Menteri menyatakan, bilangan dan bidang pelajaran biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam bagi ijazah pertama yang diberikan sepanjang 2012 dan 2013, dan adakah bilangan biasiswa ini akan ditambah.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih kepada Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2012 dan 2013, JPA telah menyediakan sebanyak 300 biasiswa setahun kepada pelajar untuk mengikuti pengajian dalam bidang kejuruteraan ke luar negara di bawah program khas ke Perancis, Jerman, Korea dan juga Jepun.

Selain itu, pada tahun 2012, JPA turut menawarkan Biasiswa Nasional secara automatik berasaskan merit dan akademik kepada 60 orang pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia paling cemerlang mengikut senarai Kementerian Pendidikan Malaysia untuk melanjutkan pengajian di universiti terkemuka di dunia di peringkat ijazah pertama.

Manakala bagi Program Ijazah Dalam Negara (PIDN) tahun 2012 JPA menawarkan biasiswa kepada 10,000 orang pelajar untuk mengikuti pengajian di institusi pengajian tinggi dalam negara di peringkat ijazah pertama dan diploma. Pecahan pelajar mengikut kelompok bidang pengajian adalah seperti berikut:

| Bidang Pengajian | Bilangan Pelajar |
|---|---|
| Perubatan, Pergigian dan Farmasi | 1,812 |
| Sains dan Teknologi | 5,327 |
| Sastera dan Sains Sosial | 2,861 |

Walau bagaimanapun, penajaan bagi tahun 2013 masih dalam proses penawaran. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan biasiswa bagi tahun 2013 sama ada akan bertambah atau berkurangan adalah bergantung kepada unjuran keperluan guna tenaga negara, kemampuan kewangan kerajaan dan dasar penajaan kerajaan. Sekian, terima kasih.

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih. Ada pendapat bahawa lebih baik pelajar-pelajar peringkat ijazah pertama tidak dihantar ke luar negara tetapi belajar dalam negara. Ia bererti lebih baiklah dihantar ke luar negara hanya *postgraduate*, dengan izin. Apakah pandangan Menteri tentang hal ini? Keduanya, ramai pelajar yang mendapat biasiswa JPA di luar negara dan saya percaya tidak 300 orang yang membuat kejuruteraan sahaja kerana ada yang mengambil perubatan dan sebagainya.

**■1110**

Ramai di antara mereka tidak pulang bahkan memilih untuk bekerja sama ada di tempat mereka belajar ataupun di tempat lain. Ada juga yang tidak mendapat pekerjaan. Saya ingin tahu kalau boleh, berapakah bilangan pelajar yang tidak balik ini atau tidak mendapat pekerjaan?

Mungkin tidak dapat diberi angka-angka ini sekarang tetapi boleh diberikan penjelasan bagaimanakah kerajaan akan bertindak untuk memastikan tidak ada yang tidak pulang dan tidak ada yang menganggur terutama sekali yang mendapat *scholarship* daripada JPA di luar negara. Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberi angka-angka yang tepat sepenuhnya berapa orang yang tidak pulang. Akan tetapi kalau Yang Berhormat bagi masa sikit, saya boleh menjawab. Kadang-kadang kita rakyat Malaysia ini macam ini, kalau 1,000 orang kita hantar, satu orang tidak pulang, kita hanya nampak satu orang itu. Sedangkan yang 999 orang yang pulang itu kita tidak nampak.

Walau bagaimanapun, kita akan bagi angka. Yang Berhormat, untuk pengetahuan Yang Berhormat seperti yang saya sebut tadi ialah biasiswa yang kita hantar ke luar negara ini tidak banyak. Program-program utama yang kita hantar ke luar negara seperti yang saya sebutkan tadi ialah Program Biasiswa Nasional. Ini kita hantar yang terbaik di antara yang terbaik ya.

Pada tahun 2012, kita hantar 19 orang bumiputera dan 31 orang bukan bumiputera. Tahun 2013, seramai 17 orang bumiputera, kurang lagi, kemudian bukan bumiputera 33 orang. Jadi kita hendak tengok di tahap mana yang mereka berada sehingga mereka tidak pulang. Kemudian program khas untuk Jerman, Perancis dan juga Jepun serta Korea ini, ini program khas yang kita bagi 300 biasiswa. Jadi bumiputera adalah 188 orang dan bukan bumiputera ialah 112.

Ini ialah yang kita hantar dan itulah Yang Berhormat sebutkan bahawa inilah jumlah yang kita hantar. Kita tidak tahu berapa orang akan pulang dan sebagainya. Cuma pada pandangan saya mungkin berlainan daripada sesetengah orang. Kalau kita pergi ke mana-mana negara di dunia ini, Tuan Yang di-Pertua boleh sahkan itu, kadang-kadang kita berjumpa di kedutaan kita, bukan orang Malaysia yang bekerja di kedutaan kita, yang bekerja ialah orang Bangladesh, orang India, orang *Philippines*. Ini Kedutaan Malaysia sendiri. Kalau kita tanya apa kelulusannya, kelulusannya tinggi-tinggi walaupun kerjanya *driver,* sebab gajinya mahal dan sebagainya. Kadang-kadang terfikir pada diri kita, bukan? Kalau kita pergi ke negeri-negeri yang jauh-jauh, kita berjumpa rakyat Malaysia yang bekerja di sana, ini ialah sesuatu yang cukup menyeronokkan. Kita masuk hospital, kita jumpa doktor kita. Mungkin ada seorang dua yang tidak balik dan bekerja di sana, orang Malaysia kecuali dia hendak tukar warganegaralah, orang Malaysia.

Kadang-kadang kita rasa seronok. Kita pergi ke seluruh negara, kita akan berjumpa dengan orang Malaysia yang bekerja di luar negara tetapi kita jarang berjumpa kerana orang Malaysia, keperluan tenaganya lebih bagus berada di dalam negara. Kalau kita mahu orang Malaysia *adventurous* sikit supaya mereka mencari makan di luar dan dalam masa yang sama kita melihat mereka akan bagi sumbangan mungkin setelah mendapat kepakaran yang baik, mereka akan pulang ke negara kita.

Akan tetapi angkanya tidaklah banyak sampai ke tahap yang kita kata negara perlu bimbang di atas krisis orang tidak mahu balik dan sebagainya. Kita sedia maklum bahawa mereka boleh membuat pilihan mereka dan tugas kerajaan, sumbangan negara kepada rakyatnya ialah meletakkan polisi yang demikian rupa iaitu kalau mereka yang terbaik, kita akan bagi 50 biasiswa. Kalau sekiranya ada program khas, kita akan bagi 300 biasiswa. Itu yang pertama.

Kemudian untuk pengetahuan Yang Berhormat, saya dapat angka ini. Dalam tempoh tahun 2000 sehingga tahun 2009, 23.7 peratus graduan tajaan JPA telah berkhidmat di pelbagai bidang di Malaysia. Jadi, di samping yang telah saya sebutkan tadi, untuk *first degree* itu, itulah jumlahnya. Kebanyakan yang lain ialah untuk *postgraduate*. Saya rasa jumlah 50 dan juga 300 itu tidak banyak dan kalau yang tidak pulang satu dua orang, mungkin mereka hendak terus melanjutkan pelajaran di sana ataupun mungkin bermastautin di sana atau akhirnya mereka akan kembali, itu adalah pilihan mereka.

Akan tetapi kerajaan mesti dilihat bahawa telah buat yang terbaik dan mungkin jawapan Yang Berhormat ini boleh dihubung kaitkan dengan jawapan 'Perpaduan Negara' tadi. Sejauh mana rakyat yang telah kita bina dan kita bela ini, cinta kepada negara, itu yang penting. Ini kerana kita tidak mahu rakyat hanya menggunakan negara ini untuk menumpang sekejap bagi mencari tempat lain di kemudian hari. Walau bagaimanapun, ini

adalah kebebasan yang kerajaan bagi dan tugas kerajaan terus membina rakyat supaya mereka menjadi orang yang berjaya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua saya hendak tanya, adakah kerajaan taja pelajar-pelajar yang hendak buat *master* dan PhD sebab saya dengar tidak ada? Kalau ada pun sikit.

Kedua, soalan ini tidak ada kena mengena tetapi ada kena dengan Yang Berhormat Menteri, masalah banjir. Apakah MKN gagal atasi banjir, berapa ramai yang terlibat dan apa bentuk bantuan? Silakan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua soalan yang kedua itu, boleh atau tidak saya jawab soalan nombor lima? Soalan nombor lima itu berkenaan MKN... *[Menyampuk]* Kena jawab sekarang juga?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersedia menjawab itu? Fasal soalan...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya bersedia menjawab. Akan tetapi yang pertama dia hendak tanya *postgraduate*…

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau boleh jangan panjang sangat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** *Postgraduate* untuk *master* dan juga PhD, ya? Untuk *master* dan PhD. Yang Berhormat, bagi mereka yang berkhidmat, berkhidmat dalam kerajaan, ia ada programnya. Jadi saya pun pernah bekerja dengan kerajaan dan saya dapat *master* semasa dalam kerajaan. Demikian juga mereka yang hendak meneruskan bidang PhD. Itu ialah untuk katakan Jabatan Perkhidmatan Awam.

Akan tetapi universiti-universiti akan terus menghantar pensyarah-pensyarah untuk meningkatkan ilmu mereka dan selepas itu mereka akan mendapatlah *master* dan juga PhD. Buat pada masa ini, kerajaan juga menaja pelajar ijazah lanjutan di bawah program pelajar cemerlang iaitu biasiswa Yang di-Pertuan Agong. Itu pun ada program bawah biasiswa Yang di-Pertuan Agong tetapi saya hendak beritahu bahawa universiti-universiti juga terus menghantar *postgraduate* ini.

Kemudian yang kedua, sebenarnya saya patut jawab soalan nombor lima tapi Yang Berhormat minta saya jawab sekarang. Apa yang berlaku di bawah sekarang ini ialah satu bentuk perpindahan banjir yang berlaku serentak di seluruh negara. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, saya kena baca yang ini. Di Johor ada 9 pusat perpindahan yang melibatkan 151 keluarga dan 600 mangsa. Di Pahang 134 pusat yang melibatkan 10,283 keluarga dengan jumlah keluarga yang terlibat ialah 33,875. Itu yang pada peringkat awal. Sekarang ini angka itu sudah meningkat kepada 40,000. Di Terengganu 48 pusat yang melibatkan 3,668 keluarga dengan 16,423 mangsa. Di Kelantan 2 pusat, ada 7 keluarga dan 21 mangsa.

Bila banjir berlaku pada hari yang pertama Tuan Yang di-Pertua, perpindahan di Kuantan saja, hari yang pertama itu, seramai 27,000 lebih, ini sejarah. Banjir itu pula berlaku di tempat yang berlaku banjir, tidak berlaku banjir. Di tempat yang tidak berlaku banjir, berlaku banjir. Jadi itulah beberapa tempat yang berlaku dan bila berlaku banjir dengan serentak sudah pasti kita kena *mobilize* habis sehabis-habisan jentera kita untuk memindahkan orang. Bila mereka pindah, bila datang ke pusat perpindahan, itu adalah tugas Jabatan Kebajikan Masyarakat atau JKM pula untuk menguruskan pusat tersebut bersama dengan bantuan makanan.

**■1120**

Hari yang pertama mungkin kita ada sebab pergerakan perpindahan berlaku tetapi dari segi makanan- hari yang pertama, yang hari kedua dan seterusnya adalah diuruskan dengan baik. Sekarang ini di banyak pusat orang sudah balik ke rumah tetapi balik ke rumah melihat dapur rosak, baju rosak dan tidak ada apa lagi yang tinggal di rumah dan di sesetengah tempat banjir ini berlaku di kawasan perumahan yang berpendapatan sederhana tetapi mereka sudah hilang segala-galanya seperti kereta dan sebagainya. Jadi pusat pemindahan kita akan terus menyediakan makanan kepada mereka, sehinggalah kita

isytiharkan pusat tersebut telah ditutup. Walaupun orang pergi balik cuci rumah pada siang hari, malamnya dia akan datang balik sebab rumah itu masih basah dan sebagainya.

Jadi MKN dan juga Jabatan Kebajikan Masyarakat serta semua agensi pelaksana lain seperti polis, tentera, APMM dan sebagainya telah memberikan khidmat yang terbaik dan saya pergi ke pusat banjir ini tiap-tiap hari, dan saya pergi ke Kuantan, Kemaman, Dungun, Pekan. Hari ini pergi Pekan, Rompin dan saya berpusing, dan selepas habis jawapan ini pun saya akan pergi ke sana.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita kena ingat semasa kita berpindah, seramai 27,000 orang di Kuantan itu, sudah pasti ada satu, dua yang mungkin tertinggal tetapi kita tidak boleh buat penilaian berdasarkan mungkin satu, dua yang tertinggal. Akhirnya kita jumpa mereka dan kita bawa. Kita menggunakan helikopter, bot dan sebagainya. Malah pergerakan yang berlaku serentak 27,000 orang di Kuantan itu telah dibuat dengan baik dan mungkin ada satu, dua yang kekurangan semua kita atasi dengan baik. Demikian juga pergerakan di Terengganu, yang mana Menteri Komunikasi dan Multimedia, dan juga Menteri Besar membantu. Di Pahang Menteri Besar dan juga semua sekali Menteri lain yang ada kita bantu.

Jadi pada keseluruhannya, kita telah buat yang terbaik tetapi pada hari yang keempat dan kelima Yang Berhormat, tiba-tiba muncullah hero-hero yang hebat masa pilihan raya kecil pakai topi, kemudian tulis sedikit apa-apa di belakang baju itu ”Amal” kah apa, hendak jadi hero. Hari yang keempat lepas itu mari datang hendak bagi makanan tapi lebih kepada orang-orang mereka tetapi bila kita buat kerja, UMNO-Barisan Nasional kita bagi perhatian kepada semua orang tanpa memilih parti dan sebagainya... *[Tepuk]*

Jadi bila kita tunjuk yang pakai baju, yang kononnya, sudah datang hari yang keempat dan kelima, air pun sudah surut, mereka boleh datang dengan kereta- baru nampak. Akan tetapi mengendalikan pusat itu, iaitu saya hendak ucap terima kasih- pusat itu bukan dikendalikan oleh pegawai kerajaan tetapi dikendalikan oleh sukarelawan. Saya boleh sebut nama. Di Sungai Isap iaitu yang melibatkan dua pusat- sekolah menengah dan sekolah rendah dikendalikan oleh seorang Jawatankuasa Bahagian, dan seorang lagi Tok Empat yang juga Jawatankuasa Bahagian. Kemudian di Belukar diuruskan sendiri oleh Yang Berhormat Shafik. Dia jadi mangsa banjir, dan dia jadi ketua banjir di situ. Kemudian di Paya Besar, ini tempat yang sering mendapat kompelin ini, diuruskan oleh Tok Empat dan juga Jawatankuasa Bahagian. Kemudian juga pusat-pusat di Terengganu, di Dungun dan Kemaman, dikendalikan oleh Pengerusi JKK...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ...Dan akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak berterima kasih kepada satu pusat yang dikendalikan oleh- saya pun tidak kenal siapa orangnya, bukan daripada mana-mana parti tetapi sukarelawan. Saya sebut dalam Dewan ini namanya ‘Mazwin’, dan dia hanya muncul dan mengendalikan 4,500 orang mangsa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dipersilakan yang kelima Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid- kerana Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid tidak ada. Dia beritahu saya dia ada masalah sedikit dalam perjalanan. Menteri ada hadirkah atau tidak untuk jawab soalan nombor 5 ini? Oleh kerana Menteri ada, dan ada kah sesiapa yang beri mandat?... Silakan.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid menyampaikan salam kepada Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan, yang mana sekarang ini beliau berada di Kuantan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa, silakan.

5. **Tuan Baharudin bin Abu Bakar** *[Di bawah P.M 23(2)]* minta Perdana Menteri menyatakan, apakah tindakan yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kerajaan Malaysia untuk mengatasi masalah intipan oleh Kedutaan USA, Australia dan Singapura, dan adakah kerajaan akan mengambil langkah seperti Kerajaan Jerman yang telah mula menggunakan teknologi yang lebih canggih daripada *encryption* iaitu produk-produk berasaskan teknologi *Cryptography (Hardware Based 256bits-Military Grade).*

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan ini akan dijawab serentak bersama dengan soalan pada

10 Disember 2013 dari Yang Berhormat Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim dan Yang Berhormat Datuk Haji Saat bin Haji Abu.

Soalan bertarikh 19 hari bulan dari Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad, Yang Berhormat Puan Hajah Rohani binti Abdullah, dan Yang Berhormat Dato' Boon Som a/l Inong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, sistem komputer dan internet ini dibangunkan berlandaskan kepada rangkaian komunikasi global yang kompleks dan sukar untuk dikawal sepenuhnya. Berikutan itu, kebanyakan negara di dunia termasuk Amerika Syarikat dan juga United Kingdom telah mengisytiharkan ancaman berasaskan komputer dan internet, ancaman siber sebagai ancaman tahap yang paling tinggi bagi negara.

Dalam hal ini, kerajaan telah menggubal Dasar Keselamatan Siber Negara (NSCP) yang bertujuan untuk melindungi infrastruktur maklumat kritikal negara (CNII) dan dasar ini memfokuskan kepada penggunaan teknologi yang selamat ke arah pembangunan, penggunaan dan pengeluaran teknologi tempatan bagi mengurangkan kebergantungan kepada teknologi-teknologi luar. Dasar ini turut menekankan aspek pembangunan keupayaan dalam bidang keselamatan siber, penyelidikan dan pembangunan, serta inisiatif-inisiatif kesiapsiagaan dalam menghadapi ancaman siber.

Bagi menghadapi ancaman ini kerajaan akan sentiasa meningkatkan tahap keselamatan sistem komunikasi negara selari dengan perkembangan teknologi semasa. Bagi menangani isu ketirisan dan kecurian maklumat, beberapa inisiatif di bawah Dasar Keselamatan Siber Negara (NSCP) yang telah berkuat kuasa, sedang dan akan dilaksanakan. Inisiatif-inisiatif ini ialah termasuk:

(i) pelaksanaan pensijilan MS ISO27001 Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat atau *Information Security Management System* yang menetapkan satu pendekatan yang sistematik dalam pengurusan maklumat bagi menjamin keselamatan maklumat termasuk polisi, proses prosedur dan fungsi keperkasaan, dan fungsi perkakasan dan perisian yang berkaitan;

(ii) pembangunan rangka kerja dan rangka dasar perlindungan ketirisan maklumat elektronik yang menetapkan kaedah pengurusan maklumat elektronik kerajaan serta organisasi kritikal negara; dan

(ii) penggubalan Dasar Kriptografi Negara yang menggariskan kaedah dan pendekatan strategik dalam aspek penggunaan kriptografi penghasilan produk kriptografi terpercaya, dengan izin, *trusted cryptography product,* serta penyelidikan dan pembangunan bagi melindungi maklumat kerajaan dan agensi-agensi kritikal.

Dalam hal ini juga kerajaan melihat kepada pembangunan dan perkembangan teknologi terkini dan sentiasa membuat pemantauan dan tindakan penambahbaikan kepada sistem yang sedia ada tanpa mengabaikan kaedah-kaedah konvensional yang diguna pakai selama ini. Terima kasih.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah intipan atau *spying* oleh Kerajaan USA, Australia dan Singapura tersebut telah melanggar undang-undang Malaysia, dan juga melanggar undang-undang antarabangsa ataupun protokol antarabangsa? Apakah tindakan-tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Malaysia daripada aspek undang-undang Malaysia dan protokol antarabangsa?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya ini akan dijawab oleh Kementerian Luar Negeri, dan saya minta untuk dijawab secara bertulis sebab kenyataan telah dikeluarkan berkali-kali berhubung dengan pengintipan bagi negara-negara yang telah disebutkan. Jadi ini telah pun dijawab dan ia melibatkan polisi. Saya

minta perkara ini dijawab oleh Kementerian Luar Negeri, dan *insya-Allah* mereka akan bagi jawapan secara bertulis.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan yang berkaitan dengan masalah intipan terhadap negara. Kes ini telah didedahkan dalam media luar tentang kerja-kerja intipan oleh Kerajaan Singapura bagi dan untuk pihak Amerika dan Australia, dan kita difahamkan dalam Dewan yang mulia ini sewaktu sesi Dewan Rakyat yang lepas, bahawa Nota Bantahan sudah diserahkan kepada Kerajaan Singapura.

Soalan saya ialah pertamanya, kenapakah Nota Bantahan tidak dihantar terus kepada Kerajaan Australia dan Amerika, dan apakah maklum balas daripada Kerajaan Singapura terhadap Nota Bantahan yang kita berikan tempoh hari? Terima kasih.

**■1130**

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon maaf sekali lagi sebab saya ini menjawab soalan berhubung dengan *trusted cryptography product*. Jadi yang melibatkan produk-produk komputer dan sebagainya. Yang ini kita telah bangunkan sistem kita dan juga sistem ketahanan kita. Sebab baru-baru ini Korea Selatan telah diserang dan diserang menggunakan teknologi ini, menggunakan serangan siber yang melumpuhkan semua sekali Kerajaan Korea termasuk bank dan sebagainya dan berlaku kerugian beratus juta US kepada Korea.

Jadi sistem ini, saya bercakap fasal sistem yang dibangunkan oleh kerajaan untuk - yang mempunyai ketahanan dan juga percaya supaya apa yang kita ada dalam negara ini kita pertahankan daripada siber. Berhubung dengan soal diplomatik tadi, saya ingat biarlah Kementerian Luar Negeri. Yang Berhormat semua boleh timbulkan dalam ucapan belanjawan nanti dan kita akan sebut benda itu supaya kita boleh sentuh dalam jawapan dengan Kementerian Luar Negeri.

**6. Datuk Subramaniam a/l Veruthasalam** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan semua bangunan menyediakan akses untuk golongan OKU.

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Subramaniam a/l Veruthasalam di atas soalan yang dikemukakan.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat]***

Tuan Yang di-Pertua, golongan OKU adalah merupakan sebahagian daripada masyarakat yang mempunyai kesaksamaan hak dan juga peluang untuk menjalani kehidupan sebagai anggota masyarakat yang lain dan dalam menjamin kepentingan dan juga kesejahteraan OKU. Maka kerana itu saya teruja dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat ini, kerana kebetulan pada waktu ini saya juga adalah merupakan seorang OKU tetapi OKU sementara akibat daripada kecederaan yang berlaku. Maka teruja untuk menjawab untuk soalan daripada Yang Berhormat ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui langkah-langkah perundangan ataupun garis panduan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, maka telah pun memasukkan keperluan bagi penyediaan kemudahan akses untuk OKU yang telah pun digariskan di dalam seksyen 34A bagi Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) 1984, iaitu mewajibkan semua bangunan awam untuk menyediakan akses bagi membolehkan OKU termasuk berada dan keluar di dalam bangunan serta menyediakan kemudahan-kemudahan untuk kegunaan OKU. Keperluan bagi UKBS ini di bawah Undang-undang Kecil ini ialah selaras dengan piawaian yang telah pun dikeluarkan oleh Jabatan Standard Malaysia melalui SIRIM.

Mengikut Undang-undang Kecil ini Yang Berhormat, pemaju yang mengemukakan pelan bangunan untuk mendapatkan kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan diwajibkan menyediakan keperluan, kemudahan akses OKU dalam semua kategori

bangunan-bangunan awam dan juga bangunan komersial seperti hospital, dewan orang ramai, kompleks membeli belah, hotel dan juga lain-lain.

Bagi makluman Yang Berhormat juga, bagi memudahkan pelaksanaan keperluan penyediaan kemudahan-kemudahan akses untuk Orang-orang Kurang Upaya oleh Pihak Berkuasa Tempatan, maka KPKT telah pun mengeluarkan dua garis panduan yang boleh diguna pakai oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Iaitu yang pertama ialah garis panduan perancangan reka bentuk sejagat ataupun *universal design,* dengan izin, yang dipantau oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, dan yang kedua ialah *guidelines on building requirement for disable person.*

Untuk makluman Yang Berhormat, garis panduan perancangan reka bentuk sejagat ini disediakan untuk membantu pihak berkuasa negeri dan juga untuk membantu pihak berkuasa tempatan dan semua agensi pelaksana dalam apa juga perancangan-perancangan. Justeru itu, apa juga kesediaan untuk mereka bentuk kemudahan-kemudahan dan persekitaran bandar yang wajib menyediakan akses untuk OKU, untuk semua individu yang ada termasuk kanak-kanak, orang tua dan juga golongan kelainan upaya sama ada kelainan upaya tetap ataupun kelainan upaya sementara.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, garis panduan ini juga dikemukakan kepada semua pihak berkuasa negeri dan pihak berkuasa tempatan untuk dilaksanakan. Sudah menjadi tanggungjawab kepada semua pihak berkuasa negeri untuk memantau supaya garis panduan ini diguna pakai oleh semua pihak berkuasa tempatan di negeri-negeri. KPKT turut mengeluarkan arahan kepada pihak berkuasa tempatan bagi melaksanakan audit akses secara berkala ke atas bangunan-bangunan dan juga semua kemudahan-kemudahan awam di dalam kawasan PBT. Ini adalah bagi menilai supaya keperluan kepada kemudahan-kemudahan OKU yang telah diwajibkan untuk disediakan dengan segala kemudahan sedia ada yang perlu dibina mengikut piawaian dan juga tindakan ataupun *alternative upgrading* yang boleh dilaksanakan oleh pemilik bangunan berkenaan dapat dilaksanakan sebaik mungkin, Tuan Yang di-Pertua.

Bagi memastikan pelaksanaan yang lebih berkesan, pihak kementerian dengan kerjasama kerajaan negeri dan juga pihak-pihak berkuasa tempatan Tuan Yang di-Pertua, akan terus meningkatkan penguatkuasaan di samping mengadakan kempen kesedaran secara berterusan kepada masyarakat dan juga profesional, bagi memastikan supaya persekitaran alam bina bangunan dan juga kemudahan awam ini disediakan mesra OKU. Pihak kerajaan melalui Kementerian KPKT ini juga turut membantu pihak berkuasa tempatan Tuan Yang di-Pertua untuk terus menambahbaikkan segala kemudahan-kemudahan sedia ada kepada mesra OKU dengan menyalurkan peruntukan-peruntukan kewangan kepada pihak berkuasa tempatan.

Untuk makluman Yang Berhormat daripada tahun 2010 sehinggalah kepada tahun 2013, sebanyak RM6.14 juta telah pun diperuntukkan kepada pihak berkuasa tempatan. Untuk makluman Yang Berhormat juga, pihak KPKT bekerjasama dengan rapat dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk kita terus bersama-sama melaksanakan peranan kita menyediakan kemudahan akses bagi OKU supaya mereka dapat menikmati kualiti hidup yang baik. Terima kasih.

**Datuk Subramaniam a/l Veruthasalam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah apakah langkah-langkah yang boleh diambil untuk meningkatkan kemudahan untuk golongan OKU di semua apartmen, Program Perumahan Rakyat (PPR) yang sudah diadakan?

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terima kasih Yang Berhormat, seperti mana yang saya sebutkan tadi Yang Berhormat, peruntukan dua garis panduan yang disediakan itu mewajibkan kepada pihak berkuasa tempatan untuk menentukan supaya pematuhan kepada syarat wajib menyediakan akses kepada OKU bagi kemudahan-kemudahan itu perlu dilaksanakan. Bagi mana-mana kawasan perumahan ataupun perumahan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi yang tidak tertakluk, mana yang telah dibina sebelum Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 ini diperuntukkan, pihak berkuasa negeri bersama-sama dengan pihak kerajaan tempatan boleh bersama-sama berunding dengan pihak pemaju atau tuan punya bangunan untuk kita peruntukkan kemudahan-kemudahan itu.

Oleh kerana seperti di kondo saya pun Yang Berhormat tidak ada akses itu. Saya terpaksa naik tangga menggunakan tongkat dan bila saya perlu guna hendak angkat kerusi

roda, kena angkat kerusi roda itu bersama-sama dengan saya untuk naik ke bangunan. Akses kemudahan yang ada cuma disediakan di *car park*, tempat kita letak kereta.

Jadi kalau saya hendak naik kerusi roda saya, saya kena turun daripada bangunan saya, naik lif turun sampai ke tingkat bawah, lalu ke *car park* di blok yang lagi satu, barulah ada sedikit kemudahan yang disediakan untuk OKU sementara seperti saya. Tuan Yang di-Pertua, sejak jadi OKU sementara ini, saya nampak memang amat penting keperluan akses kepada OKU itu disediakan.

**■1140**

Jadi maka kerana itu saya harap Yang Berhormat tidak payah bimbang, dengan peruntukan-peruntukan yang ada terutama di peringkat kementerian kerana Akta Orang Kurang Upaya 2008 bukan sahaja melibatkan kepada peruntukan akta itu sahaja untuk OKU melalui klausa 16(b) dalam Bab I di bawah tajuk “Kebolehaksesan”. Dia ada keterlibatan hubung kaitnya dengan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*] yang diguna pakai dalam setiap perancangan pembangunan hartanah di setiap negeri melalui semua jawatankuasa perancang negeri dan juga melalui semua pihak berkuasa tempatan. Pemantauan wajib melalui pelaksanaan.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, juga melalui Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*] yang merupakan salah satu daripada bahagian yang terdapat dalam akta ini yang memberikan kuasa kepada pihak berkuasa negeri untuk membuat undang-undang kecil dalam pelaksanaan pematuhan kepada akta ini.

Ketiga Yang Berhormat, untuk meyakinkan Yang Berhormat bahawa pelaksanaan ini akan dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh. Dengan adanya Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 yang saya nyatakan tadi, iaitu mewajibkan supaya semua bangunan disediakan dengan segala kemudahan seperti yang saya jawab sebelum ini. Terima kasih Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat Dato’ Lim Nget Yoon.

**Dato’ Lim Nget Yoon:** Saya dapati di pejabat majlis daerah ambillah contoh di daerah Raub kawasan saya, yang pejabat itu, majlis itu memanglah di bawah KPKT bukan. Jadi kalau di tempat majlis itu tidak ada akses kemudahan untuk OKU, apalah kita hendak berharap daripada yang bangunan-bangunan swasta dan lain-lain. Saya dapati di Korea...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan Yang Berhormat, soalan.

**Dato’ Lim Nget Yoon:** Apakah tindakan, apakah langkah-langkah boleh diambil oleh kementerian untuk memajukan, mendapatkan lebih fasiliti untuk OKU?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya sudah jawab tadi Yang Berhormat. Saya harap Yang Berhormat dengar jawapan saya tadi. Untuk makluman Yang Berhormat juga, pihak Kementerian KPKT telah pun mewujudkan Jawatankuasa Audit Akses OKU di semua pihak berkuasa tempatan. Ini adalah satu Jawatankuasa Audit Akses OKU yang diletakkan di mana pemantauan ke atas semua projek-projek yang bawah peruntukan KPKT kepada PBT, kita letakkan jawatankuasa ini supaya penambahbaikan dapat dilakukan.

Saya setuju dengan kenyataan Yang Berhormat tadi. Kalau hendak mulakan kepada yang lain, mulakanlah kepada diri kita sendiri. Maka kerana itu kita telah pun mengeluarkan arahan kepada semua pihak berkuasa tempatan, sebelum kita mulakan kepada bangunan-bangunan awam yang lain dan bangunan-bangunan komersial yang lain, pastikan semua peruntukan untuk akses OKU itu disediakan di semua pejabat, di semua mana-mana rangkaian yang ada yang melibatkan pihak berkuasa tempatan. Dari situ, baru di kembang luaskan kepada lain-lain supaya kemudahan ini akan dapat dinikmati. Terima kasih Yang Berhormat.

7. **Tuan Baharudin bin Abu Bakar** minta Perdana Menteri menyatakan, apakah ada insentif khas terutamanya kenaikan pangkat kepada penjawat awam yang mempunyai

kelulusan akademik di peringkat doktor falsafah dalam bidang-bidang kritikal kepada pembangunan negara.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pegawai yang mempunyai kelayakan akademik doktor falsafah dan sarjana akan diberi insentif melalui penetapan gaji permulaan yang lebih tinggi. Ia meliputi 33 skim perkhidmatan yang memperuntukkan kelayakan masuk pelbagai. Antaranya pensyarah universiti, pegawai teknologi maklumat, pegawai penyelidik, akauntan, pegawai kanan polis serta pegawai tadbir dan diplomatik.

Manakala bagi pegawai yang sedang berkhidmat dan masih berada di gred lantikan yang kemudiannya memperoleh PhD atau sarjana ini, kerajaan juga memberikan insentif hadiah kenaikan gaji khusus bagi skim-skim perkhidmatan seperti pegawai perubatan, pegawai pergigian dan pegawai perkhidmatan pendidikan lepasan diploma. Bagi urusan kenaikan pangkat pula, Lembaga Kenaikan Pangkat akan menimbang pegawai yang layak berdasarkan merit. Pegawai yang mempunyai PhD mendapat kelebihan dalam proses pertimbangan ke suatu jawatan kenaikan pangkat.

Sebagai contoh, bagi pegawai perkhidmatan pendidikan siswazah di Kementerian Pendidikan Malaysia, pegawai dinaikkan pangkat melalui laluan cemerlang yang mengambil kira kelayakan akademik termasuk PhD ini dan pengalaman yang dimiliki. Wajaran yang diberikan adalah sebanyak 15 peratus daripada keseluruhan kriteria kecemerlangan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Silakan soalan tambahan Yang Berhormat Tuan Baharudin.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Terima kasih jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Jadi kita nampak di sini bermaksud pihak kerajaan ada menyediakan beberapa insentif kita yang tertentu untuk bidang-bidang kritikal kepada pembangunan negara. Jadi di sini saya juga ingin tahulah, apakah langkah yang boleh diambil dalam usaha untuk memotivasikan penjawat awam dalam meningkatkan modal insan perkhidmatan awam itu sendiri seiring dengan perkembangan kemajuan dunia sekarang? Terima kasih.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat. Sebenarnya ada banyak skim insentif yang diberikan oleh kerajaan kepada kakitangan. Saya boleh berkongsi di sini:

(i) ada rasional pemberian insentif ini iaitu untuk menggalakkan persaingan yang sihat dalam kalangan pegawai untuk meningkatkan kepakaran, kemahiran dan prestasi kerja;

(ii) ada juga pemberian *allowance* ini mendorong dan mengekalkan pegawai untuk berkhidmat dalam perkhidmatan dan kawasan yang lebih mencabar;

(iii) menampung kos sara hidup yang semakin meningkat bagi perbelanjaan seperti kos pengangkutan, pelajaran, kos pelbagai barangan dan perkhidmatan; dan

(iv) memberikan ganjaran kepada pegawai yang menjalankan tugas dan tanggungjawab tambahan.

Maksudnya, dalam kita menjadikan negara kita dari segi penyampaian yang lebih baik, perkara-perkara ini kita kena lihat termasuklah juga di bawah *Government Transformation Program,* dengan izin. Kita ingin mempercepatkan sistem penyampaian untuk mengurangkan birokrasi dan perkara-perkara seperti ini adalah mustahak selain daripada pemilikan kelayakan akademik dalam kalangan penjawat awam. Termasuk juga seperti yang berlaku di Kementerian Pelajaran, daripada dulunya lulusan SPM kemudian dinaikkan kepada diploma dan hari ini, usaha untuk memastikan semua guru kita memiliki ijazah adalah salah satu cara bagaimana untuk kita memastikan cabaran hari ini dapat kita tangani dengan pemilikan akademik dalam kalangan penjawat awam dapat dipertingkatkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Dr. Johari.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua. Jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi sangat memberangsangkan tentang memberi insentif kepada orang yang sedang bekerja untuk meningkatkan akademik mereka. Saya ingin tahu, sejauh mana sambutan secara umumnya daripada peringkat pegawai dan kakitangan. Apa yang saya nampak ialah yang ramainya daripada kalangan sektor perguruan untuk belajar dan menambah akademik mereka. Saya juga ingin tahu, bagaimana pegawai-pegawai dan kakitangan di sektor yang lain. Terima kasih.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Pertama, terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya memang ada, cumanya bila cakap fasal akademik kita hanya membayangkan bahawa di sektor pendidikan sahaja. Galakan untuk menambah kepakaran ini berlaku di semua sektor. Sebagai contoh jikalau saya boleh kongsi, sehingga hari ini kita ada hampir 8,517 orang pemegang PhD. dalam perkhidmatan awam yang mana 42,859 orang di peringkat sarjana atau *masters*. Ini tidak hanya berada di peringkat universiti ataupun di sektor keguruan. Sebagai contoh, ada juga yang melanjutkan pengajian di dalam bidang sukan bagi meningkatkan- kebetulan saya dahulu di Kementerian Belia dan Sukan, untuk kita galakkan kakitangan awam memiliki kemahiran dalam bidang-bidang bukan akademik tetapi dalam bidang sukan.

**■1150**

Mereka ini dihantar dalam beberapa skim dengan cara untuk mereka memohon cuti bergaji penuh ataupun cuti gaji separuh. Ada yang mengambil cuti melanjutkan pengajian tanpa gaji. Maknany mereka mengambil cuti dan melanjutkan pengajian. Sebenarnya perkara ini sangat mustahak dan saya ingin menyatakan di sini kerajaan tertakluk kepada kemampuan dan kritikal bidang yang dimohon- sebenarnya tidak ada sebarang sekatan untuk menggalakkan kakitangan penjawat awam menambah ilmu pengetahuan mereka. Ini kerana ilmu pendidikan, pengetahuan ini kalau dimiliki dengan tahap yang paling tinggi, tidak dapat dinilai dengan wang ringgit. Terima kasih Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Baiklah dengan jawapan dari Yang Berhormat Menteri itu tadi, maka berakhirlah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan kita untuk hari ini.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat.]***

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2014

### Bacaan Kali Yang Kedua

**11.51 pg.**

**Menteri Kewangan II [Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahi Rahmani Rahim. Alhamdulillahirabilalamin wabihiinasta'in, wa'ala-alihi wassahbihi ajama'in.* Salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya rang undang-undang bertajuk suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2014 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu dibaca bagi kali yang kedua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membentangkan Bajet 2014 dalam Dewan yang mulia ini untuk meneruskan

komitmen kerajaan dalam memastikan negara terus berkembang maju dan mengutamakan kesejahteraan rakyat.

Bajet 2014 digubal dengan terperinci dan komprehensif dengan mengambil kira senario ekonomi semasa dan mengadakan konsultasi dengan pelbagai pihak dan kumpulan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan ekonomi negara atau KDNK bagi tempoh suku ketiga tahun 2013 mencatatkan kadar 5 peratus yang didorong terutamanya oleh pengukuhan aktiviti ekonomi domestik meskipun dalam keadaan ekonomi global yang tidak menentu. Bagi keseluruhan tahun 2013, pertumbuhan KDNK dijangka berkembang kukuh pada kadar 4.5 peratus sehingga 5 peratus. Pendapatan per kapita dijangka meningkat kepada RM32,000 pada tahun 2013 berbanding RM25,000 pada tahun 2009.

Bagi tahun 2014 pula, berdasarkan prospek ekonomi global yang dijangka lebih baik, pertumbuhan KDNK diunjurkan berkembang lebih kukuh pada kadar 5 peratus hingga 5.5 peratus. Dari segi kedudukan proses menjalankan perniagaan, negara telah menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan di mana Bank Dunia melalui laporan *Doing Business 2014* telah memberi penilaian dan kedudukan yang lebih tinggi di tangga keenam berbanding tangga ke-12 pada tahun 2013. Kedudukan ini menunjukkan kerajaan komited meningkat dan menambah baik pengurusan serta tadbir urus sistem penyampaian dengan lebih efisien dan telus.

Selain itu, pada November 2013, Agensi Penarafan Antarabangsa Moody's juga telah menaik taraf kedudukan prospek penarafan hutang kerajaan daripada kedudukan stabil kepada positif. Ini menunjukkan kedudukan ekonomi dan kewangan negara bertambah kukuh. Bajet 2014 akan menyediakan peruntukan sebanyak RM264.2 bilion bagi melaksanakan semua langkah, program dan projek pembangunan. Daripada jumlah tersebut, RM217.7 bilion adalah bagi perbelanjaan mengurus dan RM46.5 bilion bagi peruntukan pembangunan.

Di bawah peruntukan mengurus, sejumlah RM63.6 bilion adalah bagi emolumen dan RM36.6 bilion disediakan bagi perkhidmatan dan bekalan manakala RM114.5 bilion diperuntukkan kepada pemberian dan kenaan bayaran tetap. Sejumlah RM1.4 bilion disediakan untuk pembelian aset dan baki RM1.5 bilion untuk perbelanjaan lain.

Bagi peruntukan pembangunan pula, sejumlah RM26 bilion disediakan bagi sektor ekonomi, RM10.5 bilion bagi sektor sosial, RM3.9 bilion diperuntukkan bagi pembangunan sektor keselamatan, RM1.1 bilion bagi pentadbiran am dan RM2 bilion untuk simpanan luar jangka.

Dari segi kutipan hasil Kerajaan Persekutuan bagi 2014, jumlahnya dianggarkan RM224.1 bilion dengan mengambil kira anggaran hasil dan perbelanjaan, defisit Kerajaan Persekutuan akan terus berkurangan kepada 3.5 peratus daripada KDNK bagi tahun 2014 berbanding 4 peratus berbanding pada tahun 2013. Ini menunjukkan kerajaan komited untuk terus mengurangkan defisit fiskal ke paras lebih rendah dan sekali gus mengukuhkan kedudukan kewangan negara.

Bajet 2014 digubal untuk memastikan pertumbuhan ekonomi terus berkembang kukuh dan pengurangan defisit fiskal negara dengan matlamat keseluruhannya '*Memakmurkan Negara dan Mensejahterakan Rakyat'*. Memenuhi maksud ini, Bajet 2014 dirangka bertemakan '*Memperteguh Ketahanan Ekonomi, Memperkasa Transformasi dan Melaksana Janji'* dengan menggariskan lima teras utama:

(i) merancak aktiviti ekonomi;

(ii) mengukuh pengurusan fiskal;

(iii) mengungguli modal insan;

(iv) mempergiat pembangunan bandar dan luar bandar; dan

(v) menyejahterakan kehidupan rakyat.

Teras pertama - Merancak Aktiviti Ekonomi. Kerajaan akan terus menyediakan persekitaran yang mesra dan kondusif bagi melonjak pelaburan domestik dan asing. Pada masa ini, sumbangan pelaburan swasta kepada KDNK mencatat 16.7 peratus dan dijangka meningkat pada 17.9 peratus pada tahun hadapan.

Bagi pelaburan awam, nilai pelaburan dianggarkan mencecah sebanyak RM106 bilion yang bertujuan membiayai projek pembangunan berstrategik dan berimpak tinggi termasuk pembinaan Lebuhraya Pantai Timur dari Banting ke Taiping, pembinaan Landasan Kereta Api Berkembar Ipoh ke Padang Besar, projek Lebuhraya Pan Borneo serta pembinaan projek perumahan rakyat, sekolah dan hospital di seluruh negara.

Di samping itu, dalam bidang minyak dan gas, antara projek yang akan dilaksanakan oleh Petronas merangkumi Projek Ammonia Urea Sabah atau SAMUR di Sipitang, projek pembangunan bersepadu pengeluaran gas dan minyak di Kebabangan dan projek loji regasifikasi di Lahad Datu, Sabah serta projek RAPID di Pengerang, Johor yang merupakan pelaburan terbesar di Malaysia. Kerajaan juga akan terus menggalakkan pelaburan di lima wilayah koridor ekonomi dengan menyediakan infrastruktur asas serta melaksanakan projek yang berimpak tinggi dengan peruntukan sebanyak RM1.6 bilion pada tahun 2014.

Tuan Yang di-Pertua, sumbangan sektor perkhidmatan telah meningkat kepada 55 peratus pada tahun 2013 berbanding 49.3 peratus pada tahun 2000. Bagi terus menggalakkan pertumbuhan sektor ini, kerajaan akan memperkenalkan pelan induk sektor perkhidmatan pada tahun 2014 yang akan menggariskan langkah dan strategi serta mengenal pasti subsektor yang berpotensi untuk dimajukan. Di samping itu, kerajaan juga akan merangka pelan induk sektor logistik bagi menyediakan hala tuju pembangunan infrastruktur logistik, meningkatkan potensi pasaran eksport dan rantaian bekalan serta menyemak semula peraturan dan undang-undang yang berkaitan.

Selain itu, Bank Pembangunan Malaysia Berhad akan memperuntukkan RM3 bilion bagi Dana Pembangunan Maritim secara pinjaman mudah sebagai asas pembiayaan untuk menggalakkan perkembangan industri perkapalan dan aktiviti sokongan berkaitan maritim. Untuk terus menggalakkan industri penerbangan negara dan pengendalian sistem kargo, kerajaan akan menggubal Dasar Penerbangan Nasional yang akan menggariskan langkah-langkah bagi mengukuh ekosistem dan rantaian perkhidmatan industri penerbangan.

Selain itu, sebuah pusat pengurusan trafik udara baru dengan kos sebanyak RM700 juta akan dibina di KLIA yang dijangka dapat meningkatkan pergerakan trafik udara daripada 68 kepada 108 pergerakan setiap jam melalui tiga landasan. Kerajaan juga akan menaik taraf beberapa lapangan terbang termasuk di Kota Kinabalu, Sandakan, Miri, Sibu dan juga Mukah dengan peruntukan sebanyak RM312 juta. Di samping itu, terminal penumpang di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi dan Lapangan Terbang Kuantan akan dinaik taraf.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengisytiharkan tahun 2014 sebagai Tahun Melawat Malaysia. Sehubungan itu, kerajaan mencadangkan sejumlah RM1.2 bilion diperuntukkan pada tahun 2013 dan tahun 2014 bagi perbelanjaan mengurus dan pembangunan yang meliputi program promosi dan pengiklanan.

**■1200**

Seterusnya tahun 2015 diisytiharkan sebagai *Year of Festival* dengan penganjuran dan pameran pelbagai program budaya dan perayaan di negara ini. Bagi terus menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan pilihan, kerajaan akan meneruskan galakan pelaburan terutamanya bagi hotel baru bertaraf empat dan lima bintang. Untuk itu, kerajaan mencadangkan tempoh permohonan galakan taraf perintis dan elaun cukai pelaburan dilanjutkan selama tiga tahun lagi sehingga 31 Disember 2016.

Selain itu di bawah Bank Pembangunan Malaysia Berhad, sejumlah RM2 bilion akan diperuntukkan di bawah tabung khas infrastruktur pelancongan. Tabung ini boleh digunakan oleh penyedia perkhidmatan untuk membiayai kos pembinaan infrastruktur seperti hotel, pusat peranginan, taman tema serta pembelian dan penggantian peralatan yang berkaitan dengan sektor pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk meningkatkan lagi liputan internet di bandar-bandar utama, fasa kedua projek *high-speed broadband* akan dilaksanakan dengan kerjasama pihak swasta yang melibatkan kos pelaburan sebanyak RM1.8 bilion. Inisiatif ini dijangka memberi liputan tambahan dan kemudahan kepada masyarakat dengan kelajuan internet yang dijangka mampu mencapai 10 megabits sesaat.

Selain itu, 1,000 menara pemancar telekomunikasi akan dibina dalam tempoh tiga tahun dengan pelaburan sebanyak RM1.5 bilion untuk meningkatkan liputan internet di kawasan luar bandar bagi meningkatkan capaian internet di Sabah dan Sarawak, kabel dasar laut yang baharu akan dipasang dalam tempoh tiga tahun dan kos RM850 juta. Semua pelaburan ini akan menggunakan Tabung Pemberian Perkhidmatan Sejagat di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Bagi memastikan operasi pasaran kewangan yang lebih cekap, rangka kerja perundangan yang jelas dan komprehensif perlu dilaksanakan.

Untuk ini, Bank Negara akan menyediakan Akta Penyelesaian *(Netting Act)* bagi memelihara hak penguatkuasaan (*close-out netting*) di bawah kontrak kewangan. Ini bertujuan bagi mengurangkan risiko kredit dan menggalakkan pasaran *derivative.* Seterusnya dapat membantu mengurangkan risiko sistemik pasaran kewangan negara serta merendahkan kos menjalankan perniagaan.

Di samping itu, kerajaan akan mempromosi negara sebagai pasaran tanggungjawab sosial atau *socially responsible investment* (SRI). Antara langkah yang akan dilaksanakan termasuk menyediakan Rangka Kerja Sukuk Pelaburan Tanggungjawab Sosial atau sukuk SRI untuk membiayai pelbagai inisiatif pelaburan yang mampan dan bertanggungjawab. Selain itu indeks persekitaran sosial dan tadbir urus atau dikenali sebagai Indeks ESG turut akan diperkenalkan untuk meningkatkan profil syarikat tersenarai yang mempunyai amalan tanggungjawab sosial yang tinggi. Kerajaan akan menubuhkan dana SRI bagi dilaburkan dalam syarikat tersenarai yang menunjukkan prestasi tinggi dalam Indeks ESG.

Kerajaan akan menambah baik Skim Persaraan 1Malaysia dengan sumbangan kerajaan ditingkatkan daripada 5 peratus kepada 10 peratus iaitu peningkatan daripada jumlah maksimum RM60,000 kepada RM120,000 setahun. Peningkatan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2014 sehingga akhir tahun 2017 dan dijangka dapat menarik penyertaan 30,000 pencarum baru. Selain itu untuk menggalakkan simpanan tambahan melalui skim persaraan swasta (PRS) dalam kalangan golongan muda, kerajaan mencadangkan pemberian insentif RM500 secara *one-off* kepada pencarum yang menyertai skim PRS dengan pelaburan minimum terkumpul RM1,000 dalam tempoh setahun. Insentif ini terbuka kepada individu berumur antara 20 tahun hingga 30 tahun yang akan dilaksanakan bermula 1 Januari 2014.

Kerajaan akan memperuntukkan sebanyak RM6 bilion untuk pelaksanaan program pertanian. Antara inisiatif utama adalah termasuk penubuhan *Food and Agro Council for Export (*FACE) yang bertindak sebagai pemudah cara untuk meningkatkan eksport produk pertanian tempatan, memperkukuhkan peranan FAMA melalui konsep dari ladang ke pasaran eksport dan menambah bilangan pasar tani, pasar ikan, karavan tani serta memperluaskan gerai buah-buahan segar di seluruh negara.

Selanjutnya, kerajaan akan memperuntukkan RM2.4 bilion bagi meneruskan bantuan subsidi dan insentif yang merangkumi subsidi baja, benih, harga padi, insentif pengeluaran dan peningkatan hasil padi, subsidi harga beras serta insentif hasil tangkapan nelayan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan komited dalam memastikan pembangunan usahawan atau *entrepreneur* sebagai sumber utama menjana pertumbuhan ekonomi negara. Justeru bagi membangunkan ekosistem yang lebih kondusif dan terus merancakkan aktiviti berkaitan *entrepreneur*, *National Entrepreneur Development Initiative* serta Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia (*Malaysian Global Innovation and Creativity Centre*), ringkasnya MaGIC akan ditubuhkan. Ia bertujuan sebagai pusat sehenti bagi memberi penekanan kepada aktiviti penjanaan idea, pembiayaan serta latihan dan modul *enterpreneur*.

Selanjutnya bagi pendedahan keusahawanan kepada golongan muda, program *1Malaysia Entrepreneurs* (1Met) akan dipergiatkan dengan sasaran seramai 5,000 *entrepreneur* muda akan dilatih setiap tahun. Selain itu, tabung usahawan siswazah berjumlah RM50 juta di bawah SME Bank akan disediakan terutamanya kepada golongan siswazah yang berminat menceburi bidang keusahawanan.

Dana ini akan menyediakan pinjaman mudah sehingga RM500,000 dengan kadar faedah 4 peratus. Kerajaan komited untuk memastikan sumbangan sektor PKS mencapai 40 peratus kepada KDNK pada tahun 2020.

Bagi meningkatkan inovasi dan produktiviti PKS, kerajaan mencadangkan peruntukan pakej bersepadu sebanyak RM120 juta yang merangkumi dana pinjaman untuk membiayai program mekanisasi dan automasi serta program peningkatan kapasiti PKS.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menggalakkan pematuhan ke atas dasar gaji minimum, di samping mengurangkan kesan kewangan kepada majikan PKS, koperasi pertubuhan dan persatuan, kerajaan mencadangkan supaya bayaran perbezaan gaji yang ditanggung oleh majikan bagi tempoh 1 Januari 2014 sehingga 31 Disember 2014 diberikan potongan cukai tambahan.

Seterusnya bagi membantu peniaga pasar malam, skim usahawan pasar malam akan diperkenalkan dengan dana sebanyak RM100 juta di bawah kendalian Bank Simpanan Nasional. Skim pinjaman mudah ini akan mengenakan kadar faedah 4 peratus dengan pinjaman maksimum sehingga RM30,000. Kemudahan ini bertujuan menampung kos perniagaan seperti modal pusingan, sewaan tapak, bahan mentah dan kelengkapan perniagaan.

Teras kedua - Mengukuh Pengurusan Fiskal. Bagi meneruskan kecekapan dalam sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan, pelan transformasi akan dilaksanakan di setiap kementerian dengan menyusun semula organisasi supaya lebih relevan dengan perkembangan semasa. Kerajaan memandang serius mengenai isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2012. Sehubungan itu satu jawatankuasa khas telah diwujudkan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara bagi menyiasat serta mengambil tindakan tegas ke atas salah laku penjawat awam. Sebagai langkah penambahbaikan, kerajaan akan menubuhkan Unit Pengurusan Integriti yang dianggotai oleh SPRM di setiap kementerian bagi meningkatkan pematuhan dan mengikut prosedur yang ditetapkan.

Untuk menambah baik pengurusan belanjawan secara berhemah, sistem *Outcome Base Budgeting* (OBB) akan dilaksanakan secara *pilot project* di tiga kementerian iaitu Kementerian Kewangan, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Seterusnya, melalui penubuhan Jawatankuasa Dasar Fiskal Negara, kerajaan komited untuk memastikan kedudukan kewangan kerajaan terus kukuh dan kemapanan fiskal serta kestabilan makro ekonomi bagi jangka panjang, kerajaan akan memastikan paras hutang kekal di tahap yang rendah tidak melebihi 55 peratus dari KDNK. Di samping itu, kerajaan akan membuat pengauditan ke atas projek yang melebihi RM100 juta semasa pelaksanaan projek tersebut.

Bagi memudahkan pembayar cukai yang berpendapatan pengajian yang mana potongan cukai bulanan (PCB) dilakukan, adalah dicadangkan supaya pembayar cukai tidak perlu mengemukakan borang nyata cukai pendapatan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri sekiranya berpuas hati bahawa PCB adalah dianggap cukai muktamad.

**■1210**

Cadangan ini akan berkuat kuasa mulai tahun tafsiran 2014. Untuk memastikan sistem subsidi yang bersasar, kerajaan akan menstrukturkan semula kaedah pemberian subsidi secara berperingkat. Ini adalah untuk memastikan hanya mereka yang benar-benar layak sahaja patut menikmatinya. Di samping itu bagi mengelakkan tiada pertindihan dan keciciran pemberian bantuan kepada golongan sasar, kerajaan akan mewujudkan satu sistem pangkalan data yang komprehensif termasuk mengintegrasikan data e-Kasih, data penerima bantuan kebajikan dan penerima BR1M.

Kerajaan mendapati cukai jualan dan cukai perkhidmatan semasa mempunyai kelemahan-kelemahan tertentu dikesan cukai berganda ke atas pengguna, ketiadaan pelepasan cukai ke atas barang yang dieksport dan isu pindahan harga atau *transfer pricing*. Kelemahan ini akhirnya merugikan rakyat sebagai pengguna dan pihak kerajaan. Oleh yang demikian, satu sistem percukaian menyeluruh dan saksama perlu dilaksanakan bagi memanfaatkan seluruh rakyat Malaysia. Sehubungan itu, kerajaan mencadangkan cukai jualan dan cukai perkhidmatan atau *sales tax and services tax* dimansuhkan dan digantikan dengan satu cukai sahaja iaitu cukai barangan dan perkhidmatan atau *goods and services tax* atau GST. Dalam erti kata lain pengguna hanya perlu membayar satu kali cukai sahaja. Perlu ditegaskan, GST bukanlah cukai tambahan baru. Cadangan model GST yang akan dilaksanakan di Malaysia adalah seperti berikut:

(i) GST akan berkuat kuasa mulai 1 April 2015. Kadar GST yang ditetapkan adalah hanya sebanyak 6 peratus. Kadar GST ini merupakan yang terendah di kalangan negara ASEAN;

(ii) GST tidak akan dikenakan kepada barangan makanan asas terutamanya beras, gula, garam, tepung, minyak masak, kacang dal, rempah ratus, ikan masin, cencaluk, budu sekalipun belacan;

(iii) bekalan air paip dan 200 unit pertama elektrik sebulan bagi pengguna domestik tidak dikenakan GST;

(iv) perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan seperti pengeluaran pasport, lesen, perkhidmatan kesihatan, pembelajaran di sekolah, tidak dikenakan GST;

(v) perkhidmatan pengangkutan seperti perkhidmatan bas, kereta api, LRT, teksi, feri, bot, tol lebuh raya serta perkhidmatan pendidikan dan kesihatan dikecualikan dari GST; dan

(vi) jual beli dan sewaan rumah kediaman serta perkhidmatan kewangan yang terpilih juga dikecualikan dari GST.

Apabila GST dilaksanakan kelak, kerajaan akan memberi pelbagai bantuan sokongan semasa peringkat peralihannya seperti berikut:

(i) bantuan tunai secara *one-off* sebanyak RM300 kepada penerima isi rumah BR1M;

(ii) kadar cukai pendapatan individu akan dikurangkan satu hingga tiga mata peratusan untuk semua pembayar cukai bagi menambah pendapatan boleh guna. Dengan pelaksanaan langkah ini, seramai 300,000 orang yang kini membayar cukai pendapatan tidak lagi perlu membayar cukai; dan

Struktur cukai pendapatan individu akan disusun semula bagi memastikan struktur cukai lebih progresif. Pendapatan bercukai pada kadar maksimum dinaikkan daripada melebihi RM100,000 kepada melebihi RM400,000. Kadar cukai maksimum kini 26 peratus pula dikurangkan kepada 24 peratus, 24.5 peratus dan 25 peratus.

Langkah-langkah tersebut akan berkuat kuasa mulai tahun 2015. Dalam aspek ini, supaya syarikat perniagaan dapat melaksanakan GST dengan lancar, kerajaan mencadangkan pakej tambahan seperti berikut:

(i) kadar cukai pendapatan syarikat dikurangkan satu mata peratusan daripada 25 peratus kepada 24 peratus. Manakala kadar cukai pendapatan syarikat kecil dan sederhana dikurangkan satu mata peratusan daripada 20 peratus kepada 19 peratus. Langkah ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2016;

(ii) kadar cukai pendapatan koperasi dikurangkan 1 hingga 2 mata peratus mulai tahun taksiran 2015;

(iii) yuran kesetiausahaan dan pemfailan cukai dibenarkan potongan cukai mulai tahun taksiran 2015;

(iv) kos pembelian peralatan dan perisian ICT diberi lanjutan elaun modal dipercepatkan sehingga tahun taksiran 2016;

(v) perbelanjaan latihan perakaunan dan ICT berkaitan GST bagi tahun taksiran 2014 dan 2015 diberi potongan cukai tambahan; dan

(vi) geran latihan sebanyak RM100 juta kepada peniaga yang menghantar kakitangan untuk menjalani latihan GST bagi tahun 2013 dan 2014. Di samping itu, bantuan kewangan sejumlah RM150 juta disediakan kepada PKS bagi pembelian perisian perakaunan bagi tahun 2014 dan 2015.

Sebagai panduan kepada pengguna, kerajaan akan menerbitkan risalah harga barang dan perkhidmatan yang boleh digunakan untuk membuat perbandingan harga serta akan meningkatkan usaha penguatkuasaan melalui Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011. Di samping itu, bagi memastikan kelancaran pelaksanaan GST, Jawatankuasa Pemantauan GST akan ditubuhkan. Pada masa ini kerajaan juga telah dan sedang mengadakan taklimat penerangan dan *road show* GST di seluruh negara.

Teras Ketiga - Mengungguli Modal Insan- Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan terus menyediakan pendidikan berkualiti dan latihan berkemahiran tinggi untuk memenuhi permintaan pasaran kerja. Untuk itu, sejumlah RM54.6 bilion atau 21 peratus daripada keseluruhan peruntukan tahun 2014 akan disediakan. Kerajaan juga akan memastikan pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia mencapai objektif bagi membawa Malaysia ke tahap kategori 'sepertiga teratas' dalam kedudukan pendidikan terbaik di dunia.

Untuk terus memartabatkan kecemerlangan pendidikan bermula di peringkat prasekolah hinggalah ke sekolah menengah, antara program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

(i) menambah 93 bilangan prasekolah dan meningkatkan program bersepadu prasekolah dengan peruntukan RM530 juta;

(ii) melaksanakan program pemantapan profesion guru, meningkatkan kaedah pengajaran serta kemahiran bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris dengan peruntukan RM209 juta;

(iii) memperluaskan akses internet di sekolah terutama di kawasan luar bandar dengan peruntukan RM168 juta; dan

(iv) membina 33 buah sekolah baru dan menaik taraf sekolah termasuk sekolah-sekolah usang dengan peruntukan sebanyak RM831 juta.

Kerajaan juga mencadangkan tambahan RM450 juta di bawah tabung khas pembinaan, penambahbaikan dan penyelenggaraan sekolah khususnya bagi keperluan mendesak untuk baik pulih bangunan sekolah, menyelenggarakan, membeli peralatan dan membina blok tambahan. Daripada jumlah tersebut, RM100 juta diperuntukkan kepada sekolah kebangsaan, RM50 juta kepada sekolah jenis kebangsaan Cina, RM50 juta bagi sekolah jenis kebangsaan Tamil, RM50 juta untuk sekolah mubaligh, RM50 juta disalurkan untuk sekolah berasrama penuh, RM50 juta kepada Maktab Rendah Sains MARA, RM50 juta untuk sekolah agama bantuan kerajaan manakala RM50 juta untuk sekolah agama rakyat.

Kerajaan turut memberi fokus bagi memperkasakan institut pengajian tinggi awam dan swasta ke arah melahirkan graduan yang berkualiti dan memenuhi permintaan pasaran kerja. Antaranya meningkatkan status universiti bertaraf penyelidikan, menyediakan RM600 juta sebagai geran penyelidikan di institut pengajian tinggi awam dan meneruskan program *MyBrain15.* Di samping itu, kerajaan akan menubuhkan Pusat Sitasi Malaysia bagi meningkatkan hasil penerbitan ilmiah tempatan dan membantu penyelidik menerbitkan artikel dalam jurnal antarabangsa yang terkemuka.

Kerajaan juga bersetuju meneruskan bantuan persekolahan kepada pelajar sekolah rendah dan menengah sebanyak RM100 yang dapat memanfaatkan kira-kira 5.4 juta pelajar. Selain itu, program Baucar Buku 1Malaysia akan diteruskan dengan nilai sebanyak RM250 kepada setiap pelajar prauniversiti dan IPT untuk mengurangkan kos pembelian buku dan bahan pengajian. Langkah ini dijangka dapat memanfaatkan seramai 1.3 juta pelajar.

Bagi meningkatkan kualiti latihan dan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi, kerajaan mencadangkan kursus Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 1 hingga 3 dilaksanakan secara *single tier* selama setahun enam bulan serta menaik taraf dan menyelenggarakan bangunan dan peralatan di institut latihan JTM dengan peruntukan RM178 juta.

**■1220**

Di samping itu, Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran, akan menyediakan dana pinjaman latihan kemahiran berjumlah RM330 juta yang bertujuan menyediakan pinjaman pada belia lepasan SPM untuk mengikuti kursus latihan kemahiran.

Selain itu, sejumlah RM200 juta diperuntukkan untuk menaik taraf dan melaksanakan pendekatan dua syif di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN).

Sebagai tambahan, sejumlah RM400 juta akan disediakan di bawah Tabung Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia untuk memberikan peluang kepada pekerja mengikuti program *upskilling* dan *reskilling*. Peruntukan ini juga boleh dimanfaatkan oleh syarikat tersebut untuk melatih para *apprentice* dan bakal pekerja.

Bagi memastikan pekerja dapat mengimbangi kerjaya dan komitmen keluarga, dicadangkan majikan melaksanakan *Flexible Work Arrangements* yang memberi kelonggaran tempoh, tempat dan waktu berada di tempat kerja. Untuk tujuan ini, kerajaan mencadangkan perbelanjaan latihan dan fi konsultasi yang ditanggung oleh majikan dalam melaksanakan skim ini diberi potongan cukai tambahan.

Teras keempat - Mempergiat Pembangunan Bandar dan Luar Bandar. Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau NBOS merupakan langkah bersepadu kerajaan merangka dasar dan inisiatif melalui perkongsian pintar antara kementerian dan agensi. Sehingga kini, 56 inisiatif NBOS telah dilaksanakan dengan pendekatan penjimatan kos, pelaksanaan yang pantas serta program berimpak tinggi. Pada tahun 2014, peruntukan RM278 juta disediakan untuk melaksanakan program meliputi:

(i) memperluas Pusat Transformasi Bandar di empat buah negeri iaitu di Sarawak, Johor, Terengganu dan Perlis;

(ii) menambah tiga Pusat Transformasi Luar Bandar di Sabah, Sarawak dan Negeri Sembilan; dan

(iii) melaksanakan Pusat Transformasi Komuniti Bergerak atau *Mobile CTC* dengan menambah bilangan bas serta van yang diubahsuai.

Kerajaan komited untuk memastikan perkhidmatan pengangkutan awam lebih cekap serta menjimatkan masa dan kos perjalanan. Sehubungan itu, langkah diambil termasuk:

(i) membina landasan berkembar Ipoh-Padang Besar, menaik taraf rel dan landasan;

(ii) menyediakan kemudahan *park and ride,* dengan izin, di stesen LRT, KTM komuter dan ERL;

(iii) memperkenalkan Sistem Perkhidmatan Teksi Berpusat;

(iv) membina hentian akhir bandar dan menaik taraf perhentian bas; serta

(v) membaik pulih tren *electric multiple unit* (EMU).

Kerajaan juga memperuntukkan sebanyak RM130 juta bagi subsidi pengangkutan udara luar bandar, terutama bagi penduduk pedalaman Sabah dan Sarawak. Selain itu, kerajaan akan meneruskan penyaluran subsidi perkhidmatan kereta api di laluan Wilayah Timur yang dapat memanfaatkan seramai 600,000 pengguna di Pahang dan Kelantan dengan peruntukan RM52.9 juta.

Bagi meningkatkan koordinasi dan kesejahteraan komuniti khususnya di bandar, kerajaan mencadangkan penubuhan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk di 24 zon JPP di setiap Pihak Berkuasa Tempatan.

Selain itu, bagi meningkatkan kadar liputan perbekalan air kepada 100 peratus terutama di kawasan bandar, kerajaan akan membina dan menaik taraf empangan serta loji rawatan air terawat dengan peruntukan sebanyak RM1.2 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memperkukuh dan menambah baik infrastruktur asas serta meningkatkan taraf hidup rakyat di luar bandar, sebanyak RM4.1 bilion akan disediakan. Antaranya ialah:

(i) membaik pulih dan menaik taraf jalan luar bandar;

(ii) menyedia bekalan air bersih dan membina tangki air terutama di Sarawak;

(iii) menyediakan bekalan tenaga elektrik 24 jam kepada lebih 16,000 rumah di seluruh negara,

(iv) membina dan membaik pulih rumah rakyat miskin; serta

(v) menggalakkan penyertaan penduduk luar bandar dalam bidang perniagaan dan keusahawanan;

Selain itu, sejumlah RM109 juta akan disediakan bagi program Pembangunan Ekonomi dan Peningkatan Taraf Hidup serta kemudahan infrastruktur bagi masyarakat Orang Asli.

Kerajaan juga akan meneruskan Projek Rancangan Tebatan Banjir antaranya di Sungai Muda Kedah, Lembangan Sungai Muar Johor, Sungai Bunus Kuala Lumpur dan Bandar Pekan Pahang, serta kerja-kerja mengorek dan mendalam di kuala-kuala sungai.

Di samping itu, kerajaan akan memperuntukkan RM50 juta bagi kerja pengukuran tanah dan pengesahan hak pemilikan tanah adat, terutamanya bagi bumiputera Sabah dan Sarawak yang menghadapi kesukaran dalam proses pemilikan tanah adat.

Teras kelima - Menyejahterakan Kehidupan Rakyat. Tuan Yang di-Pertua, kemakmuran negara tidak bergantung semata-mata kepada kemajuan ekonomi. Malah ia perlu mengambil kira tahap kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat secara menyeluruh. Sehubungan itu, Indeks Kesejahteraan Malaysia atau *Malaysian Well-being Index* (MWI) 2012 telah dibangunkan. Indeks MWI ini menilai dimensi sosioekonomi rakyat antaranya daripada aspek pendapatan dan pengagihan, pendidikan, kesihatan, perumahan, alam sekitar, persekitaran kerja, keselamatan dan tadbir urus.

Kerajaan sentiasa memberi keutamaan terhadap keselamatan dan ketenteraman awam. Untuk itu, sejumlah RM8.8 bilion diperuntukkan kepada Polis Diraja Malaysia dan RM13.2 bilion kepada Angkatan Tentera Malaysia dalam usaha mengurangkan kadar jenayah serta meningkatkan kesiapsiagaan anggota tentera. Peruntukan ini antaranya meliputi membina dan menaik taraf Ibu Pejabat Polis, kem tentera dan kuarters anggota, membeli peralatan dan kelengkapan termasuk senjata api, CCTV, kenderaan forensik, pesawat kargo serta peralatan ketenteraan. Selain itu, kerajaan bersetuju menambah 200 buah motosikal bagi kegunaan Unit Rondaan Bermotosikal PDRM. Kerajaan juga akan memperuntukkan RM75 juta bagi kos operasi Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah atau ESSCOM pada tahun 2014. Bagi memantapkan operasi ESSCOM, kerajaan memperuntukkan RM75 juta untuk tahun 2014.

Bagi memperkukuhkan Pembangunan Teknologi Hijau Negara, kerajaan akan memberi galakan Elaun Cukai Pelaburan ke atas pembelian peralatan teknologi hijau dan pengecualian cukai pendapatan ke atas penggunaan perkhidmatan serta sistem teknologi hijau. Di samping itu, Yayasan Hijau Malaysia akan ditubuhkan yang akan berperanan dalam mempromosi dan meningkatkan penyertaan badan korporat, masyarakat dan awam terhadap teknologi hijau.

Bagi terus meningkatkan kecekapan dan penjimatan penggunaan tenaga elektrik, kerajaan akan melaksanakan audit tenaga dan memasang *retrofit* di bangunan-bangunan kementerian. Selain itu dicadangkan pemasangan solar panel di bumbung bangunan kementerian-kementerian serta menggantikan lampu sedia kepada LED secara berperingkat.

Kerajaan akan terus menyediakan perkhidmatan kesihatan dan perubatan terbaik serta berkualiti kepada rakyat. Untuk itu, sebanyak RM22.1 bilion akan diperuntukkan bagi sektor kesihatan yang merangkumi belanja mengurus dan pembangunan, antaranya:

(i) membina dan menaik taraf hospital dan klinik kerajaan;

(ii) membeli bekalan ubat dan peralatan; serta

(iii) menambah 50 buah Klinik 1Malaysia pada tahun 2014.

Selain itu, kerajaan akan menambah seramai 6,800 jururawat serta memperluaskan perkhidmatan *cardiothoracic* di hospital terpilih dan pemberian kit rawatan *continuous ambulatory peritoneal dialysis* (CAPD) secara percuma bagi membantu pesakit kegagalan buah pinggang tahap akhir menjalani rawatan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi meneruskan Program Pembangunan Wanita dan Institusi Kekeluargaan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat diperuntukkan sebanyak RM2.2 bilion. Antara program yang akan dilaksanakan termasuk Program Pengarah Wanita, Program Keusahawanan *Purple DNA* seperti *"Purplelicious",* penubuhan akademi inovasi wanita di bawah naungan Institut Tadbiran Awam Negara dan menambah 23 Pusat Aktiviti Warga Emas akan dilaksanakan.

Kerajaan juga akan menaikkan kadar wang saku kanak-kanak di institusi Jabatan Kebajikan Malaysia daripada RM1.50 kepada RM3 sehari bagi kanak-kanak yang bersekolah, dan kenaikan daripada 50 sen kepada RM1 sehari bagi kanak-kanak yang tidak bersekolah.

**■1230**

Di samping itu, kadar wang saku warga emas juga akan dinaikkan daripada RM10 kepada RM30 sebulan untuk menampung keperluan belanja harian penghuni JKM. Bagi meringankan kos yuran taska, kerajaan akan menaikkan kelayakan pendapatan isi rumah bulanan penjawat awam daripada RM3,000 kepada RM5,000 untuk mendapat subsidi yuran taska sektor awam berjumlah RM180 sebulan.

Di samping itu, kerajaan mencadangkan pemberian bantuan yuran taska sebanyak RM250 sebulan kepada ibu dan bapa berpendapatan per kapita bulanan tidak melebihi RM900. Sebagai tambahan, kerajaan mencadangkan pemberian percuma alat bantuan sokongan *prosthesis* luaran payudara dan coli khas kepada pesakit kanser payudara.

Kerajaan juga akan menambah empat buah bas khas untuk pelaksanaan Pusat Keluarga Bergerak bagi memberi khidmat nasihat berkaitan kekeluargaan, penjagaan makanan dan pemeriksaan kesihatan. Kerajaan komited untuk terus memperkasa penyertaan bumiputera dalam pembangunan ekonomi negara dan menjadikan agenda bumiputera sebagai agenda Nasional. Antaranya melalui program peningkatan kemahiran kepada belia, Program Peneraju Profesional Skim Usahawan Permulaan Bumiputera atau SUPERB serta meningkatkan bilangan pengambilan pelajar UiTM kepada 250,000 menjelang 2020.

Di samping itu, pegangan ekuiti dan pemilikan hartanah bumiputera akan ditingkatkan melalui Skim Jejak Jaya Bumiputera, Skim Amanah Saham Bumiputera 2 dan pengukuhan institusi hartanah bumiputera. Untuk meningkatkan pemilikan ekuiti bumiputera, SME Bank akan menubuhkan Dana Ekuiti Bumiputera atau *EquiBumi* sebanyak RM300 juta bagi menyediakan peruntukan pinjaman kepada syarikat bumiputera yang berwibawa untuk mengambil alih syarikat tersenarai atau syarikat yang berpotensi untuk disenaraikan di Bursa Malaysia. SME Bank juga memperuntukkan dana RM200 juta bagi kemudahan pinjaman untuk program pembangunan semula Tanah Rizab Melayu di kawasan-kawasan strategik di bandar.

Bagi meningkatkan pengukuhan program pembangunan vendor, kerajaan mencadangkan perbelanjaan operasi yang ditanggung oleh syarikat *anchor* terutama syarikat berkaitan akan diberi potongan cukai dua kali.

Seterusnya, bagi meningkatkan peluang perniagaan dan pembiayaan kepada *entrepreneur* PKS, kemudahan pembiayaan pinjaman mudah turut disediakan. Antara kemudahan pembiayaan termasuk Dana Amanah Ikhtiar Malaysia sebanyak RM300 juta dan dana sebanyak RM700 juta di bawah TEKUN.

Bagi membantu golongan Orang Kelainan Upaya, kerajaan akan memperuntukkan sejumlah RM441 juta bagi pembangunan, pembelian alatan dan kebajikan kepada golongan ini. Kerajaan juga bersetuju untuk meneruskan bantuan kewangan kepada golongan karyawan yang berdaftar sebanyak RM6 juta bagi membantu pengurusan pentadbiran dan pengendalian persatuan-persatuan yang berdaftar.

Bagi pembangunan masyarakat India, kerajaan bersetuju untuk menyediakan peruntukan sebanyak RM100 juta untuk meningkatkan pencapaian pelajaran dan latihan kemahiran, ini termasuk RM28 juta bagi program pendidikan awal melibatkan 176 pra-sekolah Tamil dan program i-Sinar.

Di samping itu, dana sebanyak RM50 juta disediakan untuk Skim Pembiayaan Usahawan Muda India (SPUMI) di bawah TEKUN, manakala usahawan India juga boleh memohon pinjaman daripada Amanah Ikhtiar Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa melaksanakan langkah bagi meningkatkan kemampuan rakyat membeli rumah dan memastikan harga rumah stabil serta mengekang aktiviti spekulasi yang keterlaluan. Antara langkah akan dilaksanakan termasuk mengkaji semula Cukai Keuntungan Harta Tanah atau RPGT. Bagi hartanah yang dilupuskan dalam tempoh pegangan sehingga tiga tahun, kadar RPGT dinaikkan kepada 30 peratus, manakala pelupusan dalam tempoh empat dan lima tahun, kadarnya dinaikkan kepada 20 peratus dan 15 peratus.

Bagi warganegara, pelupusan yang dibuat dalam tahun keenam dan berikutnya, tidak dikenakan RPGT manakala bagi syarikat, RPGT dikenakan lima peratus. Bagi bukan warga negara pula, RPGT dikenakan pada kadar 30 peratus bagi tempoh pegangan sehingga lima tahun dan pelupusan dalam tahun keenam dan berikutnya, RPGT dikenakan lima peratus.

Kedua, meningkatkan harga minimum hartanah yang boleh dibeli oleh warga asing daripada RM500,000 kepada RM1 juta.

Ketiga, meningkatkan ketelusan harga jualan hartanah, yang mana pemaju hartanah perlu mempamerkan secara terperinci harga jualan termasuk semua manfaat dan insentif yang ditawarkan kepada pembeli dan keempat, melarang pemaju perumahan melaksanakan projek yang berciri *Developer Interest Bearing Scheme* (DIBS) bagi mengelakkan pemaju memasukkan tanggungan kadar faedah pinjaman pembeli semasa tempoh pembinaan di dalam harga rumah.

Bagi meningkatkan akses pemilikan rumah pada harga yang berpatutan, dianggarkan sebanyak 223,000 unit rumah baharu akan dibina oleh kerajaan dan sektor swasta pada tahun 2014. Kerajaan akan memperuntukkan sebanyak RM578 juta kepada Jabatan Perumahan Negara bagi melaksanakan Program Perumahan Rakyat yang melibatkan pembinaan 16,473 unit rumah. PR1MA pula akan menyediakan 80,000 unit rumah manakala SPNB akan membina 26,122 unit rumah.

Kerajaan juga akan memperkenalkan Skim Perumahan Mampu Milik Swasta atau *MyHome* sebagai satu langkah untuk menggalakkan sektor swasta membina lebih banyak rumah kos rendah dan sederhana. Skim ini menawarkan subsidi RM30,000 seunit kepada pemaju perumahan. Di samping itu, sejumlah RM100 juta akan disediakan kepada Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia.

Kerajaan juga akan menubuhkan Majlis Perumahan Negara untuk merangka strategi dan pelan tindakan secara menyeluruh, menyelaras aspek perundangan dan mekanisme harga hartanah serta memastikan penyediaan rumah dengan lebih cekap dan cepat. Kerajaan akan memperuntukkan sebanyak RM331 juta bagi meneruskan program penyeragaman harga dan pemberian subsidi termasuk kos pengangkutan terutamanya di Sabah dan Sarawak.

Di samping itu, sebanyak 60 buah Kedai Rakyat 1Malaysia akan dibuka dengan peruntukan RM30 juta. Bagi membantu golongan berpendapatan sederhana, kerajaan mencadangkan pelepasan cukai khas RM2,000 ke atas pendapatan yang diperoleh dalam tahun 2013 bagi yang berpendapatan sehingga RM8,000 sebulan. Langkah ini akan memberi penjimatan bayaran cukai sehingga RM480.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya dalam usaha untuk terus meringankan beban hidup rakyat, bersesuaian dengan pelaksanaan subsidi bersasar, program Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) kepada isi rumah dan individu bujang akan ditambah baik.

Pemberian BR1M kepada isi rumah berpendapatan bulanan RM3,000 dan ke bawah, akan ditingkatkan nilai bantuannya, daripada RM500 kepada RM650. Manakala bagi individu bujang berumur 21 tahun ke atas berpendapatan tidak melebihi RM2,000 sebulan, nilai BR1M akan dinaikkan daripada RM250 kepada RM300.

Di samping itu, kerajaan mencadangkan caruman Insurans Takaful Berkelompok Rakyat 1Malaysia atau i-BR1M bernilai RM50 diberi kepada semua penerima isi rumah BR1M. Langkah ini diharap dapat memberi perlindungan maksimum sehingga RM30,000 kepada penerima BR1M sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal. Sebagai tambahan, buat pertama kalinya juga BR1M akan diperluaskan kepada isi rumah yang berpendapatan bulanan antara RM3,000 hingga RM4,000 dengan nilai bantuan sebanyak RM450 yang turut menikmati caruman i-BR1M.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengumumkan proses pendaftaran dan kemas kini data maklumat BR1M 2014 akan bermula pada 16 Disember 2013 sehingga 31 Januari 2014. Pemohon perlu mendaftar secara *online* di laman web LHDN atau menggunakan borang disediakan dan proses bayaran dijangka bermula pada awal Februari 2014.

Kepada penjawat awam yang telah memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat, kerajaan bersetuju memberi bonus sebanyak setengah bulan gaji dengan bayaran minimum RM500. Bayaran bonus dan bantuan khas kewangan ini akan dibayar pada awal bulan Januari 2014. Manakala bagi menghargai jasa golongan pesara, kerajaan akan memberi bayaran khas kewangan sebanyak RM250.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya Bajet 2014 merupakan siri-siri bajet yang digubal untuk memastikan pertumbuhan ekonomi terus berkembang kukuh dan mengurangkan defisit fiskal negara dengan matlamat keseluruhan menjadi negara maju berpendapatan tinggi pada tahun 2020.

**■1240**

Ia juga adalah langkah serta janji kerajaan dalam mengekalkan kemakmuran negara dan mengutamakan kesejahteraan rakyat. Kerajaan tidak akan sesekali mengabaikan tanggungjawab yang telah diamanahkan untuk memberi perkhidmatan terbaik dan berkualiti kepada rakyat.

Dengan izin Allah SWT dan sokongan rakyat, kita akan menyaksikan negara tercinta ini terus membangun serta dilimpahi nikmat perpaduan keharmonian. Paling utama, kita mahu membina masa hadapan dengan lebih gemilang dan memastikan Malaysia terus membangun setanding dengan negara maju, *insya-Allah.*

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2014 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Yang Berhormat sekalian, sebelum saya membuka ruang untuk Yang Berhormat-Yang Berhormat membahaskan rang undang-undang ini, seperti biasa saya ingin memohon kerjasama, meminta kerjasama Yang Berhormat supaya mana-mana Yang Berhormat yang ingin turut serta membahaskan rang undang-undang ini supaya menghantar nama kepada saya sekarang. Kita cuma ada empat hari untuk membahaskan rang undang-undang ini iaitu hari ini hingga 12 Disember 2013. Selepas itu Yang Berhormat Menteri akan menjawab.

Setakat ini saya cuma ada enam orang Yang Berhormat yang telah menghantar nama iaitu Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali, Yang Berhormat Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman, Yang Berhormat Dato' Syed Ibrahim bin Kader, Yang Berhormat Dr. Ariffin bin S.M. Omar, Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin dan Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop. Syabas Yang Berhormat. Yang Berhormat sudah bersedia, yang lain tolong beri kerjasama supaya senang kita mengatur masa dalam tempoh empat hari ini. Jadi tanpa melengahkan masa, saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali. Silakan Yang Berhormat.

**12.46 tgh.**

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya membahaskan Belanjawan 2014 ini, izinkan saya memulakan ucapan dengan merakamkan satu perkara yang agak penting.

Pada 26 April 2010, seorang Senator dari Perlis bernama Ahmad bin Hussin, telah menuduh saya menerima bayaran daripada Anwar Ibrahim untuk menutup Parti Rakyat Malaysia yang saya pimpin waktu itu dan bercantum dengan Parti Keadilan Nasional. Sambil mengibarkan keratan daripada *Utusan Malaysia*, beliau berkata dalam *Utusan Malaysia* tulis, *"RM500,000 Syed Husin dicabar laporan polis. Anwar Ibrahim beli Syed Husin dengan RM500,000. Murah sangat! Sekurang-kurang RM500 juta atau bilion- RM500,000 harga Syed Husin"*. Itu petikan daripada ucapan beliau. Saya tidak menjawab tuduhan bekas Senator itu sebab telah mengemukakan saman terhadap *Utusan Malaysia*.

Saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa pada 24 Oktober 2013, *Utusan Malaysia* telah meminta maaf kepada saya dalam Mahkamah Sivil serta berjanji membayar pampasan. Akhbar itu telah menerbitkan permintaan maaf, dan sudah pun membayar pampasan. Saya ingin rakamkan ini di sini supaya hakikat saya tidak menjawabnya pada waktu itu tidak akan ditafsirkan bahawa fitnah ini adalah bukan fitnah...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah, teruskan Yang Berhormat.

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih. Sekarang benarkan saya mulakan perbahasan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dr. Syed Husin Ali:** Bajet yang telah dikemukakan oleh Menteri Kewangan Yang Amat Berhormat...

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Boleh, boleh sikit laluan. Boleh?

**Dr. Syed Husin Ali:** Saya baru hendak mula Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terpulang kepada Yang Berhormat.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Satu, satu hal sahaja Yang Berhormat, boleh?

**Dr. Syed Husin Ali:** Saya telah lebih senang...

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Bolehkah, boleh?

**Dr. Syed Husin Ali:** Tidak, tidak.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dia tidak mengizinkan Yang Berhormat. Ini ruang dia.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Bukan panjang, sikit.

**Dr. Syed Husin Ali:** Tidak, tidak.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Boleh? Sikit. Satu minit, boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Duduk Yang Berhormat, dia tidak mengizinkan

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Tidak boleh, boleh?

**Dr. Syed Husin Ali:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Duduk Yang Berhormat.

**Dr. Syed Husin Ali:** Izinkan saya meneruskan. Bajet 2014 ini telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan merangkap Perdana Menteri. Saya tidak menggunakan perkataan bajet dan lebih senang dengan perkataan belanjawan. Saya akan terus menggunakan belanjawan. Mengikut belanjawan ini, jumlah peruntukan bagi 2014 ialah RM264 bilion. Peruntukan bagi pengurusan ialah RM217.7 bilion, manakala peruntukan bagi pembangunan pula sebanyak RM46.5 bilion. Nisbah peruntukan bagi pembangunan ialah kira-kira 17.6 peratus sahaja daripada keseluruhan peruntukan. Boleh dikatakan sejak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang berkuasa, pada umumnya kadar peruntukan bagi pengurusan semakin meningkat, manakala kadar peruntukan bagi pembangunan pula semakin menurun. Bagi saya ini keadaan yang kurang baik.

Di bawah peruntukan mengurus, bahagian terbesar ialah untuk emolumen iaitu sejumlah RM36.6 bilion. Jikalau mengikut pengalaman beberapa tahun yang lalu sehingga sekarang, jumlah untuk emolumen ini pasti akan bertambah lebih besar lagi setiap kali dikemukakan dan diuruskan bekalan tambahan.

Di bawah peruntukan pembangunan pula, jumlah terbesar iaitu RM29 bilion disediakan untuk ekonomi. Memang sesuailah kita memberikan tekanan berat kepada ekonomi. Sebanyak RM10.5 bilion pula ialah untuk sektor sosial termasuk pendidikan, latihan, kesihatan, kebajikan, perumahan serta pembangunan masyarakat. Saya menganggap bahawa peruntukan sosial ini agak kecil. Tahun lalu kalau tidak salah, peruntukan bagi pendidikan telah dikurangkan. Ini tidak sewajarnya berlaku. Kali ini peruntukan bagi kesihatan hanya RM4 bilion di bawah pembangunan. Ramai berpendapat bahawa jumlah ini lebih rendah daripada sepatutnya dan harus dinaikkan sekurang-kurangnya kepada RM6 bilion.

Satu perkara yang sangat penting di sini ialah tentang defisit ataupun kurangan belanjawan. Sebagaimana yang telah diulang sebut, selama kira-kira 15 tahun belanjawan negara ini menunjukkan kurangan atau defisit yang berterusan. Kalau tidak salah saya hanya semasa Anwar Ibrahim menjadi Menteri Kewangan, belanjawan memperlihatkan surplus atau lebihan. Yang Berhormat Menteri Kewangan sekarang meramalkan kurangan bagi 2014 akan turun kepada 3.5 peratus daripada 4 peratus pada tahun 2013. Saya tidak begitu percaya matlamat kurangan 3.5 peratus ini akan dapat dicapai. Ini ialah kerana memandangkan pengalaman yang berlaku tiap-tiap tahun yang lalu, dengan bekalan tambahan sudah pasti kadar kurangan akan bertambah semula apabila bekalan tambahan dikemukakan kelak.

Ada beberapa faktor yang boleh mengakibatkan kadar kurangan yang tinggi. Pertama, amalan korupsi. Contoh yang jelas ialah penambahan harga barang-barang pembelian oleh pelbagai jabatan dan kementerian dengan berlipat kali ganda harganya. Ini telah dilaporkan oleh *Auditor General*. Kedua, pembaziran perbelanjaan. Contoh yang menjolok mata ialah puluhan bahkan ratus juta ringgit yang dibelanjakan oleh pemimpin negara untuk ke luar negara dan belanja yang banyak pula oleh isterinya baru-baru ini untuk ke Qatar.

**■1250**

Apabila membicarakan belanjawan Tuan Yang di-Pertua, seharusnya dua soalan timbul. Belanjawan untuk apa dan untuk siapa? Saya petik, Menteri Kewangan menegaskan bahawa, *"Tujuan Bajet 2014 digubal ialah untuk memastikan pertumbuhan ekonomi terus berkembang kukuh dan mengurangkan defisit fiskal negara".* Berikutnya, *"Ekonomi negara diunjur berkembang lebih kukuh dari 4.5 peratus hingga 5 peratus"*, seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Selanjutnya, saya petik, *"Pendapatan per kapita negara pada tahun 2014 dijangka akan mencecah RM34,126 berbanding dengan RM24,876 pada tahun 2009. Sasaran bagi tahun 2020 ialah RM46,500 atau USD15,000".* Ini menjawab soalan pertama tadi iaitu belanjawan untuk apa. Perkara ini jelas nampaknya diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Akan tetapi, untuk siapakah belanjawan itu? Seharusnya difahamkan bahawa faedah daripada belanjawan sebagaimana juga faedah daripada pembangunan hendaklah dinikmati oleh golongan miskin yang berpendapatan rendah dalam masyarakat dan bukannya segelintir kroni dan keluarga pemimpin yang kaya. Kerajaan telah menguar-uarkan ia mengutamakan rakyat. Malangnya, ini lebih indah kata daripada rupa. Namun demikian, saya mengakui bahawa banyak juga yang telah dilakukan untuk membantu golongan miskin dan bawahan ini tetapi apa yang hendak saya tegaskan ialah pada pandangan saya, masih belum mencukupi.

Ada dua jenis kemiskinan iaitu kemiskinan mutlak atau *absolute poverty* dan kemiskinan perbandingan ataupun *comparative poverty.* Mengikut kemiskinan mutlak, mereka yang dianggap miskin adalah mempunyai pendapatan di bawah paras garis kemiskinan. Manakala kemiskinan perbandingan pula berkaitan dengan jurang perbezaan kaya-miskin. Di Malaysia, terdapat garis kemiskinan yang berbeza. Pada tahun 2009, garis kemiskinan bagi Semenanjung, Sarawak dan Sabah ialah masing-masing RM763, RM912, dan RM1,048. Mengikut garis ini, didapati jumlah yang miskin bagi seluruh negara ialah 3.0 peratus. Di luar bandar, 8.0 peratus dan di bandar pula 1.7 peratus. Yang paling miskin ataupun miskin tegar ialah 0.7 peratus.

Sebenarnya, kadar kemiskinan yang kecil ini disebabkan oleh garis kemiskinan yang rendah. Garis kemiskinan yang ada sekarang ini tidak sesuai dengan peringkat pendapatan dan harga barang yang wujud sekarang. Banyak pihak menggesa supaya ia dikaji semula dan ditentukan garis kemiskinan yang baru. Bahkan ada yang mencadangkan garis yang baru hendaklah dalam lingkungan RM1,500.

Saya bersetuju dengan pandangan ini. Seandainya garis kemiskinan yang baru ditentukan pada paras RM1,500, sudah tentulah kadar atau peratus kemiskinan akan lebih tinggi. Umpamanya, jika kita ambil Selangor, pada garis kemiskinan RM763 yang ada sekarang ini, kadar kemiskinan cuma 0.7 peratus. Akan tetapi jikalau garis kemiskinan dinaikkan RM1,000 ke RM1,500, sebanyak 30 peratus jatuh di bawah garis kemiskinan. Bererti di sini, kalau kita hendak menyembunyikan kemiskinan, kita boleh turunkan parasnya. Akan tetapi yang jelas ialah kalau di bandar, bahkan kadang-kadang di kampung pun dengan RM1,500, kita tidak boleh mencukupi hidup dengan baik.

Kemiskinan sering berlaku akibat pengumuman pengumpulan harta oleh sebilangan kecil yang bertambah kaya. Jurang di antara kaya-miskin menunjukkan kemiskinan perbandingan. Ia sering diukur dengan apa yang disebut *Gini Coefficient*. Pada tahun 2009, *Gini Coefficient* bagi Malaysia ialah 0.46 peratus. Ini lebih tinggi daripada Filipina iaitu 0.44 peratus, Thailand – 0.42 peratus, Vietnam – 0.37 peratus dan Indonesia juga - 0.37 peratus. Ertinya, jurang pendapatan Malaysia di antara yang kaya dengan yang miskin atau yang berpendapatan tinggi dengan berpendapatan rendah, dibandingkan dengan negara-negara lain, adalah lebih teruk.

Berpaling kepada pekerja-pekerja di Malaysia, kita mendapati mereka mengambil hanya 28 peratus daripada jumlah pendapatan nasional. Bakinya iaitu 72 peratus, umumnya merupakan untung yang diambil oleh pemodal atau pengusaha. Secara perbandingan, pekerja Singapura, Korea dan Jepun masing-masing mengambil pulang yang lebih iaitu 45 peratus, 46 peratus dan 50 peratus. Ini menunjukkan bahawa kadar pendapatan pekerja di Malaysia lebih rendah daripada Singapura, Korea dan Jepun. Sepatutnya ini tidak perlu berlaku kerana kita adalah sebuah negara yang kaya. Akan tetapi malangnya, negara yang kaya, rakyat miskin.

Dalam negara ini, antara golongan yang termiskin dan berpendapatan rendah ialah penduduk Orang Asli, orang asal di Sabah dan Sarawak dan juga Orang Asli di Semenanjung, petani-petani desa dan juga pekerja-pekerja ladang. Mereka ketiadaan ataupun kekurangan kemudahan sosial seperti sekolah dan hospital yang dekat. Di Sabah dan Sarawak khususnya, ramai anak mereka yang terpaksa berjalan kaki kadang-kadang berkaki ayam berbatu-batu dan terpaksa ada kalanya mengharungi becak dan lecak untuk pergi ke sekolah di awal pagi.

Memang benar ada peruntukan sebanyak RM4.1 bilion bagi- saya petik, *"Pelbagai program pembangunan luar bandar untuk infrastruktur asas seperti membaik pulih, menaik taraf jalan, bekalan air bersih dan terawat, bekalan tenaga elektrik, membaik pulih atau membina rumah orang miskin, menggalakkan penyertaan dalam bidang keusahawanan dan membangunkan ekonomi serta peningkatan taraf hidup masyarakat Orang Asli.*"

Selain itu, ada juga peruntukan sebanyak RM6 bilion yang disediakan untuk pertanian. Kita memang perlu mengeluarkan banyak hasil pertanian tempatan kerana kita mengimport banyak barang pertanian dari luar negara termasuk beras. Akan tetapi, pertanian nampaknya yang hendak dihasilkan ialah yang berdaya komersial. Ia mungkin dijalankan secara kapitalistik dan tidak banyak membantu pengeluar pertanian yang kecil. Jumlah RM10 bilion daripada kedua-dua perkara yang saya sebutkan tadi untuk pembangunan luar bandar dan pertanian, saya anggap terlalu kecil. Hanya kira-kura separuh daripada subsidi yang diberikan kepada segelintir korporat untuk IPP elektrik. Sepatutnya, peruntukan ini jauh lebih besar lagi. Mungkin sampai sepuluh kali ganda. Peruntukan tambahan itu perlu dibelanjakan antara lain untuk item seperti berikut:

(i) berikan peruntukan atau subsidi kepada mereka yang dalam golongan kemiskinan tegar khususnya daripada kalangan orang tua dan ibu tunggal yang mempunyai tanggungan ramai untuk menaikkan pendapatan mereka ke atas paras kemiskinan;

(ii) memperuntukkan kepada mereka yang daripada kalangan golongan miskin yang masih boleh bekerja dengan sama ada memberi tanah, modal dan latihan ataupun kombinasi kesemuanya supaya mereka boleh berusaha sendiri secara berdikari;

(iii) memberikan peruntukan belanjawan yang lebih banyak dengan bertumpu kepada kawasan mundur dan masyarakat miskin untuk membina sekolah dan pusat perubatan yang berdekatan dengan mereka dan pastikan tidak ada bayaran dikenakan untuk khidmat pendidikan dan perubatan bagi mereka yang miskin.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa kita tepat pukul satu. Mungkin Yang Berhormat boleh sambung tengah hari nanti. Sebelah petang ya.

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

***[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.00 petang.]***

***[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]***

*[Tuan Yang di-Pertua* ***mempengerusikan Mesyuarat.]***

**2.30 ptg.**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sambung semula perbahasan kita. Mengikut rekod di sini Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali telah bercakap dari pukul 12.42 tengah hari. *So* saya persilakan untuk meneruskan.

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya telah menghuraikan langkah-langkah yang perlu diambil untuk membantu golongan bawahan dan saya telah menyebut tiga perkara.

Sekarang yang keempat, hendaklah dipastikan peraturan-peraturan yang khusus supaya keluarga yang miskin dan berpendapatan rendah misalnya kurang daripada RM1,500 sebulan hendaklah dibebaskan ataupun dikurangkan daripada terjejas kedudukan ekonomi mereka akibat pemotongan subsidi dan kenaikan cukai.

Dalam sistem ekonomi yang diamalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional sekarang ini, banyak dasar dan tindakan yang diambil lebih membebankan rakyat jelata dan menguntungkan segelintir kroni yang kaya. Subsidi yang membantu rakyat jelata seperti dalam kes minyak petrol dan gula ditarik balik atau dikurangkan sehingga mengakibatkan kenaikan harga yang membawa untung lebih besar kepada para pemodal.

BERNAS dimonopoli oleh seorang kroni yang boleh mengaut untung sehingga RM700 juta setahun daripada import beras dengan tidak mempedulikan nasib hampir 200,000 petani padi yang kebanyakannya hidup miskin. Walaupun petani-petani ini mendapat RM1,000 setiap tahun daripada BR1M, namun bantuan ini tidak membantu menaikkan taraf hidup mereka. Ada pepatah mengatakan bahawa kita perlu memberi joran atau mengajar orang menangkap ikan daripada hanya memberi ikan. Apa yang berlaku sekarang ini dengan BR1M ialah memberi ikan sahaja dengan tidak memberi joran kepada petani miskin.

Mulai awal tahun depan, kadar bayaran elektrik akan dinaikkan 15 peratus. Ini dilakukan dalam keadaan untung yang diperoleh oleh TNB bertambah besar. Lebih teruk lagi subsidi sebanyak hampir RM20 bilion diberikan kepada beberapa syarikat yang dimanfaatkan oleh para kapitalis seperti YTL, dan hal ini tidak disentuh sama sekali. Ia tidak pernah hendak dikurangkan atau dihapuskan. Mereka pula menjual tenaga elektrik yang lebih mahal kepada TNB. Sungguhpun belum diumumkan lagi, laporan ekonomi membayangkan harga minyak makan pun akan naik tidak lama lagi. Kenaikan harga ini akan menyulitkan terutama golongan rakyat miskin yang berpendapatan rendah. Mereka ini akan terpaksa membeli minyak yang dikitarkan semula setelah digunakan berulang kali. Minyak ini dijual dalam plastik dan nampak jernih sebab sudah dibersihkan dan ditapis. Akan tetapi ia berbahaya kerana mengandungi unsur karsinogen yang boleh mengakibatkan penyakit kanser.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan telah mengumumkan dalam ucapan bajetnya bahawa kerajaan bercadang memansuhkan cukai jualan dan perkhidmatan iaitu SST.

Sebagai gantinya, cukai barang dan perkhidmatan atau GST akan dimulakan pada 1 April 2015. Beliau menyatakan bahawa cukai ini akan dimulakan dengan kadar terendah di tenggara Asia iaitu 6 peratus, kurang daripada negara-negara lain seperti Singapura yang mengenakan 7 peratus. Perlu diingatkan bahawa Singapura telah memulakan GSTnya dengan mengenakan kadar cukai 3 peratus. Kita mula dengan 6 peratus. Selepas sembilan tahun di Singapura baru dinaikkan ke 7 peratus. Di Taiwan kadar GST ialah 5 peratus dan tidak pernah dinaikkan sejak tahun 1986. Di Korea Selatan pula, kadar cukai GST yang dikenakan walaupun banyak iaitu 10 peratus tetapi tidak berubah sejak tahun 1977. Akan tetapi, adakah kita mempunyai jaminan bahawa Malaysia tidak akan menaikkan cukai 6 peratus dan selepas berapa tahun?

Menteri Kewangan memberi jaminan berbagai-bagai jenis pengeluaran daripada beras, gula dan garam, hingga kepada cencaluk, budu dan belacan tidak dikenakan GST. Akan tetapi ini berlaku hanya pada peringkat akhir pengeluaran tersebut. Saya ingat bahawa GST telah dikenakan berlapis-lapis sebelum sampai ke peringkat akhir ini. Umpamanya, bagi beras sudah dikenakan GST untuk baja dan jentera pembajak dan juga kilang memproses beras. Bagi belacan pula, sudah dikenakan GST untuk bahan-bahan membuat bot dan pukat bagi menangkap udang pepai. Jadi semua pengeluaran yang disenaraikan itu sebagai kononnya tidak dikenakan GST, sebenarnya sudah pada peringkat-peringkatnya dikenakan GST. Jadi ia boleh menyedapkan telinga sahaja.

Nampaknya, tujuan GST ialah untuk meluaskan *base* cukai, mencari alternatif lain sebagai sumber cukai dan mengurangkan defisit. Akan tetapi ia boleh pula menimbulkan beberapa akibat buruk. GST merupakan cukai berbentuk regresif. Ertinya, ia membebankan kesan lebih berat kepada golongan miskin dan berpendapatan rendah daripada yang kaya. GST mengenakan kadar cukai yang sama kepada semua golongan dan semua lapisan anggota masyarakat. Di bawah SST, golongan berpendapatan rendah di bawah pendapatan yang tertentu dibebaskan daripada cukai pendapatan. Akan tetapi di bawah GST, mereka dikenakan cukai. Pada masa yang sama, kadar cukai maksimum yang kini 26 peratus bagi mereka yang berpendapatan tinggi dikurangkan pula kepada 24.5 peratus dan 25 peratus. Ini satu bukti lagi menunjukkan bahawa manakala bebanan rakyat jelata semakin berat, bebanan bagi golongan yang kaya pula diringankan. Sistem cukai ini sebenarnya berbentuk regresif.

**■1440**

Ada akibat buruk yang mungkin muncul daripada GST. Antaranya ialah bertambahnya korupsi, melebarnya jurang pendapatan dan naiknya harga barang. GST mempunyai potensi sebenarnya untuk menjadi satu sistem yang baik dan ini kami akui. Akan tetapi buat Malaysia pada ketika ini ia tidak boleh dan tidak harus dilaksanakan selagi pendapatan rakyat rendah, korupsi meluas, sistem kutipan cukai pendapatan belum begitu memuaskan dan ketirisan serta penyelewengan meluas berlaku.

Sekarang, izinkan saya Tuan Yang di-Pertua untuk pindah kepada TPPA. Semasa saya menulis ucapan ini, belum diketahui lagi sama ada *Trans-Pacific Partnership Agreement* (TPPA) atau Perkongsian Kerjasama Trans-Pasifik sudah ditandatangani atau belum oleh 12 negara yang berunding di Singapura sekarang. Lebih penting lagi ialah, adakah Malaysia sudah menandatanganinya? TPPA merupakan sebuah perjanjian yang dicadangkan dan sudah lama diperbincangkan oleh pelbagai pihak yang melibatkan 12 negara di Asia Pasifik. Akan tetapi, ia tidak termasuk empat negara yang penting iaitu China, India, Indonesia dan Korea. Namun, pada saat akhir khabarnya Korea memohon masuk.

TPPA mengandungi 29 bab. Akan tetapi cuma lima bab saja yang berkaitan dengan perdagangan, yang lain 24 kesemuanya menyentuh pelbagai isu sensitif. Antara lainnya paten, hak cipta, harta intelek, ketelusan, buruh, pembangunan, pembelian oleh kerajaan dan alam sekitar. Tujuan perjanjian ini kononnya ialah untuk menggalak liberalisasi dalam perdagangan. Akan tetapi sebenarnya ia bukan begitu.

TPPA bukanlah untuk perkongsian yang saksama untuk keuntungan bersama. Pada asasnya ia berat sebelah, mengikat dari segi undang-undang untuk melindungi dan meluaskan kepentingan ekonomi dan pelaburan syarikat antarabangsa asing terutama sekali dari negara yang kuat seperti Amerika. Akibatnya mereka mungkin boleh menjejaskan kedaulatan dan institusi demokratik negara yang lemah demi menjamin keuntungan negara yang kuat.

Negara lemah atau kecil mudah saja boleh dimasuki dan dikuasai ekonominya oleh syarikat antarabangsa asing dari negara yang kuat oleh kerana di bawah perjanjian ini tidak dibenarkan apa-apa sistem perlindungan atau *protection*. Biasanya negara lemah menjadi mangsa oleh kerana mereka yang tidak mempunyai kekuatan dari segi persaingan ekonomi. Bahkan kalau kita lihat misalnya syarat-syarat dan perlembagaan seperti melindungi hak istimewa bumiputera pun boleh dicabar oleh mereka.

Seterusnya di bawah *Investor-State Dispute Settlement* (ISDS) yang dicadangkan, pelabur-pelabur asing boleh mengambil tindakan mahkamah ke atas sesebuah negara sekiranya ada hal yang tidak memuaskan hati mereka. Sebuah panel timbang tara antarabangsa yang sering lebih banyak diwakili oleh negara-negara kuat akan membicarakannya di negara ketiga dengan membelakangkan sistem perundangan di negara lemah itu. Kalau misalnya ia anggap *judiciary* di Malaysia ini boleh dipersoalkan, mereka pindah ke tempat lain.

Sementara TPPA dirundingi, Amerika Syarikat juga merundingkan *Transatlantic Trade and Investment Partnership Agreement* (TTP) dengan Kesatuan Eropah. Ada perbezaan antara pendekatan perundingan TTIP dengan TPPA. Untuk TTIP, Suruhanjaya Eropah adalah secara rasmi sebagai perunding dan memberitahu negara-negara anggotanya segala maklumat tentang perkembangan perundingan kepada tiap-tiap negara anggota, Parlimen Eropah, media dan semua *stakeholders.*

Saya bersetuju dengan pandangan Ketua Pembangkang Parlimen bahawa atas perbezaan ini saja TPPA dan TTIP, maka TPPA perlu ditolak. Dalam TPPA, maklumat sudah lama dirahsiakan. Walaupun pihak Amerika membocorkan maklumat kepada ramai *stakeholders* mereka, akan tetapi pihak kementerian perdagangan antarabangsa Malaysia bagi pihak negara ini merahsiakan segalanya. Keterangan tentang *cost and benefit* belum dikemukakan. Menteri berkenaan telah berjanji pada suatu masa dulu hendak memberi penjelasan kepada Senat tetapi hingga kini janji itu tidak dipenuhi. Adakah jaminan bahawa Parlimen akan diberi peluang membahaskan TPPA ini sebelum ia ditandatangani? Jaminan ini pun kita belum dengar lagi.

Nyata sekali TPPA boleh mencabar kedaulatan negara-negara seperti Malaysia. Ia merupakan satu bentuk penjajahan yang baru yang boleh menakluki kepentingan Malaysia dari segi ekonomi dan juga lain-lain bidang seperti perundangan. Dengan kuasa yang ada padanya, negara kuat boleh memastikan pemerdagangan dan harga barang yang hendak dijualnya. Misalnya di bawah TPPA, ubatan *generic* yang lebih murah dan biasanya dikeluarkan oleh negara lemah tidak dibenar untuk dijual. Ini pasti akan mengakibatkan harga ubatan lebih tinggi. Yang menanggung bahan beratnya tentulah golongan miskin berpendapatan rendah.

Nampak jelaslah bahawa jika GST merupakan sistem percukaian dalam negara yang boleh membebankan rakyat jelata, TPPA pula merupakan perjanjian perdagangan antarabangsa yang mengakibatkan bebanan ke atas golongan yang sama. Kedua-duanya menunjukkan bahawa bagi soalan belanjawan dan pembangunan, untuk siapa? Jawapannya bukanlah untuk rakyat jelata, yang miskin dan berpendapatan rendah. Jika kita ambil garis 1,500 yang di bawah miskin, maka berkali-kalilah disebutkan bahawa kebanyakan mereka ialah terdiri daripada orang Melayu dan bumiputera.

Sekarang saya berpindah kepada soal pendidikan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat panjang lagikah?

**Dr. Syed Husin Ali:** Dalam lima, enam minit lagi. Sekarang saya berpindah kepada soal pendidikan. Hal ini bukannya berlaku dalam bidang ekonomi akan tetapi dalam bidang pelajaran juga. Di bawah dikemukakan beberapa contoh. Pertama, mengikut angka rasmi yang diperoleh 1,500 buah sekolah atau 15 peratus daripada jumlah besarnya tidak mendapat capaian air dan 300 buah sekolah atau 13 peratus tidak mendapat bekalan elektrik 24 jam.

Seterusnya 2,700 buah sekolah ataupun 27 peratus tidak mempunyai makmal komputer dan 200 buah sekolah atau 20 peratus tidak mempunyai makmal sains. Kebanyakan sekolah ini di kawasan desa dan penuntut-penuntutnya adalah daripada keluarga miskin atau berpendapatan rendah. Kedua, saya pernah mengemukakan betapa menghibakan keadaan banyak sekolah di Sabah yang teruk kedudukannya.

Di Sarawak pula baru-baru ini, seorang ADUN daripada Keadilan menyatakan dalam Dewan bahawa transformasi pendidikan di Sarawak tidak berkesan. Banyak sekolah tidak dibaiki atau dibaharui walaupun diminta.

Berdasarkan jawapan yang diberi oleh kerajaan dalam ADUN Sarawak, terdapat 300 permohonan untuk sekolah dibaiki atau dibaharui. Akan tetapi hanya lima buah saja yang telah diluluskan. Daripada 16 projek membina sekolah, 15 buah masih belum disiapkan. Sehingga kini, sepuluh buah masih belum disiapkan walaupun pembinaan telah dimulakan pada tahun 2008 iaitu kira-kira lima tahun dulu. Kesemua sekolah berharga RM30 juta walaupun sebuah saja yang berharga RM10 juta. Mereka yang terjejas daripada kelewatan ini kebanyakannya terdiri daripada kalangan miskin dan berpendapatan rendah sekali lagi dan kawasan mundur sekali lagi.

Ketiga, apabila timbul masalah politik di Mesir, pelajar-pelajar telah dinasihati supaya pulang. Lebih 2,600 orang pulang kerana mereka dijanjikan akan ditempatkan di universiti-universiti tempatan. Jikalau tidak, kerajaan akan menguruskan supaya mereka boleh mengambil atau menyambung peperiksaan dalam negara ini. Mereka hanya diberi tambang untuk balik ke Malaysia. Harapan mereka tinggi.

**■1450**

Akan tetapi tidak lama kemudian mereka dipanggil untuk berhimpun di Putrajaya. Dalam himpunan itu, Menteri Pendidikan II memberitahu bahawa tidak semua dapat diberikan tempat. Kebanyakan terpaksa mengambil kursus lain daripada yang mereka ambil di Mesir. Misalnya pelajar-pelajar perubatan diletakkan dalam Fakulti Sains. Ada pula yang kena memulakan kursus dari tahun pertama walaupun mereka sudah tahun dua. Peperiksaan tidak dapat diuruskan di sini seperti yang dijanjikan. Menteri dengan tegas menyatakan bahawa yang lain mesti pulang ke universiti masing-masing di Mesir kerana keadaan di sana sudah pulih. Malangnya, ramai daripada mereka yang terpaksa pulang ke Mesir itu adalah dari keluarga miskin atau berpendapatan rendah. Jadi kalau mereka tidak dapat bantuan daripada negeri masing-masing, terpaksalah ibu bapa menggagau-gagau mencari wang tambang. Ini menambahkan kesusahan bagi golongan yang memang sudah susah. Sepatutnya kementerian lebih bertanggungjawab dan bertimbang rasa. Untunglah bila sampai ke universiti masing-masing, pelajar-pelajar ini diterima masuk semula dan dibenarkan menyambung peperiksaan yang telah ditinggalkan.

Keempat, baru-baru ini telah timbul kontroversi tentang dapatan kajian PISA ataupun *Program for International Student Assessment,* atau Program Penilaian Antarabangsa Pelajar. Program ini menilai prestasi pelajar di seluruh dunia yang meliputi kira-kira 500 orang berumur 15 tahun. Mereka dinilai terutama dalam bidang Matematik, membaca dan Sains. Hasil penilaian yang dijalankan pada tahun 2012 menunjukkan prestasi terbaik dicapai oleh Shanghai, Singapura, Korea dan Taiwan. Mereka mengatasi Eropah dan Amerika Syarikat. Melainkan Singapura perlu ditegaskan, yang lain tidak menggunakan bahasa Inggeris untuk mengajar mata pelajaran Sains dan Matematik.

Dalam kalangan beberapa negara di Asia, Malaysia terletak pada kedudukan kedua corotnya, dengan hanya Indonesia di belakangnya. Singapura, Vietnam dan Thailand mengatasinya. Jumlah mata yang dicapai oleh Malaysia dalam bidang Matematik, membaca dan Sains ialah 375, 396 dan 420. Ini berbanding misalnya dengan Singapura yang mendapat 573, 542 dan 551 mata. Vietnam dan Thailand pun mengatasi Malaysia. Vietnam dan Thailand seperti kita ketahui menggunakan bahasa ibunda sendiri, bukan bahasa Inggeris dalam sistem pendidikan masing-masing. Ini harus menjadi peringatan yang baik kepada mereka yang menyangka prestasi dalam mata pelajaran Matematik dan Sains hanya boleh meningkat dengan menggunakan bahasa Inggeris.

Sekiranya kedudukan Malaysia secara keseluruhan begitu teruk, tentulah kedudukan di kawasan desa dan pedalaman khususnya di Sabah dan Sarawak lebih teruk lagi. Satu kajian hendaklah dibuat dengan mengambil teladan dari sekolah-sekolah Cina tempatan dan negara-negara yang tinggi pencapaiannya untuk membaiki prestasi negara Malaysia dalam Matematik dan Sains. Menteri Pendidikan membungkam. Tidak mengeluarkan satu perkataan pun dan tidak membuat apa-apa tindakan. Ini berbeza misalnya dengan di England, apabila keluar sahaja laporan ini yang menunjukkan mereka di kedudukan rendah, mereka telah terus bertindak untuk memperbaiki kedudukan mereka yang kurang memuaskan.

Kelima dan akhir sekali adalah soal berlainan sedikit. Ia berkaitan dengan apa yang berlaku di atas Candi 11 di Lembah Bujang. Candi ini adalah tinggalan sejarah yang sangat penting. Umurnya dianggar melebihi 800 tahun. Ada candi lain di sana yang berumur 1,500 tahun. Akan tetapi candi ini telah musnah akibat kerja-kerja pembangunan.

Pada 13 Disember 2011, saya telah mengemukakan soalan dalam Dewan ini mengenai Lembah Bujang. Dalam soalan tambahan saya bertanya, apakah jaminan tidak akan berlaku pembangunan perumahan? Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan waktu itu, Yang Berhormat Datuk Maglin Dennis D'Cruz menjawab dengan cara yang tersendiri. *"Sebenarnya kita akan membeli kawasan-kawasan sebelah kerana tidak kena campur dengan tanah yang kita luaskan untuk para archeologist buat kerja"*. Ini tahun 2011- dijanjikan akan dibeli.

Dalam bulan Februari tahun ini, Syarikat Bandar Saujana Sdn. Bhd. telah membeli lapan lot tanah berdekatan candi itu untuk mendirikan rumah. Dalam proses membersihkan dan meratakan tanah, candi bersejarah itu telah dimusnahkan. Sangat menyedihkan bahawa pihak berkuasa kelihatan mengutamakan modal dan untung, lebih daripada tinggalan sejarah yang begitu bernilai, yang boleh dijadikan asas kita mengenal sejarah melalui pendidikan yang seimbang.

Saya akhiri dengan soalan yang saya mulakan pada permulaan ucapan: belanjawan dan pembangunan untuk siapa, dan untuk siapa? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman.

**2.56 ptg.**

**Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas kesempatan yang diberi kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2014 iaitu orang yang kedua. Bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pada 25 Oktober 2013 baru-baru ini, dan disampaikan oleh Menteri Kewangan II, di Dewan yang mulia ini pagi tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sementara kita mengendalikan mesyuarat di Dewan Negara hari ini, beribu-ribu rakyat di Pahang, Terengganu dan Kelantan terpaksa berada di pusat-pusat pemindahan akibat masalah banjir yang sedang melanda di ketiga-tiga negeri ini, dan termasuk juga di setengah-setengah tempat di Johor. Kita amat bangga apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Perhimpunan Agung UMNO mengumumkan, sebagai tanda kasih dan keprihatinan kerajaan, pemberian sebanyak RM500 kepada setiap keluarga yang terlibat di dalam banjir ini.

Sebagai Ahli Dewan Negara, saya percaya kita juga semua turut bersimpati dengan rakyat yang sedang menghadapi masalah ini, dan sebagai keprihatinan dan simpati kita, dan dengan keizinan Tuan Yang di-Pertua dan persetujuan Ahli-ahli Dewan Negara semua, saya mencadangkan kita memulakan satu tabung untuk setiap Ahli Dewan Negara menghulur kalau boleh sekurang-kurangnya sebanyak RM1,000 daripada peruntukan masing-masing untuk memberi pertolongan atas nama Tabung Kebajikan Dewan Negara dan kalau mendapat persetujuan Tuan Yang di-Pertua, saya *volunteer* untuk mengkoordinasi tabung ini.

Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Minta laluan Yang Berhormat. Cadangan itu amat baik sekali cuma saya tidak faham, daripada peruntukan mana Yang Berhormat sebutkan tadi. Kalau...

**Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Peruntukan ini sememangnya yang kita tahu, setiap Ahli Dewan Negara ada peruntukan masing-masing tetapi kalau yang tidak ada peruntukan itu, dengan ikhlas daripada diri sendirilah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kerana tadi Yang Berhormat minta persetujuan saya, saya tidak dapat memberi keputusan perkara ini. Perkara ini rasanya adalah satu yang mengikut keikhlasan seseorang itu. Kalau sekiranya ada Ahli Yang Berhormat bersetuju, sumbangkan sahajalah kepada badan-badan tertentu. Kita tidak boleh buat paksaan. Cadangan Yang Berhormat itu baik tetapi minta persetujuan saya itu, maka saya tidak dapat memberi persetujuan secara umum. Saya cuma menyarankan, kalau siapa yang berhasrat hendak menyumbangkan, dipersilakanlah.

Sila Yang Berhormat, teruskan.

**■1500**

**Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan yang telah membentang bajet yang begitu komprehensif berasaskan tema, *"Memperteguh Ketahanan Ekonomi, Memperkasakan Transformasi dan Melaksanakan Janji"* dengan menggariskan lima teras utama iaitu:

(i) merancak aktiviti ekonomi;
(ii) mengukuh pengurusan fizikal;
(iii) mengungguli modal insan;
(iv) mempergiat pembangunan bandar dan luar bandar; dan
(v) menyejahterakan kehidupan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya defisit sebanyak 3.5 peratus adalah paras defisit yang boleh diterima, jika dibandingkan dengan negara-negara lain di dunia termasuklah ekonomi-ekonomi gergasi yang lain. Sememangnya dalam awal tahun 90-an sebelum dengan izin, *Asian financial crisis*, bajet negara tidak ada defisit. Sebabnya pada masa itu ialah zaman *privatization* atau penswastaan. Masa penswastaan banyak kos emolumen dan hutang piutang diambil alih oleh pihak swasta. Sebab itulah bajet kita pada masa itu tidak mempunyai defisit.

Akan tetapi, apabila kita dilanda dengan *financial crisis* pada tahun 1995-1996, maka kerajaan mempunyai dua pilihan, serahkan bulat-bulat masa depan ekonomi kita kepada IMF dengan syarat-syarat yang ditentukan oleh mereka atau mengurus sendiri. *Alhamdulillah,* kita pilih jalan kedua dan itulah sebabnya kerajaan terpaksa meminjam dan cara ini bukan saja dikagumi oleh pihak-pihak ekonomi negara tetapi ia diiktiraf oleh negara-negara lain sebagai pilihan yang bijak. Komen saya mengapa perbelanjaan mengurus begitu tinggi jika dibandingkan belanja untuk pembangunan? Jawapannya ialah belanja pengurusan bukanlah semata-mata emolumen atau gaji kakitangan awam semata-mata tetapi juga termasuk pembayaran subsidi yang dimanfaatkan oleh seluruh rakyat termasuk pembayaran pencen dan pembelian aset.

Berhubung dengan GST, saya fikir Kementerian Kewangan akan dapat menjawab dengan lebih terperinci. Komen saya ialah kalaulah sebanyak 160 negara telah menggunakan GST sebagai cara pencukaian mereka, tentulah ini cara yang terbaik. Satu lagi kalau negara lain menggunakan 3 peratus sepuluh tahun dahulu, tidaklah kita hendak kira keadaan sepuluh tahun dahulu apabila kita hendak mengenakan cukai dalam tahun 2015. Sekarang, saya hendak membahaskan berhubung dengan perkara-perkara spesifik dan semasa ataupun dengan izin, *current issues*. Bagi meningkat koordinasi dan kesejahteraan komuniti khasnya di bandar, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah menyatakan bahawa kerajaan akan menubuhkan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk yang di antara lain diberi tugas untuk menangani isu-isu perbandaran di kawasan pihak berkuasa tempatan yang berkenaan.

Tindakan ini amatlah dialu-alukan dan jawatankuasa seumpama inilah yang boleh menolong mengatasi masalah berhubung dengan cukai pintu yang berlaku di kawasan DBKL dan hangat di bincang dan dipersoalkan pada masa ini. Cukai pintu ialah cukai tahunan yang dikenakan ke atas sesuatu pegangan oleh pihak berkuasa tempatan di bawah peruntukan seksyen 124, Akta Kerajaan Tempatan 1976. Hasil dari kutipan cukai pintu adalah untuk kegunaan pihak berkuasa tempatan bagi menyediakan perkhidmatan perbandaran di dalam kawasan majlis tempatan masing-masing. Cukai pintu dikenakan berdasarkan kadar peratusan nilai tahunan pegangan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan.

Sebagai contoh, sekiranya nilai tahunan sesuatu pegangan ialah RM20 ribu dan kadar yang dikenakan oleh pihak berkuasa tempatan 6 peratus maka cukai pintu adalah RM1,200 setahun. Oleh kerana cukai pintu dibayar dua kali setahun, maka pembayarannya ialah RM600 tiap-tiap enam bulan. Nilai tahunan ditakrifkan dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 sebagai anggaran kasar sewa tahunan yang munasabah, dijangka akan diperoleh dari setahun ke setahun dari pegangan yang berkenaan, jika disewakan dengan tuan empunya pegangan membayar belanja bagi pembaikan, insurans, penyelenggaraan dan segala kadar dan cukai awam.

Di bawah peruntukan seksyen 137(3), pihak berkuasa tempatan dibenarkan untuk menyediakan dan menyiapkan senarai nilai tahunan baru sesuatu pegangan sekali tiap-tiap lima tahun atau dalam tempoh yang dilanjutkan sebagaimana ditentukan oleh pihak berkuasa negeri. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kali terakhir pihak DBKL membuat penilaian semula pegangan di Kuala Lumpur ialah pada tahun 1992 iaitu 20 tahun yang lampau. Memandangkan pasaran hartanah di Kuala Lumpur melonjak dengan begitu pesat semenjak tahun 1992, kadar sewa juga mengalami kenaikan yang berlipat kali ganda dan ini menyebabkan kenaikan yang tinggi di dalam pindaan nilai tahunan hartanah di Kuala Lumpur yang diumumkan baru-baru ini dan menjadi perbincangan bantahan dan tohmahan terhadap DBKL.

Di bawah seksyen 142 akta tersebut, sekiranya pemunya atau penduduk sesuatu pegangan tidak berpuas hati di atas nilai tahunan, mereka boleh membuat bantahan secara bertulis kepada pihak berkuasa tempatan. Ada dua elemen penting di dalam menentukan cukai pintu iaitu nilai tahunan dan kadar peratusan cukai. Kedua-dua elemen ini ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan. Pemunya atau penduduk sesuatu pegangan hanya berhak di bawah Akta 1976 untuk membantah nilai tahunan sahaja.

Setelah disahkan, pihak berkuasa tempatan akan menggunakan nilai tahunan tersebut sehingga satu masa ia digantikan dengan satu senarai nilai yang lain. Elemen keduanya iaitu kadar peratusan cukai yang tidak boleh dibantahi oleh pemunya atau penduduk sesuatu pegangan. Di bawah seksyen 130, Akta Tempatan 1976, kadar peratusan tidak boleh melebihi 35 peratus dari nilai tahunan sesuatu pegangan. Apa yang penduduk-penduduk di kawasan DBKL persoalkan ialah yang pertama mengapakah penilaian tidak dibuat semenjak 1992 iaitu 21 tahun yang lalu.

Apakah sebabnya? Adakah disebabkan misalnya tidak mencukupi kakitangan di Jabatan Penilaian Bandaraya? Kedua ialah mengapa penduduk-penduduk tidak diberitahu apabila satu penilaian semula hendak dibuat dan penjelasan terperinci disebar secara umum? Ini ialah kerana banyak tuan empunya pegangan tidak memahami kerana kaedah pembayaran cukai sudah 21 tahun tidak ada apa-apa pertukaran.

**■1510**

Banyak yang menyangka bahawa oleh sebab nilaian tahunan pegangan mereka telah naik 300 peratus, maka mereka terpaksa membayar cukai pintu 300 peratus kali ganda. Pada hakikat yang sebenarnya, ialah jumlah pembayaran adalah terpulang kepada peratus kadar yang akan dikenakan. Kalau DBKL membuat keputusan kadar pembayaran adalah 6 peratus seperti sekarang untuk pegangan rumah tinggal atau 12 peratus bagi premis perniagaan, maka memang betullah pembayaran cukai pintu akan naik 300 peratus. Akan tetapi, saya percaya pihak berkuasa DBKL tidak akan mengenakan kadar lama tetapi akan menurunkan kadar, boleh jadi 1 peratus atau sehingga 3 peratus supaya pembayaran tidak akan naik begitu mendadak seperti yang dijangka oleh penduduk-penduduk di kawasan DBKL dan menjadi persoalan yang hangat pada masa ini.

Satu lagi masalah yang harus diingati ialah bilangan pegangan di Kuala Lumpur adalah lebih daripada 500,000. Mengikut seksyen 142, Akta Kerajaan Tempatan, setiap pemegang hartanah berhak membantah. Saya dengar bahawa setakat ini lebih 5,000 bantahan telah diterima dan saya percaya beribu-ribu bantahan lagi akan diterima di dalam beberapa minggu yang akan datang. Saya khuatir macam mana pihak DBKL dapat mengurus pembicaraan bantahan daripada beribu-ribu pemegang sebelum pembayaran baru yang kita dengar mula-mulanya akan dilaksanakan dalam bulan Januari 2014.

Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan yang telah mengumumkan bahawa pembayaran cukai pintu baru akan ditangguhkan sehingga bulan Mac selepas semua bantahan dipertimbang dan perbincangan akan diadakan dengan pihak-pihak yang berkenaan.

Perbincangan ini kena adalah, jangan ada nama sahaja tetapi tidak bincang. Saya juga kagum dengan pendapat Yang Berhormat Menteri supaya jika Cukai Pintu hendak dinaikkan, ia sepatutnya dipertimbangkan lima tahun sekali dan bukan dinaikkan secara mendadak selepas 21 tahun. Adalah diharapkan kerajaan melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan memastikan apa yang telah berlaku di DBKL akan tidak berlaku di majlis-majlis daerah dan perbandaran-perbandaran yang lain di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, peningkatan pemilikan rumah adalah di antara agenda utama untuk memenuhi teras menyejahterakan kehidupan rakyat. Dalam ucapan Bajet 2013, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah menyebut, kerajaan sedar perumahan selesa dan mampu milik adalah keperluan asas paling utama kepada rakyat. Di dalam ucapan Bajet 2014 pula, Yang Amat Berhormat pula telah berkata, saya menyedari keluh-kesah rakyat untuk memiliki rumah selesa terutama bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Pelbagai rungutan sering diperkatakan seperti harga rumah melambung tinggi. Tidak boleh dinafikan bahawa di antara sebab harga rumah melambung adalah faktor spekulasi.

Dengan kesedaran itulah dalam Bajet 2014, kerajaan telah menaikkan cukai keuntungan harta tanah atau RPGT bagi harta-harta yang dilupuskan dalam tempoh pegangan sehingga tiga tahun kepada 30 peratus, manakala pelupusan dalam tempoh empat dan lima tahun kadarnya dinaikkan kepada 20 dan 15 peratus. Sungguhpun pihak pemaju perumahan merungut bahawa ini akan melemahkan dan menjejaskan pasaran hartanah, saya sendiri fikir ia tidak akan menjejas dengan ketara tetapi dapat mengurangkan aktiviti spekulasi di mana pembeli-pembeli semata-mata berharap mendapat keuntungan dalam masa yang terdekat dan sekali gus dapat membendung kenaikan harga yang mendadak.

Dalam hal ini, boleh jadi dalam bajet tahun depan kerajaan boleh memikirkan meningkatkan pembayaran setem duti ke atas pembelian rumah yang ketiga seperti dilakukan di Singapura dan di Hong Kong untuk membendung spekulasi dan kenaikan harga yang melampau. Pasaran hartanah akan lebih stabil jika ia berasaskan kepada pelaburan yang tulen dan mengurangkan spekulasi.

Dari segi pembinaan, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah mengumumkan bahawa dalam tahun 2014, 223,000 buah rumah akan dibina oleh pihak kerajaan dan swasta. Ini termasuk pembinaan rumah oleh JPM, PR1MA dan SPNB di bawah skim masing-masing. Saya mengucapkan tahniah di atas semua inisiatif ini dan kita semua berharap agensi-agensi yang diberi tugas ini akan dapat memenuhi semua program untuk memenuhi cita-cita kerajaan untuk mencapai hasrat pemilikan rumah oleh setiap keluarga.

Skim Perumahan Mampu Milik Swasta atau *MyHome* amatlah dialu-alukan di mana kerajaan akan memberikan subsidi RM30,000 seunit jika pemaju-pemaju perumahan memperuntukkan sekurang-kurangnya 20 peratus rumah kos rendah dan 20 peratus rumah kos sederhana yang tidak melebihi harga RM170,000 seunit. Di dalam pembinaan tempat tinggal, untuk rakyat sudah pasti banyak unit-unit kediaman ini terdiri dari unit-unit strata di dalam bangunan-bangunan yang tinggi. Istimewa pula di bandar-bandar besar, saya sekali lagi ingin membawa masalah pengurusan unit-unit strata ini.

Pada 19 Disember 2012, Rang Undang-undang Pengurusan Strata 2012 telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Di dalam perbahasan semasa rang undang-undang dibentangkan, soalan pendaftaran pengurus-pengurus harta telah dibangkit. Saya sekali lagi meminta Yang Berhormat Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan kuasa yang diperuntukkan dalam Akta Pengurusan Strata 2012 supaya mengambil kira pandangan daripada badan-badan profesional seperti Pertubuhan Juruukur Diraja Malaysia, *Malaysian Institute of Professional Property Managers,* Persatuan Penilai, Pengurus Harta, Ejen Harta dan Perunding Harta Swasta Malaysia dan Persatuan Pembeli Rumah Kebangsaan yang semuanya menyuarakan *regulation of property managers is the way forward,* dengan izin.

Saya ingin menghuraikan sebab-sebab mengapa pengurusan harta perlu dikawal. Pada akhir tahun 2012, negara mempunyai 13,023 projek perumahan strata mengandungi 1,367,720 unit strata. Bilangan penghuni ialah 4.1 juta iaitu 15.1 peratus jumlah penduduk negara.

Angka terkini mencecah 15,000, bermakna bilangan penghuni telah mencecah ke angka 5 juta. Jika kita hendak menyejahterakan kehidupan rakyat seperti yang disasarkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dalam teras bajet yang kelima, berkepentingan 5 juta rakyat inilah yang patut kita jaga. Bukannya segelintir kumpulan yang mendesak untuk kepentingan diri mereka yang menganggap pengurusan harta adalah semata-mata satu jenis perniagaan yang tidak payah dikawal selia.

Kedua, sebanyak 40 laporan polis dibuat terhadap pengurus-pengurus harta yang tidak berdaftar dan 55.2 peratus punca kegagalan ini ialah kurang pengetahuan dan pengalaman kakitangan syarikat pengurusan harta dan organisasi yang tidak profesional. Setakat ini, 20 syarikat pengurusan harta yang tidak berdaftar telah diarahkan untuk berhenti daripada menjalankan kerja-kerja pengurusan bangunan. Setakat yang diketahui, tidak ada satu pun laporan polis dibuat terhadap pengurusan harta yang berdaftar. Mengapa? Ini kerana syarikat-syarikat ini mempunyai kakitangan yang profesional dikawal selia oleh satu lembaga di bawah Kementerian Kewangan mengikut cara-cara yang ditetapkan dalam buku *Malaysia Property Management Standards*, dengan izin, yang telah dikeluarkan oleh pihak lembaga.

Di antara bantahan yang dibangkitkan oleh kumpulan yang tidak bersetuju supaya pengurus bangunan yang didaftar ialah kononnya pengurusan harta adalah dimonopoli oleh penilai atau *valuer*. Syarikat-syarikat penilai yang dimaksudkan ialah perunding hartanah yang mana kakitangan mereka kebanyakannya mempunyai Ijazah *Bachelor Science* Pengurusan Hartanah yang mempelajari mata pelajaran penilaian, pengurusan hartanah dan agen hartanah. Mereka boleh dan layak mengamalkan satu-satu atau ketiga-tiga bidang sekali.

**■1520**

Lagi pula, Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Hartanah yang pada masa ini ditugas untuk kawal selia profesion ini sedang mengambil tindakan membuka peluang kepada sesiapa sahaja yang layak dan berpengalaman untuk berdaftar sebagai pengurus harta. Bahkan, saya difahamkan pindaan Akta Lembaga Penilaian, Pentaksir dan Ejen Hartanah telah pun diluluskan oleh Jabatan Peguam Negara yang mana di antara lain lembaga akan memberi peluang pada masa 12 bulan untuk syarikat-syarikat atau individu yang menjalankan tugas sebagai pengurus harta untuk mendaftar. Dalam proses pendaftaran ini, pegawai dari Kementerian Kewangan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Kementerian Wilayah Persekutuan boleh menyertai sebagai ahli lembaga.

Cadangan untuk mengenakan bank *guarantee* terhadap pengurus harta sebanyak RM50,000 sebagai *performance bond* adalah tidak mencukupi. Ini kerana pengurusan bangunan bukan setakat mencuci tandas atau menukar *bulb* tetapi mestilah mempunyai kepakaran dalam pengurusan kewangan, insurans, pentadbiran dan undang-undang pengurusan, menjaga dan membaiki alat-alat seperti air *conditioner*, lif dan *escalator,* masalah keselamatan dan pengurusan semasa keselamatan serta undang-undang bersangkut paut dengan penyewaan ruang kediaman, perniagaan dan perindustrian.

Kutipan *service charge* berjumlah berjuta-juta ringgit boleh disalahgunakan oleh pengurus-pengurus harta yang tidak bertanggungjawab dan tidak dikawal selia. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, setiap pengurus harta yang berdaftar dikehendaki untuk mengambil *professional insurance coverage,* dengan izin, sebanyak sekurang-kurangnya RM5 juta. Lagi satu sebab yang disuarakan ialah negara tidak mempunyai pengurus harta berdaftar yang mencukupi. Ini tidak benar sama sekali.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, kita mempunyai 13,000 hingga 14,000 skim pembangunan berstrata. Kita sekarang mempunyai 1,000 pengurus harta berdaftar dan hampir 500 syarikat pengurusan harta berdaftar dan 7,000 hingga 8,000 graduan BSc. Pengurusan Harta. Oleh sebab tidak semestinya tiap-tiap pekerja dalam syarikat pengurusan harta didaftarkan dan satu-satu firma boleh mengurus di antara 20 hingga 50 skim, soal kekurangan firma atau pengurus harta berdaftar tidak timbul. Takkan kalau kita hendak bina 13,000 unit rumah, kita kena pakai 13,000 arkitek? Tiga hingga lima firma arkitek pun telah mencukupi.

Selain daripada itu, setiap tahun lebih daripada 400 graduan kelulusan BSc. Pengurusan Harta daripada empat universiti iaitu Universiti Malaya, UiTM, UTM dan Universiti Tun Hussein Onn.

Jadi, soal bilangan pengurus harta berdaftar tidaklah timbul langsung dan tidak boleh diberi sebagai alasan pada masa sekarang atau pada masa hadapan. Bahkan, apa yang patut kerajaan memikirkan ialah selepas berbelanja berjuta-juta ringgit untuk mengadakan kursus serta ijazah pengurusan harta, apakah akan terjadi kepada mereka ini untuk mendapat pekerjaan di masa hadapan?

Dengan huraian ini, adalah diharapkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan memberi pertimbangan sewajarnya. Ada juga yang telah mencadangkan supaya satu lembaga baru ditubuhkan di bawah Kementerian Perumahan untuk mengawal selia pengurusan harta strata. Saya fikir penubuhan satu lembaga baru tidak perlu kerana ia akan melibatkan perbelanjaan tambahan oleh kerajaan dan bercanggah dengan Akta 242 yang sedia ada. Apa yang boleh kita fikirkan ialah untuk menambah atau melibatkan kembali komposisi ahli-ahli lembaga yang sedia ada untuk diwakili oleh kementerian-kementerian, ahli-ahli profesional dan kesatuan-kesatuan berkenaan termasuk wakil dari institusi pengajian tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah topik meningkatkan keselamatan dan ketenteraman awam, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan menegaskan kerajaan amat menghargai jasa dan bakti anggota keselamatan termasuk PDRM dan para perajurit. Saya sendiri pun amat menghargai jasa PDRM kerana dalam masa seminggu yang lepas, apabila pekerja di rumah saya nampak seorang pencuri memasuki rumah jiran saya dan menelefon polis, dua kereta polis telah sampai dalam masa lima minit dan telah menangkap pencuri yang berkenaan yang mempunyai rekod pencuri termasuk rompakan bersenjata sebanyak empat kali. Syabas, OCPD dan Balai Polis Bukit Travers.

Apa yang saya hendak bangkitkan di sini ialah berhubung dengan tragedi yang mana baru-baru ini seorang pegawai bank ditembak mati oleh pengawal keselamatan bank di Subang Jaya. Tragedi ini amatlah menyedihkan. Lagi pula apabila kita mendengar bahawa pengawal keselamatan ini adalah warganegara asing yang menggunakan kad pengenalan palsu. Saya amat bangga dan rasa terbela dan terselamat apabila Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri telah menyatakan dengan tegas seperti yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa beliau tidak akan berkompromi dengan syarikat-syarikat keselamatan seumpama ini. Sungguhpun kita dengar suara-suara sumbang menyatakan syarikat-syarikat ini diberi amaran dahulu sebelum tindakan diambil, Yang Berhormat Menteri amat tegas di dalam hal ini dan tindakan ini amat dihargai oleh rakyat yang menghargai kesejahteraan dan keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan yang telah membentangkan satu bajet yang begitu komprehensif untuk mengemudi negara ke arah kesejahteraan rakyat dan dengan kepimpinan melalui transformasi ekonominya yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat, saya penuh yakin dan *insya-Allah*, negara tercinta ini akan mendapat status negara berpendapatan tinggi sebelum menjelang tahun 2020.

Kepada Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, melalui peruntukan Kementerian Dalam Negeri, teruskanlah hasrat Yang Berhormat melalui Ops Cantas untuk memburu penjenayah-penjenayah dan menghapus kumpulan gengster dan kongsi gelap supaya bukan sahaja ekonomi negara dapat di mantap, tetapi rakyat juga akan dapat menikmati cara hidup yang sejahtera dalam keadaan aman damai. Segala aktiviti rasuah dan ketirisan dalam pentadbiran negara harus dibendung. Mereka yang terlibat dalam aktiviti yang terkutuk ini wajib di hadap ke medan pengadilan. Barulah bajet yang diperuntukkan dapat betul-betul dinikmati oleh seluruh rakyat tanpa ketirisan.

Kepada Tuan Yang di-Pertua, seluruh Ahli Dewan Negara mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas pelantikan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Khas Mencegah Rasuah *[Tepuk]*. Kita penuh yakin Tuan Yang di-Pertua akan dapat memberi sumbangan yang amat bermakna untuk membanteras rasuah dalam pentadbiran negara Malaysia yang tercinta ini. Sekian Tuan Yang di-Pertua, saya pohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Begitulah bunyinya kalau sekiranya kita membuat pengajian, penelitian komen ataupun perbahasan Yang Berhormat tadi cukup bermakna, berisi dan tegas. Kalau boleh agaknya saya menyarankan kepada semua Ahli Yang Berhormat, cubalah buat begitu kerana kualiti Dewan ini akan dapat kita mempertingkatkan kalau sekiranya beri kerjasama dan penuh iltizam sebagainya.

Saya hendak menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat bahawa kita ada empat hari, mulai hari ini sampai hari Khamis untuk membahaskan Bajet 2014. Hari ini saya ada lebih kurang tujuh orang lagi. Akan tetapi esok hanya empat orang dan pada tanggal 11 hari bulan, seorang pun tidak ada. Pada 12 seorang baru. Saya minta kerjasama. Tolong kemukakan kalau sekiranya Yang Berhormat hendak berhujah ataupun berbahas pada 10, 11 dan 12, kemukakan untuk menyenangkan saya membuat percaturan masa.

Kalau sekiranya Yang Berhormat boleh bagi kerjasama ini, saya boleh bagi ruang seluas-luasnya. Akan tetapi, kalau semua hendak *last day,* hari terakhir baru berpusu-pusu hendak masuk, maka saya terpaksa potonglah kerana masa itu telah kita hadkan. Saya minta kerjasama sangat dan kalau sekiranya- saya hendak bagi peluang kepada semua Yang Berhormat ini. Setahun sekali dan inilah masa Yang Berhormat untuk mengemukakan, menyumbangkan idea kepada negara dan komenlah apa-apa yang dibenarkan, tegurlah mana yang sepatutnya tetapi mesti ada ikut peraturan yang bernas, bersopan dengan cara yang terbaik itu yang saya harapkan. Ini saya minta kerjasama.

Kalau sekiranya- contoh hari ini, kalau daripada pagi tadi saya dapat tahu Yang Berhormat semua ada lebih kurang ini, *so* kita boleh sambung sampai malam. Tidak ada masalah. Akan tetapi kalau sekiranya kita sambung hari ini, esok tinggal dua-tiga orang sahaja, apa hendak jadi satu hari?

**■1530**

So, kekangan masa ini saya minta kerjasama semua pihak. Saya ucap terima kasihlah sesiapa yang hantar nama tetapi kalau minta juga, siapa yang belum itu, sila kemukakan supaya saya hendak bagi ruang masa yang secukupnya kepada Yang Berhormat berbahas dalam bajet. Bajet ini adalah satu ruang, sesi Yang Berhormat tegur apa sahaja. Saya harap juga semua kementerian yang berkenaan tentukan ada dan tentu ambil catatan dan bagi jawapan yang tepat dan supaya dapat kita semua menghargai.

Contohnya Yang Berhormat Dato' Abdul Rahim menyebut berkenaan *assessment* di DBKL. Dia memberi satu komen yang begitu konkrit mengikut peraturan undang-undang dan sebagainya. Kalau ini dapat sama-sama kualiti itu dapat kita hargai. Sekian. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Syed Ibrahim bin Kader.

**3.31 ptg.**

**Dato' Syed Ibrahim bin Kader:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Terlebih dahulu saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih saya kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang dan ruang untuk saya berucap dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2014 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia di Dewan Negara pada hari Jumaat bersamaan 25 Oktober 2013.

Sesungguhnya kita semua perlu akui bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membentangkan sebuah bajet yang mendahulukan rakyat dengan tajuk, *"Memperteguh Ketahanan Ekonomi, Memperkasa Transformasi dan Melaksana Janji".* Bajet 2014 memperlihatkan sebanyak RM264.2 bilion diperuntukkan yang mana RM217.7 bilion untuk perbelanjaan pengurusan manakala RM46.5 bilion bagi belanja pembangunan dengan penerapan sistem yang dengan izin, *outcome base budgeting* (OBB) yang dilihat amat tepat pada masanya.

Beliau telah menyampaikan sebuah bajet yang cukup bernas, bersifat *inclusive* untuk kita semua terus bergerak memacu negara ke arah pembangunan holistik dengan mengambil kira semua perkara yang menjadi asas pembangunan sebuah negara dan keperluan rakyat jelata di negara kita Malaysia yang tercinta.

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat sejumlah besar wang iaitu RM63.6 bilion diperuntukkan untuk tujuan emolumen penjawat awam dan yang berkaitan dengan mengambil kira kenaikan gaji, elaun, imbuhan dan lain-lain lagi.

Ini satu peruntukan yang sewajarnya mampu mentransformasikan cara dan corak pekerja penjawat awam di seluruh negara. Apa yang agak menyedihkan di sini, masih terdapat ramai penjawat awam yang tidak memberi *output* maksimum ketika bertugas. Mentaliti penjawat awam perlu ditukar kepada pemikiran bahawa penjawat awam sebenarnya berkhidmat untuk negara. Sering kali kita mendengar masalah sesuatu permohonan yang diajukan kepada jabatan atau agensi kerajaan ditolak tanpa diberi sebarang alasan. Ini menyebabkan pemohon tersebut tidak tahu apa punca permohonan beliau ditolak.

Pemohon akan cuba memohon lagi, namun permohonannya terus ditolak tanpa diberi sebarang sebab atau alasan yang munasabah. Akhirnya, pemohon akan menyalahkan jabatan atau agensi yang tersebut dan ini mendatangkan imej yang tidak baik kepada kerajaan. Sepatutnya pemohon diberi penjelasan yang secukupnya kenapa permohonan beliau tidak berjaya supaya di masa akan datang beliau dapat mengenal pasti kesilapan atau kekurangan dalam permohonan beliau.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang menjadi masalah kepada rakyat jelata ialah tentang terjemahan bahasa terutamanya bahasa Inggeris kepada Bahasa Malaysia. Janganlah disebabkan satu atau dua perkataan ditulis dalam bahasa Inggeris, maka diminta keseluruhan surat atau dokumen yang dikemukakan kepada jabatan atau agensi kerajaan perlu diterjemahkan.

Tuan Yang di-Pertua, jika dilihat dari jumlah masyarakat *India Muslim* yang bekerja di sektor kerajaan, hanyalah seramai 6,003 orang. Angka ini jauh lebih kecil berbanding dengan nisbah populasi masyarakat India Muslim di negara ini yang mana sepatutnya ada seramai 11,000 orang yang bekerja di sektor kerajaan. Justeru, saya mohon agar kerajaan akan membuat pengambilan lebih ramai lagi penjawat awam dari keturunan India Muslim di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, teras ketiga dalam belanjawan 2014 ialah mengungguli modal insan. Sememangnya modal insan merupakan aset utama dalam memacu pembangunan negara. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Kementerian Sumber Manusia dan jabatan-jabatan yang terlibat kerana berjaya menangani masalah lebihan jururawat di negara kita. Walau bagaimanapun, apakah tindakan kementerian dalam menangani masalah lebihan juruterbang atau *pilot* pesawat terbang terutamanya *pilot* pesawat terbang komersial yang semakin ramai menganggur di pasaran? Sebagai contoh, baru-baru ini syarikat penerbangan tambang murah negara, AirAsia mempelawa individu yang berkelayakan untuk hadir temu duga *pilot*. Sebanyak 20 tempat ditawarkan tetapi jumlah yang hadir mencecah sehingga ke 400 orang.

Apa pula tindakan yang diambil oleh kementerian untuk tidak menggalakkan pelajar-pelajar lepasan SPM atau STPM mengikuti kursus penerbangan atau juruterbang? Apakah tindakan kementerian untuk menyelesaikan pengangguran *pilots* ini?

Satu lagi masalah yang masih tidak dapat diselesaikan sehingga ke hari ini ialah masalah tenaga pekerja. Amat sukar untuk mendapatkan tenaga pekerja dari luar negara. Dalam masa yang sama, tenaga pekerja tempatan juga tidak mahu bekerja dalam sektor-sektor tertentu. Apa tindakan kementerian dalam mengatasi masalah ini?

Tuan Yang di-Pertua, pujian semestinya kita zahirkan kepada Kerajaan Malaysia yang telah memperkenalkan pelbagai produk mendahulukan rakyat. Antara produk yang paling popular ialah Bantuan Rakyat 1Malaysia seperti yang dijanjikan semasa kempen pilihan raya yang lalu. Kementerian melalui Kementerian Kewangan telah pun menaikkan jumlah bayaran BR1M dari RM500 kepada RM650. Tambahan pula RM50 untuk insurans. Usaha murni kerajaan ini harus disokong oleh semua pihak. Begitu juga produk Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) yang berjaya menyediakan rumah penginapan kepada yang berkelayakan.

Di sini juga saya ingin mengutarakan, mereka masih lagi menghadapi masalah. Pasal apa, sewaktu mereka bertemu dengan bank, dia tolak semua permohonan mereka. Pasal apa, orang yang mohon untuk PR1MA ini bukannya orang yang berpendapatan tinggi tetapi mereka ada masalah dengan *blacklist* tetapi mereka ditolak permohonan mereka ini. *So*, kerajaan harus ambil tindakan untuk mengatasi masalah ini.

Kerajaan turut memperkenalkan *goods and services tax* (GST). Secara jelas, kita dapat menilai bahawa GST ini amat tepat pada masanya dan wajar dilaksanakan. Jika kita lihat pada masa ini, sebagai pengguna kita sama ada dengan sedar atau tidak, membayar pelbagai cukai bagi sesuatu barangan atau perkhidmatan yang kita beli ataupun terima. Kewujudan GST akan memperlihatkan kepada kita hanya satu cukai sahaja yang dikenakan dengan kadar yang sangat berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kebelakangan ini, kedai-kedai yang menjalankan perniagaan secara 24 jam menjadi sasaran pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Amat sedih lagi apabila restoran-restoran mamak yang beroperasi 24 jam menjadi bahan kritikan dan tuduhan liar kononnya menjadi penyebab kepada masalah kesihatan dan sosial.

Suka saya nyatakan di sini, pertamanya, kedai atau premis yang menjalankan perniagaan selama 24 jam amat banyak dan tidak tertakluk kepada restoran mamak sahaja. Perniagaan seperti *KFC, McDonald, 7-Eleven*, *Kedai Barangan KK, Speed Mart 99, cyber cafe,* malah ada pusat karaoke yang masih beroperasi selama 24 jam.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita harus bersyukur dengan adanya restoran mamak 24 jam, ramai anak kita berada di tempat yang selamat dan selesa untuk duduk berbual, berbincang, menelaah pelajaran, menonton siaran langsung bola sepak atau apa sahaja dalam kumpulan. Ditambah pula restoran mamak 24 jam ini menyediakan *WiFi* percuma yang memudahkan akses kepada internet. Keadaan ini jauh lebih baik daripada anak-anak kita duduk di taman-taman bunga terutamanya pada waktu malam ataupun di bilik-bilik teman yang bercampur lelaki dan perempuan.

**■1540**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, restoran “mamak” ini banyak *Indian Muslim* Yang Berhormat.

**Dato’ Syed Ibrahim bin Kader:** Ya, *Indian Muslim*. “Mamak” ini disebut *“Indian Muslim.”*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini kerana Yang Berhormat ini betul-betul punya apa. Tidak betul, tidak betul Yang Berhormat ya?

**Dato’ Syed Ibrahim bin Kader:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagus.

**Dato’ Syed Ibrahim bin Kader:** Kita tidak boleh melupakan pelancong-pelancong ini ambil masa datang ke kedai-kedai makan waktu pagi. Ini kerana pertukaran masa di negara mereka dan di sini. Mungkin kalau dia lapar pada pukul 2 pagi dia tahu mana dia hendak pergi makan. *So* kita beri kemudahan kepada mereka. Kalau kita hendak kritik ini memang tidak betullah saya fikirkan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan telah beberapa kali mencadangkan had maksimum yang akan menyebabkan seseorang penghutang diklasifikasikan sebagai bankrap akan dinaikkan dari had sekarang ini iaitu RM30,000. Apakah kementerian sudah melaksanakan had baru ini dan berapakah had baru ini? Sekiranya belum, bila pula kementerian mahu menaikkan had bankrap seperti yang dicadangkan?

Tuan Yang di-Pertua, pengurup wang di negara kita sedang melalui kesukaran disebabkan polisi yang terlalu ketat dan *rigid* yang dikenakan oleh pihak berkuasa Bank Negara Malaysia. Sebagai contoh, baru-baru ini jika seorang pelanggan ingin menukar RM3,000 untuk mata wang asing, pihak pengurup wang diarahkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) untuk membuat salinan kad pengenalan pelanggan tersebut. Manakala jika ada pelanggan menukar RM5,000, pengurup wang diarahkan oleh Bank Negara Malaysia untuk membuat salinan kad pengenalan pelanggan tersebut dan pelanggan tersebut perlu memberitahu sumber di mana mereka memperoleh wang RM5,000 itu.

Manakala seorang ahli politik pula jika menukar RM3,000 ke atas, maka pengurup wang diarahkan oleh BNM untuk membuat salinan kad pengenalan ahli politik tersebut, mendapatkan butiran gaji serta sumber dana yang diperoleh serta perlu mengisi satu borang tambahan yang menyatakan sumber wang yang diperoleh itu. Saya pun tidak faham RM3,000 kalau kita *convert* dengan Dolar Amerika tidak sampai USD900. *So* apa dia boleh buat di luar negara? Saya pun tidak faham dengan USD900 itu.

Kalaulah had itu dinaikkan mungkin RM20,000 atau RM50,000 itu munasabah tetapi ini RM3,000. *So*, apa yang jadi? Oleh kerana itu ini jelas sama sekali tidak disenangi oleh pelanggan dan kebanyakan daripada pelanggan tidak mahu memberi butir-butir seperti yang diarahkan oleh Bank Negara Malaysia kerana berpendapat urus niaga penukaran mata wang tidak memerlukan butiran seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengumumkan tahun 2014 sebagai Tahun Melawat Malaysia. Kedatangan ramai pelancong asing sudah pasti akan menggunakan khidmat pengurup wang yang mana pengurup wang beroperasi sehingga pukul 11 malam. Tidak seperti bank yang tamat operasi sekitar pukul 4 petang. Sekiranya perkhidmatan pengurup wang tidak efisien, maka pelancong yang datang akan menghadapi kesukaran sekali gus menjejaskan imej Malaysia di mata dunia. Perlu saya sebutkan di sini bahawa daripada 853 pengurup wang, kini hanya tinggal hampir 500 pengurup wang yang beroperasi. Sebanyak 300 yang diarah berhenti beroperasi kerana kononnya melakukan pelbagai kesalahan telah hilang punca pendapatan. Daripada 300 yang telah diarahkan berhenti beroperasi ini, 95 peratus adalah pengurup wang Islam yang kini hilang punca pendapatan.

Kita juga harus sedar bahawa dengan keadaan *rigid* dan menyusahkan pelanggan dan pengurup wang, ramai pelanggan yang kini beralih arah pergi ke luar negara untuk menukar mata wang. Penduduk Malaysia yang mahu menukar mata wang ringgit sanggup pergi ke Singapura untuk menukarkannya. Ini menyebabkan pengaliran keluar mata wang ringgit dan dalam jangka masa yang panjang akan merugikan negara. Ibarat kata pepatah Melayu, *"Gajah di hadapan mata kita tidak nampak tetapi kuman yang jauh kita heboh-hebohkan".* Pihak Bank Negara yang cuba untuk mengawal kegiatan pengurup wang di Malaysia sebenarnya telah membuka sendiri pintu pengaliran wang daripada negara kita. Saya bukan mengkritik Bank Negara tetapi saya mohon agar Bank Negara turut prihatin dengan nasib pengurup wang ini dan tidak sering menukar polisinya. Apakah tindakan kementerian dalam menangani masalah ini dan adakah kementerian sedar akan perkara ini?

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan mempunyai tanggungjawab yang berat dalam memartabatkan belia dan mewarisi beliawanis serta sukan di negara kita. Kita dapat melihat prestasi sukan di negara lain semakin hari semakin meningkat tetapi bagi kita prestasi semakin menurun. Contohnya lihat sahaja hoki, sepak takraw, bola sepak malah badminton yang mana dahulunya kita adalah jaguh serantau dan dunia terutamanya badminton dan sepak takraw, tetapi kini kita sering tewas dengan negara yang baru muncul dalam sukan berkenaan.

Saya melihat banyak persatuan sukan yang asyik bertelagah sesama sendiri. Bermain politik dalam persatuan sukan sehingga gagal mencapai matlamat asal penubuhan persatuan tersebut. Saya juga merasakan bahawa jumlah peruntukan yang diberikan kepada kementerian ini tidak mencukupi kerana untuk melahirkan jaguh dunia, kita perlu memakan masa yang lama dan konsisten. Apakah perancangan kementerian dalam mewujudkan atlet dan pasukan bertaraf dunia?

Tuan Yang di-Pertua, pasukan keselamatan negara harus diberi pujian dan penghargaan di atas kecekapan dan kerja keras yang mereka lakukan dalam membanteras jenayah serta memastikan kita semua hidup aman, selamat dan sejahtera. Saya rasa atas kerja keras dan pengorbanan pasukan keselamatan negara, mereka perlu menikmati kenaikan gaji yang setanding dengan kerja dan pengorbanan mereka. Gaji yang tinggi akan menyuntik semangat mereka dan turut mengurangkan kadar rasuah dalam kalangan anggota dan pegawai pasukan keselamatan.

Isu kewarganegaraan masih menjadi masalah kepada ramai penduduk tetap yang layak untuk memohon. Ada yang sudah tinggal di negara ini selama 30 hingga 40 tahun tetapi masih tidak berjaya untuk mendapatkan kewarganegaraan. Permohonan yang dikemukakan telah ditolak dengan tiada sebarang sebab atau alasan yang diberikan. Kementerian harus melihat perkara ini dan cuba mengatasi masalah ini. Saya turut mencadangkan agar program MyDaftar diadakan semula tetapi program ini perlu dibuka kepada semua kaum dan bukannya pada satu kaum tertentu sahaja seperti sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, terbukti bahawa program PLKN yang dilaksanakan telah berjaya mencapai matlamatnya. Saya mencadangkan agar seluruh warga Malaysia yang sudah mencapai umur 18 tahun diwajibkan mengikuti program ini.

Apakah tindakan kerajaan untuk membaiki kedudukan ini? Penambahbaikan boleh dilakukan dengan mengutamakan penyemaian dan pengukuhan semangat patriotisme dan kaki tangan kekitaan dalam kalangan semua pelatih pelbagai kaum.

Syabas dan tahniah kepada kerajaan melalui Kementerian Pendidikan telah mewajibkan setiap pelajar peringkat SPM mesti lulus mata pelajaran Sejarah. Ini sememangnya satu langkah yang amat bijak serta berani supaya sejarah negara sentiasa dijulang dan jasa serta peranan pemimpin serta orang terdahulu tidak dilupakan. Mungkin Kementerian Pendidikan boleh melihat kembali kepada modul atau mata pelajaran Sejarah dan membuat beberapa penambahbaikan supaya dapat melahirkan warga Malaysia yang amat patriotik dan cintakan negara.

Tuan Yang di-Pertua, kesihatan merupakan elemen penting dalam kehidupan kita. Adalah menjadi tanggungjawab kerajaan menyediakan kemudahan kesihatan yang cekap dan berkualiti kepada rakyatnya. Masalah pesakit kurang kemampuan untuk mendapatkan rawatan dialisis harus diberi perhatian. Kadang-kadang pesakit perlu menunggu sehingga enam bulan dan lebih untuk mendapatkan rawatan dialisis akibat kekurangan kemudahan. Pihak hospital dan klinik swasta pula mengenakan kadar yang tinggi yang tidak mampu ditanggung oleh golongan berpendapatan rendah. Saya mencadangkan agar kerajaan memberi galakan dan insentif dan mengurangkan kerenah birokrasi supaya syarikat swasta tampil membuka pusat-pusat dialisis dan mengenakan caj perkhidmatan yang minimum kepada pesakit-pesakit buah pinggang agar mereka turut dapat menikmati kesihatan yang baik dan meneruskan kehidupan.

**■1550**

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi harapan saya dan seluruh rakyat Malaysia yang cintakan keamanan, keharmonian, keselamatan serta kesejahteraan agar kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia bersama pasukannya dapat mengemudi kita semua ke mercu kejayaan *insya-Allah*. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya pohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Untuk makluman semua Yang Berhormat, kerana saranan tadi saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang respons. Ini kerana sekarang ini saya nampak pada hari esok ada lapan orang sahaja, 11 hari bulan hanya ada empat orang. Yang Berhormat Datuk Boon Som, Datuk Rahman Bakar, Dato' Dr. Mashitah, Yang Berhormat Datuk Seri Haji Ali Rustam. Pada 12 hari bulan seorang sahaja. Sekali lagilah saya minta kerjasama kalau boleh kemukakan tarikh itu kerana senang saya hendak beri peluang. Kalau kita dapat nama, *so* Yang Berhormat boleh dipanjangkan, tidak ada masalah untuk memberi peluang. Akan tetapi kalau agaknya terlalu ramai, kita sampai malam pun tidak apa. *So,* saya harap kerjasama, tolonglah kemukakan nama-nama.

Pada esok Yang Berhormat Tuan Syed Shahir, Datuk Haji Saat Abu, Yang Berhormat Haji Muhammad Yusuf Hussin, Yang Berhormat Roslin, Yang Berhormat Datuk Dr Lucas, Ini orang baru Yang Berhormat Bathmavathi Krishnan, dan juga Yang Berhormat Datuk Muhammad Olian, Yang Berhormat Pau Chiong Ung. Selepas itu saya rasa yang lain-lain itu boleh kemukakan tarikh bila rasanya hendak bercakap. Senang saya hendak *space*, atur masa itu supaya bagi peluang. Bagi hari ini saya fikir kerana ada beberapa orang lagi, esok pun tidak apa. Kalau sesiapa tidak habis hari ini, kalau kita berhenti pada 5.30 petang, esok prioriti itu kita akan bagi pada orang yang hari ini yang tidak habis untuk kita teruskan perbahasan kita. Baik, seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Dr. Ariffin bin S.M. Omar.

**3.50 ptg.**

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberi kepada saya untuk membahaskan Bajet 2014. Dalam pembentangannya di Dewan Parlimen yang mulia, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menerangkan bahawa Bajet 2014 menyediakan peruntukan sebanyak RM264 bilion bagi melaksanakan langkah-langkah program dan projek kesejahteraan rakyat dan pembangunan negara.

Oleh kerana pembentangan Bajet 2014 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyentuh banyak perkara. Maka, saya hanya akan menyentuh beberapa perkara yang menarik perhatian saya sahajalah. Jadi, oleh itu saya hendak fokus atas pelancongan dan pendidikan.

Saya ingin bermula dengan usaha untuk mempromosikan sektor pelancongan. Walaupun terdapat Tabung Khas Infrastruktur Pelancongan dan peruntukan sejumlah RM2 bilion untuk membina infrastruktur, yang saya hendak tanya, adakah peruntukan ini digunakan secara adil dan saksama. Ini kerana untuk memajukan pelancongan di negara ini, Kerajaan Pusat perlukan juga kerjasama dengan kerajaan negeri. Oleh sebab itu, saya datang dari Pulau Pinang, adalah beberapa perkara yang saya hendak timbulkan di sini.

Satu yang menarik perhatian saya dan saya dipesan untuk menimbulkan di sini, di Dewan yang mulia ini ialah adakah penjelasan apa sebabnya suatu landasan kapal terbang tidak dibina di Pulau Pinang? Landasan kapal terbang yang menambah had. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, jumlah pelancong yang datang ke Pulau Pinang telah meningkat ke 14 peratus kalau hendak dibandingkan dengan bilangan tahun lepas. Antara bulan Januari sehingga Oktober tahun ini, jumlah pelancong yang melawat Pulau Pinang pada tempoh masa ini ialah 4.4 juta. Mungkinlah angka ini akan naik ke 5.5 juta pada akhir tahun ini.

Kapasiti Lapangan Terbang Bayan Lepas Pulau Pinang ialah hanya lima juta orang setahun. Itulah sebabnya landasan tambahan diperlukan. Tanah untuk projek ini memang ada, tidak jadi masalah. Di samping itu, satu lagi masalah yang kita harus ambil berat ialah walaupun Lapangan Terbang Bayan Lepas Pulau Pinang telah diubahsuaikan oleh Kerajaan Pusat, masalah banjir di lapangan terbang itu telah menimbulkan banyak masalah. Ini haruslah diatasi dengan cepat kerana banjir yang sering kali berlaku di Lapangan Terbang Pulau Pinang itu setiap kali hujan memberi satu imej yang amat buruk terhadap negara ini. Ada beberapa kali pelancong-pelancong yang datang ke Pulau Pinang mengatakan negara ini macam negara dunia ketiga, macam di Afrika. Sebaik sahaja kita mendarat dari kapal terbang, terus sahaja masuk dalam banjir.

Maka, saya hendak bertanyalah adakah sebarang langkah dirancang untuk mengatasi masalah banjir di Lapangan Terbang Bayan Lepas? Perkara ini tidak bolehlah dibiarkan begitu sahaja kerana masalah ini akan memburukkan imej negara dan jika kita hendak memajukan pelancongan di negara Malaysia ini, kita harus bertindak menghadapi masalah ini. Keuntungan dinikmati oleh seluruh negara. Bukan sahaja Pulau Pinang kalau masalah-masalah yang telah saya sebutkan baru tadi dapat diatasi.

Baik, sekarang saya hendak beralih ke pendidikan. Itu bidang saya sebenarnya. Jelaslah bahawa peruntukan kewangan untuk memajukan pendidikan adalah memuaskan. Ini saya tidak mempertikaikan. Dalam Belanjawan 2014 yang baru dibentangkan oleh Perdana Menteri, kita mendapati bahawa peruntukan untuk pendidikan ialah RM54 bilion. Ini merupakan 21 peratus daripada keseluruhan belanjawan. Ini sebenarnya harus dipuji. Janganlah pula setiap kali kita bincangkan perkara ini, kami dituduh menghentam kerajaan sahaja. Saya memang bersetuju dan memuji kerajaan kerana peruntukan yang begitu banyak ini mencerminkan...

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, boleh mencelah?

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Ya.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Boleh?

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Silakan.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Duduklah.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** *Okay, no problem.*

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** *[Ketawa]* Tadi Yang Berhormat kata pelancong asing datang ke *airport Penang*, hujan. Langsung Yang Berhormat *condemn Penang*, Malaysia. Ini kerja Tuhan, Allah punya kerja. Hendak buat macam mana. Cuba cadangkan macam mana hendak sekat air hujan, langit? Cuba terangkan.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Soal hendak cegah hujan semua di luar bidang kuasa kami.

Akan tetapi yang penting itu soal *drainage* dan *irrigation*. Ini harus diambil kira dan harus diperbaiki dengan elok. Ini satu perkara yang mesti diambil berat.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, macam Kuantan, Terengganu, Kemaman, Rompin ada longkang besar-besar. Lebih besar daripada Dewan tetapi banjir juga- sebab Allah punya kerja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat...

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Jadi, kena berpijak kepada qada' dan qadar. Retikah?

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Terima kasih. Kalau kita hendak salahkan Allah atas semua bencana yang ditimpa oleh negara ini, saya rasa tidak memadailah.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Bukan hendak salahkan Allah, tetapi ada hikmahnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya minta boleh mencelah tetapi Yang Berhormat kena beri laluan. Selepas itu Yang Berhormat boleh bangun minta izin. *So,* maksud saya tadi kalau boleh, ada...

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Minta izin... *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak. Mohon izin daripada Yang Berhormat daripada… Boleh Yang Berhormat?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Boleh izin?

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Boleh, boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Hah! Macam itulah. Itu yang saya hendak.

**■1600**

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Itu macamlah. Bukan salahkan Tuhan, tetapi hujan banyak-banyak macam Rompin, Kemaman longkang besar tetapi hujan juga. Sekolah ampuh, tenggelam lapangan terbang. Bukan di *Penang* sahaja, termasuk Kuantan elektrik putus. Jadi bukan malu, itu kerja Allah. Di Filipina pun sudah ada Haiyan tetapi orang faham, pelancong faham. Ini kerja Allah, pelancong pun kenal Allah. *You* tidak kenal kah?

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Okey, terima kasihlah Yang Berhormat. Saya hendak teruskan tentang apa yang saya hendak sampaikan. Saya tidak mahu pentingkan perkara itulah kerana mungkin Yang Berhormat mempunyai pandangan yang amat berbeza daripada saya dan saya hendak sentuh tentang pendidikan. Bagi saya ini lebih penting kerana soal pendidikan itu akan menentukan hala tuju negara ini.

Saya setujulah apa yang diperuntukkan oleh kerajaan untuk pendidikan itu bagus, harus dipuji. Namun demikian, terdapat beberapa perkara ataupun masalah yang harus disentuh di sini. Jelaslah bahawa belanjawan Malaysia untuk memajukan pendidikan adalah lebih dari Korea, negara Jepun dan juga Hong Kong. Walaupun jumlah yang dibelanjakan adalah tinggi, yang amat penting yang kita harus tanya di sini ialah adakah perbelanjaan ini memberi pulangan yang setimpal kepada negara? Ini yang pentinglah kerana malangnya menurut Laporan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, kita mendapati bahawa prestasi Malaysia ketinggalan jika dibandingkan dengan negara-negara jiran yang memperuntukkan perbelanjaan yang setara.

Laporan tersebut menerangkan bahawa walaupun perbelanjaan lebih tinggi, ini tidak semestinya dikaitkan dengan keberhasilan yang lebih baik. Misalnya *Trends in International Mathematics and Science Study* (TIMSS) dengan izin, menunjukkan bahawa pada tahun 1999 iaitu kali pertama negara Malaysia mengambil bahagian, skor purata murid negara kita telah mengatasi purata antarabangsa dalam Matematik dan Sains.

*[Timbalan Yang di-Pertua* ***mempengerusikan Mesyuarat.]***

Malangnya sejak itu, prestasi kita merudum sehingga pada tahun 2011, kedudukan kita ialah 26 daripada 59 buah negara. Pada tahun 1999, kedudukan kita ialah 16 untuk mata pelajaran Matematik tetapi pada tahun 2011, kita berada di tempat 26. Dalam mata pelajaran Sains, kalau dahulu kedudukan kita ialah nombor 22 tetapi kita telah jatuh ke tempat 32 pada tahun 2011. Apa yang memeranjatkan saya, 38 peratus murid kita gagal mencapai penanda aras minimum dalam Sains dan Matematik. Ini bermakna pencapaian murid negara ini adalah di bawah purata antarabangsa.

Kementerian Pendidikan mestilah bertindak dengan tegas supaya kedudukan Malaysia tidak merosot berbanding dengan negara-negara lain. Selain daripada TIMSS, kita mendapati bahawa PISA ataupun *Program for International Student Assessment* dengan izin, tahun 2011...

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang hendak mencelah. Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat sebentar tadi menyebut tentang kemerosotan prestasi pelajar-pelajar kita dalam mata pelajaran Sains dan Matematik sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Saya berpandangan ini ada kaitannya dengan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Sebelum itu, mata pelajaran Sains dan Matematik ini dipelajari dalam bahasa ibunda, maksudnya dalam Bahasa Malaysia. Kekurangan guru untuk mengajar kedua-dua mata pelajaran itu dalam bahasa Inggeris, murid-murid di pedalaman yang tidak terdedah dengan bahasa Inggeris adalah menjadi faktor utama kepada kemerosotan tersebut. Bermakna, langkah Kementerian Pendidikan dan kerajaan mengembalikan semula PPSM ini kepada Bahasa Malaysia adalah tepat. Minta pandangan Yang Berhormat.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Memang saya setujulah dengan apa yang telah dikemukakan kerana baru tadi Yang Berhormat Dr. Syed Husin pun telah menyampaikan pandangan yang hampir sama bahawa negara-negara yang menggunakan bahasa ibunda mereka, kalau pengajaran itu dibuat dengan elok dan berkesan, maka pencapaian pelajar-pelajar di sekolah-sekolah mereka itu jelas membuktikan mutu dan kualiti yang tinggi. Mungkinlah salah satu daripada sebabnya kita menghadapi masalah ialah oleh kerana Kementerian Pendidikan tidak dapat menentukan dengan setepat-tepatnya adakah pelajaran dalam Sains dan Matematik itu dikendalikan dalam bahasa Inggeris atau bahasa Malaysia. Oleh kerana ada kekeliruan ini dan tukar menukar, banyak masalah timbul. Inilah kita telah jadi mangsa satu dasar yang tidak tersusun dan tidak teratur.

Beralih kepada PISA atau *Programme for International Student Assessment* yang diselenggarakan oleh *Organization for Economic Corporation and Development*, dengan izin. Ini membuktikan bahawa pelajar-pelajar Malaysia mundur dalam kategori kebolehan membaca dengan skor pencapaian pada 398, manakala skor pencapaian negara Thailand ialah 441. Skor sederhana bagi OECD ialah 496. Pada tahun 2009, pencapaian Malaysia ialah 414. Hampir di semua peringkat iaitu daripada peringkat sekolah rendah dan juga peringkat sekolah menengah, kedudukan kita telah merosot dan ini merupakan satu tanda yang memang tidak baik.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Perdana Menteri telah mengatakan bahawa kerajaan akan memberi fokus memperkasakan institut pengajian tinggi ke arah melahirkan graduan yang berkualiti dan memenuhi permintaan pasaran kerja, sejauh manakah sasaran ini dapat direalisasikan? Di peringkat pengajian tinggi, kedudukan universiti-universiti kita masih di tahap yang tidak memuaskan jika dibandingkan dengan negara-negara jiran seperti Indonesia, Thailand dan juga Singapura. Sebagai contoh, Universiti Sains Malaysia iaitu universiti APEX di Malaysia kononnya diberi tugas untuk mencapai kedudukan cemerlang sebagai sebuah universiti yang bertaraf dunia. Akan tetapi sudah beberapa tahun USM dikurniakan dengan taraf APEX tetapi menurut *QS World University Rankings 2013,* kedudukannya ialah di peringkat 355. Setiap tahun kedudukan USM merosot sehingga universiti-universiti lain di Malaysia mempunyai kedudukan yang lebih tinggi daripada Universiti Sains Malaysia. Ini satu perkara yang tidak dapat kita menafikan...

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Boleh minta celah?

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Silakan.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Boleh?... Yang Berhormat kata Thailand, Indonesia ranking bagus daripada Malaysia. Saya hendak tanya, apa guna ranking tinggi sedangkan hasil tidak baik? Contoh, pengangguran di Thailand dan Indonesia tinggi dari Malaysia.

**■1610**

Malaysia kadar pengangguran, graduan yang keluar hanya sekitar *less than* 3 peratus. Sedangkan di Indonesia 16.5 peratus, di Thailand lebih kurang 15 peratus. Jadi apa guna kadar bagus, tetapi penganggur tinggi? Baiklah lagi di Malaysia ini. Cuba jelaskan.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Akan tetapi harus difahami bahawa 60,000 graduan di Malaysia menganggur, tidak ada kerja. Boleh saya teruskan? Baik ya...

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Saya tidak puas hati. Jawapan itu leceh sangat.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Akan tetapi itulah, akhirnya...

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Yang Berhormat tahu, berapa ramai di Indonesia yang menganggur? Jawablah, jawab dahulu. Jawab dahulu.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Saya sebenarnya...

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Jawab dahulu.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Saya tidak pentingkan yang ini. Saya pentingkan negara ini.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat. Duduk dahulu.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Itu sebabnya saya hendak teruskan supaya jawapannya jelas. Apa yang penting...

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Ya. Tuan Yang di-Pertua, beliau kata tadi di Malaysia 60,000. Akan tetapi di Indonesia berjuta, tahukah? Jawablah.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Ya, tetapi tengoklah jumlah penduduknya.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Oleh sebab itu, kena hati-hati bercakap. Tidak boleh *condemn*.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Saya tidak *condemn* secara buta tuli.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Kalau tidak *condemn…*

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Kalau saya diberi peluang untuk teruskan, maka saya boleh terangkan apa yang jadi masalah tentang...

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Saya hendak dengar. Silakan.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Bagus. Baik. Seperti yang saya bilang baru tadi, bahawa universiti-universiti kita merosot berturut-turut pada tiap-tiap tahun- apa sebabnya? Kementerian Pendidikan harus bertindak dengan cepat supaya universiti-universiti kita ini tidak dianggap sebagai satu kilang bermutu rendah di mana ijazah-ijazah yang dianugerahkan tiada nilai, dan tidak memberi manfaat kepada pelajar-pelajar yang memperoleh ijazah ini.

Baik, untuk mengatasi masalah kemerosotan mutu universiti-universiti tempatan, ada beberapa perkara yang harus diambil kira. Kementerian Pendidikan mestilah bertindak untuk menentukan yang pertama, pensyarah-pensyarah yang berkhidmat di universiti-universiti tempatan terdiri daripada individu-individu yang berkaliber dan juga berwibawa serta berpengetahuan. Untuk mencapai matlamat ini, hanya pensyarah-pensyarah yang cemerlang dan berwibawa boleh dipilih melanjutkan pendidikan mereka di luar negara. Kementerian Pendidikan harus menentukan bahawa pensyarah-pensyarah yang dihantar ke luar negara mempunyai keupayaan untuk berjaya menamatkan pengajian mereka kerana setakat ini ada juga ramai pensyarah yang dihantar ke luar negara telah gagal menyempurnakan pendidikan mereka dan kegagalan mereka telah membawa kepada kerugian besar kepada negara. Perkara ini kita tidak boleh dinafikan.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita ingin meningkatkan taraf serta mutu universiti-universiti tempatan, Kementerian Pendidikan harus menentukan bahawa tindakan tegas diambil terhadap kakitangan-kakitangan akademik yang melakukan kesalahan yang serius, yang akan menjejaskan kedudukan universiti-universiti kita. Khususnya mereka yang terlibat dalam kegiatan plagiat serta menipu dalam pendidikan mereka. Mereka mesti menghadapi tindakan yang sewajarnya. Jika pelajar-pelajar dibuang daripada universiti setelah didapati mereka melakukan plagiat atau menipu, maka kakitangan akademik yang melakukan kesalahan yang sama haruslah dikenakan tindakan yang sama.

Ekoran daripada ini, saya ingin bertanyalah Yang Berhormat Menteri Pendidikan, apakah tindakan yang telah diambil terhadap Muhammad Ridhuan Tee Abdullah yang telah melakukan plagiat? Kes ini sudah beberapa kali ditimbulkan dalam Dewan Parlimen. Surat aduan telah dikemukakan kepada Kementerian Pendidikan. Oleh sebab itu, tiada sebarang alasan yang dapat dikemukakan bahawa kementerian tidak boleh bertindak kerana tidak ada sebarang aduan. Jika tindakan tidak diambil, ini bermakna Kementerian Pendidikan pandang ringanlah terhadap amalan pelajar walaupun ini akan merosakkan imej universiti-universiti di Malaysia.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Mohon mencelah sedikit, boleh?

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Boleh saya teruskan? *Let me finish...*

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Dua minit sahaja, Dua minit sahaja. Tidak lama. Boleh? Terima kasih.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Saya berminat juga dengan tajuk berkenaan mahasiswa ini sebab selain daripada kita memperkatakan dari segi prestasi pencapaian universiti tersebut, kita terlupa dalam satu konteks bagaimana mahasiswa juga digunakan oleh pihak-pihak tertentu di jalanan, yang ia membolehkan keadaan mahasiswa ataupun imej dia dari segi konsep pelajar itu sendiri dan juga sistem pembelajaran mereka terganggu disebabkan oleh pihak-pihak tertentu mempergunakan mereka di dalam unsur-unsur tertentu seperti pihak pembangkang ataupun mempergunakan mereka hanya sekadar untuk memastikan pihak-pihak tertentu mendapat keuntungan di dalam sektor politik. Ini juga pada saya mungkin antara salah satu sebab kenapa prestasi di peringkat pelajar-pelajar universiti ini menurun. Saya minta pandangan Yang Berhormat, bagaimana pula yang itu?

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Sebenarnya saya ini berpendapat tidak ada sebarang sebab bagi para akademik hendak memperalatkan pelajar-pelajar dalam politik. Ini kerana di dalam ini- saya pernah berkhidmat di dalam universiti. Saya tidak pernah masukkan politik dalam universiti. Soal penglibatan dalam politik itu soal peribadi saya. Saya sebagai profesional di situ mengajar pelajar saya ikut standard profesional. Bukan bawa masuk aspek-aspek politik. Akan tetapi yang penting saya hendak tegaskan di sini sebagai ahli akademik, yang amat penting kita mestilah menentukan ahli-ahli akademik tidak terlibat dalam amalan plagiat.

Seperti yang saya telah sampaikan baru tadi, kalau kita bertindak terhadap pelajar, kenapa pula ahli akademik yang terlibat dalam kes plagiat itu dikecualikan daripada tindakan yang sewajarnya? Jika Kementerian Pendidikan tidak mengambil sebarang tindakan terhadap staf-staf yang terlibat dalam kes-kes plagiat, maka staf-staf akademik yang lain serta pelajar akan mencontohi satu amalan yang tidak sihat. Mereka akan menggunakan kesempatan untuk plagiat supaya inilah jalan yang paling sesuai untuk menentukan mereka dapat naik pangkat dengan cepat.

Satu perkara lagi yang kita harus sentuh untuk menentukan bahawa mutu universiti-universiti kita dapat dipertingkatkan ialah Kementerian Pendidikan haruslah menarik minat pensyarah-pensyarah yang bertaraf antarabangsa yang dihormati untuk berkhidmat di universiti-universiti tempatan. Pada masa dahulu, universiti-universiti tempatan dapat menarik perhatian pensyarah-pensyarah dari luar negeri datang berkhidmat di universiti-universiti di sini. Kebelakangan ini, tidak ramai daripada pensyarah-pensyarah asing yang berkaliber hendak datang di sini atas alasan universiti-universiti kita ini, suasananya tidak elok.

Oleh sebab itu, Kementerian Pendidikan haruslah mewujudkan suatu suasana intelektual yang baik bukan sahaja untuk menarik perhatian para akademik bermutu tinggi dari luar negeri, datang ke sini tetapi juga bertindak untuk menentukan bahawa para akademik tempatan yang berkaliber dan berwibawa akan kekal di universiti-universiti di sini dan tidak akan berhijrah ke luar negeri...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Boleh celah sikit?

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada yang hendak mencelah, bolehkah?

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Silakan.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

Dakwaan Yang Berhormat mengatakan pensyarah-pensyarah asing tidak berminat hendak datang ke sini di mana sebenarnya. Adakah ini bermakna kita tidak lagi berminat untuk- bukan tidak berminat, kerana pensyarah-pensyarah yang kita perlukan sudah terlengkap. Maka, ada kalanya kita tidak memerlukan pensyarah dari luar.

**■1620**

Jadi, bukannya mereka tidak berminat, kita yang tidak hendak. Kalau hendak kira pensyarah-pensyarah yang berminat, yang kita perlukan, masih ada. Terus-terang saya katakan, sekarang paling kurang ada di Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya ada dua orang profesor tamu. Tidak minat namanya? Itu baru di satu fakulti. Belum di fakulti yang lain. Jadi, bila Yang Berhormat membuat dakwaan seperti itu, sebagai seorang ahli akademik, saya rasa Ahli Yang Berhormat haruslah juga memberikan substansiasi terhadap dakwaan-dakwaan itu. Boleh atau tidak berikan contoh siapa yang tidak berminat itu? Bukan itu sahaja, di UKM dan saya sendiri mempunyai hubungan dengan ahli-ahli akademik di tempat lain, ramai yang bertanya kepada saya, *"Macam mana saya hendak mengajar di Malaysia?"* Jadi, dakwaan Yang Berhormat itu saya rasa satu dakwaan yang tidak disubstansiasikan. Terima kasih.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Terima kasih atas pencelahan itu. Akan tetapi saya masih berpegang pada apa yang saya telah sampaikan. Dahulu kita adalah pensyarah-pensyarah seperti ...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Kita tidak boleh...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** ...Kita ada pensyarah-pensyarah seperti *Harold Crouch, and Tony Reid...*

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** *No.* Saya- Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak boleh merasa. Kita harus membuktikan.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Akan tetapi sekarang itu terdapat pensyarah-pensyarah setaraf macam mereka ini amat sukar. Memang kalau hendak tengok pensyarah akademik dari luar negeri memang ada tetapi apakah taraf mereka? Adakah mereka begitu *famous* seperti pensyarah-pensyarah dahulu yang ada di sini yang pernah berkhidmat di sini? Inilah perkara yang kita harus sentuh dan perkara yang harus kita ingat juga, begitu ramai daripada akademik-akademik tempatan yang berwibawa dan berkaliber memilih untuk bekerja di luar negeri daripada di universiti-universiti di sini dan kita mesti tanya, apakah sebabnya begitu?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, boleh mencelah sedikit? Di semua universiti...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tunggu Yang Berhormat. Ini ruang dia, saya tanya dia dahulu.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Izinkan dia mencelah?

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Boleh saya teruskan, *because* tidak banyak lagi.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Duduklah sayang... *[Ketawa]*

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Sebenarnya...

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Duduk relaks. Duduklah.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Sebenarnya, perkara ini boleh dibahaskan sampai saya ingat malam pun kita tidak akan bersetuju. Akan tetapi saya masih ...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Duduk Yang Berhormat.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Berdiri atas apa yang saya sampaikan di sini. Kalau ada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang tidak bersetuju, ini terpulang kepada mereka. Soal hendak terima atau tidak terima, itu soal peribadi sebenarnya.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Saya hendak tanya. Sudahlah itu.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Akan tetapi yang penting bagi saya...

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Beri saya tanya sedikit.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Kita mesti tentukan bahawa akademik-akademik yang berkhidmat di universiti-universiti di sini mesti berkaliber...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Duduk Yang Berhormat.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** ...Dan berwibawa. Apakah sebabnya? Ini kerana kalau kita hendak menghasilkan graduan-graduan yang bermutu tinggi dan berwibawa, kita mesti mempunyai pensyarah-pensyarah yang berkualiti tinggi juga penting bahawa ...

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, boleh mencelah? Minta izin.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ini ruang dia. Kita kena tanya dia Yang Berhormat.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Ekoran daripada ini Kementerian Pendidikan...

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Bolehkah, bolehkah?

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Silakan.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tolonglah... *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Bolehlah. Di Malaysia, ada 18 buah universiti. Betul?

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Lebih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Lebih. Cuba cerita satu universiti yang tidak ada pensyarah luar? Semua ada. UIA, UM, UMM, UKM, apa lagi universiti, semua ada, Universiti Malaysia Sarawak, Universiti Malaysia Sabah, semua ada. Ini bukti pensyarah luar suka Malaysia. Faham? Mana ada tidak suka. Yang Berhormat cakap ikut perasaan. Hentam, hentam, hentam. Hakikatnya, mereka suka. Saya dahulu belajar di UKM. Bukan satu, bukan sepuluh, tetapi beratus pensyarah luar yang mengajar di UKM. Masih ada lagi, masih bertambah lagi. Cuba jawab.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Terima kasih. Kalau hendak kata tidak ada pensyarah... langsung, memang ...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Speaker Yang Berhormat. Mikrofon itu.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Ya, kalau hendak kata tidak ada pensyarah asing, memang tidak benar. Saya bersetuju. Akan tetapi yang saya hendak mempertikaikan di sini, apakah kualiti mereka? Adakah mereka setaraf dengan John Bastin, Profesor William Roff, Harold Crouch, Tony Reid? Inilah yang penting. Hendak cari mana-mana orang asing yang hendak datang berkhidmat di sini, tidak jadi masalah. Boleh, bila-bila masa pun boleh. Akan tetapi yang kita cari sebenarnya, *those of caliber,* dengan izin. Ini yang penting.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Kalau ...

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Maka ekoran daripada ini, Kementerian Pendidikan mesti jugalah menentukan bahawa ...

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Minta laluan lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ...

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Kalau dia bodoh, pensyarah itu bodoh, dia tidak mari.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** ...Telah berlangsung dengan baik.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya cuma benarkan seorang berucap.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Telah berlangsung dengan baik.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tunggu sekejap. Yang Berhormat, ada yang hendak mencelah. Yang Berhormat izinkan?

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Saya hendak teruskan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dia hendak teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Takut!

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Dan mereka mempunyai kemampuan untuk menggunakan apa yang dipelajari di universiti untuk kepentingan masyarakat negara ini. Oleh sebab itu, kita mesti tanyalah kepada Kementerian Pendidikan, apakah kriteria yang digunakan untuk memastikan bahawa graduan-graduan kita ini memang berwibawa dan cekap khususnya dalam bidang perubatan, perundangan, *engineering* dan *architecture* ataupun seni bina? Perkara ini adalah penting kerana kalau kita hendak sampai ke tahap *world class* seperti apa yang telah disampaikan oleh Timbalan Perdana Menteri, perkara inilah mesti diambil kira.

Kalau saya tidak salah, ada beberapa kes kecuaian dalam beberapa bidang perubatan serta kes-kes kecuaian *civil engineering*, pakar seni bina yang telah membawa kepada keruntuhan bangunan-bangunan di negara ini dan graduan-graduan ini datang daripada mana sebenarnya? Universiti tempatan atau universiti asing? Ini kita mesti terangkan kerana saya sudah mendapat beberapa aduan bahawa graduan-graduan kita yang keluar daripada universiti tempatan tidak setaraf dengan graduan-graduan di universiti-universiti di luar negara. Kalau ini benar, haraplah kerajaan bertindak untuk mengatasi masalah ini supaya kedudukan sistem pendidikan kita tidak merosot sehingga tahap yang parah.

Kita mendapati bahawa kemudahan-kemudahan yang didapati di universiti-universiti dan sekolah-sekolah kita yang berharga berjuta-juta ringgit itu mestilah memanfaatkan pelajar-pelajar kita dan juga meningkatkan prestasi serta pencapaian mereka. Misalnya, 1BestariNet iaitu *broadband* pantas di 10,000 sekolah di seluruh negara setakat ini, lebih menguntungkan pelajar-pelajar di kawasan bandar. Manakala kawasan luar bandar, kemudahan ini tidak begitu berkesan.

Pelajar-pelajar Malaysia yang menamatkan persekolahan mereka di peringkat sekolah menengah dan peringkat sekolah tinggi iaitu SPM, STPM yang kononnya mempunyai banyak 'A' dalam keputusan peperiksaan mereka, setelah mereka dihantar ke luar negeri untuk melanjutkan pelajaran mereka, menghadapi banyak masalah untuk bersaing dengan pelajar-pelajar asing. Ini pun kita harus fikir dan tengok dengan cara yang terperinci.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Boleh beri laluan? Sedikit sahaja.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Silakan.

**Dato' Lim Nget Yoon:** *[Ketawa]* Yang Berhormat, begini. Sedarkah Yang Berhormat tentang pelajar-pelajar kita yang menduduki *A-level*, ramai daripada mereka yang mendapat *top in the world?* Sebab yang rakan-rakan, anak saya sendiri yang mendapat keputusan yang begitu cemerlang... *[Tepuk]* Jadi, yang pelajar-pelajar itu pun belajar daripada *Standard 1 until Form 6* dalam satu sistem yang sama, sistem pendidikan kita sentiasa... Apakah pandangan Yang Berhormat tentang pendidikan kita tidak boleh *compromise*? Akan tetapi jangan hanya *condemn*. Kita hendak cari. Kalau memang merosot, carilah punca tetapi mesti tengok sebelahnya ada keputusan yang cemerlang begitu. Terima kasih.

**■1630**

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Terima kasih Yang Berhormat atas celahan itu. Ya, memang ada kes-kes yang mana ada pelajar-pelajar yang cemerlang. Saya tidak menafikan. Akan tetapi ada juga pelajar-pelajar yang keluar yang dapat berapa banyak 'A' dalam SPM dan STPM, misalnya, saya pun telah menemui kes-kes yang mana pelajar-pelajar seperti ini telah dihantar bukan begitu jauh, di Singapura mereka menghadapi banyak masalah untuk bersaing di sana dan salah satu daripada mereka yang telah balik ke Malaysia masuk ke Universiti Sains Malaysia kerana tidak boleh melanjutkan pelajarannya di universiti di Singapura. Ini satu kes yang saya telah dapat dan disampaikan kepada saya. Oleh sebab itu, kita haruslah kaji dengan terperinci, adakah sistem persekolahan peringkat menengah dan peringkat sekolah tinggi itu masih kekal dari segi mutu? Ini penting.

Kita mendapati juga walaupun kerajaan telah membuat peruntukan yang begitu tinggi untuk memajukan sistem pendidikan di Malaysia, usaha kerajaan untuk memastikan pelajar Malaysia dapat mempertingkatkan prestasi mereka dengan mengupah khidmat perunding seperti *McKinsey & Company* yang dibayar untuk mendedahkan MPPM sebanyak RM20 juta merupakan satu pembaziran. Ini kerana tidak tercapai sasarannya. Saya hendak mempersoalkanlah buat apa kita hendak bayar RM20 juta kepada *McKinsey & Company* kerana pakar-pakar tempatan sudah ada yang boleh membuat kajian dan menyediakan satu program.

Di samping itu juga, kerajaan telah membayar sebanyak RM270 juta untuk melantik tiga syarikat perunding iaitu *British Council, Brighton Education Group* dan *SMR HR Group* untuk menyediakan mentor penuntut jati bahasa Inggeris dengan tujuan untuk membimbing dan meningkatkan kapasiti guru bahasa Inggeris di sekolah rendah dan sekolah yang terpilih. Program ini mengambil masa tiga tahun dan melibatkan 360 orang mentor dengan kos RM21,000 sebulan untuk seorang mentor.

Akan tetapi ini tidak mempunyai kesan yang berbaloi dengan kos yang dibelanjakan untuk program ini. Oleh sebab itu, saya berharap bahawa apa yang dibahaskan di sini akan diambil kira oleh kerajaan kerana soal mutu pendidikan negara tidak payah dipandang dari segi kepentingan politik. Jika sistem pendidikan negara ini mencapai tahap yang maju, semua pihak tidak kira fahaman politik akan banggalah dengan pencapaian ini. Sekian, terima kasih.

**4.33 ptg.**

**To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. *Bismillahi Rahmani Rahim. Wabihinas ta'in.*

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana Tuan Yang di-Pertua telah memberi laluan untuk saya turut memberi ucapan bagi membahaskan Rang Undang-undang Bajet 2014 ini walaupun dalam keadaan beribu rakyat Terengganu dan Pahang sekarang ini dalam kesusahan akibat bencana banjir. Sama-samalah kita doakan mudah-mudahan cuaca akan kembali seperti sedia kala.

Sebagaimana yang kita ketahui, bajet yang lalu telah pun dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak pada 25 Oktober 2013 yang lepas iaitu pada hari Jumaat. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah membentangkan Bajet 2014 ini yang mengutamakan kemajuan negara dan kesejahteraan rakyat dengan menyentuh secara komprehensif segenap lapisan masyarakat termasuk kakitangan kerajaan, petani, nelayan, pesara, golongan miskin dan sederhana, pelajar, belia, penduduk bandar dan luar bandar, pelabur, usahawan dan peniaga.

Bajet 2014 ini juga memberikan tumpuan kepada usaha transformasi kerajaan dalam pelbagai bidang bagi menjulang negara menjadi negara maju berpendapatan tinggi dan meneruskan tradisi keprihatinan kepada rakyat untuk membawa kemakmuran dan keamanan ke seluruh negara demi kepentingan dan kesejahteraan semua lapisan rakyat. Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2014 adalah merupakan bajet ke-56 negara dengan memperuntukkan sebanyak RM264.2 bilion iaitu peningkatan sebanyak RM12.6 bilion atau 5 peratus berbanding Bajet 2013 yang berjumlah RM255.6 bilion.

Ini membuktikan negara terus maju dan makmur serta keyakinan kerajaan kepada ekonomi negara pada tahun-tahun mendatang walaupun negara lain termasuk negara maju sedang bergelut menstabilkan ekonomi masing-masing. Kebijaksanaan kerajaan menguruskan kewangan negara adalah hasil keikhlasan kerajaan membela rakyat dengan menepati janji semenjak 56 tahun lalu, kini dan selamanya, *insya-Allah.* Bajet 2014 ini telah diadun dengan penuh teliti dan dinamik bertemakan, *"Memperteguh Ketahanan Ekonomi, Memperkasa Transformasi, Melaksanakan Janji"*, dengan lima teras utama iaitu merancak aktiviti ekonomi, mengukuh pengurusan fiskal, mengungguli modal insan, mempergiat pembangunan bandar dan luar bandar dan mensejahterakan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin menyentuh teras pertama iaitu merancak aktiviti ekonomi khususnya berhubung dengan meningkatkan rangkaian sektor pertanian yang mendapat peruntukan sebanyak RM6 bilion untuk melaksanakan program pertanian yang mempunyai nilai tambah tinggi dan berdaya komersial. Berhubung dengan pertanian ini, saya ingin menyentuh berhubung dengan tanaman kenaf yang telah diperkenalkan sebagai tanaman komoditi baru dan tanaman alternatif kepada penanam tembakau yang semenjak tahun 2005 lagi.

Sehubungan dengan itu Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) telah ditubuhkan bagi menggantikan Lembaga Tembakau Negara pada tahun 2009. Kenaf hanya dikeluarkan oleh empat negeri sahaja iaitu Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis dengan jumlah keluasan 479 hektar dan menghasilkan 2,965 tan dalam tahun 2009. Tanaman kenaf juga dikatakan telah dibangunkan di Pahang berbanding tembakau yang telah dimajukan semenjak tahun 1973 lagi.

Bagi tahun 2009, Penanam dan Pengawet Individu (PPI) dan Penanam Pengawet Usaha sama (PPU) telah mencatat pendapatan agihan berjumlah RM23.85 juta selari dengan hasrat kerajaan untuk melaksanakan program pertanian yang mempunyai nilai tambah tinggi dan berdaya komersial. Saya ingin mendapat penjelasan, sejauh manakah kejayaan penanaman kenaf bagi menggantikan tanaman tembakau di negara ini dan apakah langkah bagi memaju dan membangunkan tanaman kenaf di negara ini di kawasan bukan tanaman tembakau serta nyatakan jumlah pengeluaran dan hasil jualan kenaf bagi tahun 2009 hingga tahun 2013 terkini?

**■1640**

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya berhubung dengan pertanian ini, saya mengalu-alukan langkah kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak RM634 juta di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) bagi meningkatkan produktiviti serta menghasilkan produk pertanian yang mempunyai permintaan tinggi. Sehubungan dengan itu, saya ingin menyentuh langkah kerajaan melestarikan jaminan bekalan makanan negara dan amat mengalu-alukan langkah kerajaan mewujudkan empat kawasan jelapang padi baru di Kota Belud, Batang Lupar, Rompin dan Pekan sebagaimana inisiatif kelestarian jaminan bekalan makanan negara yang dijangka akan menghasilkan 104,000 tan metrik padi.

Tahap sara diri (SSL) beras tempatan masa kini dianggarkan 70 peratus dengan anggaran pengeluaran beras 2.5 juta tan metrik setahun. Saya berharap kerajaan akan terus membuka dan memajukan lebih banyak kawasan jelapang padi negara termasuk di Terengganu bagi mengurangkan penggantungan bekalan beras dari luar negara. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, sejauh manakah komitmen kerajaan untuk meningkatkan tahap sara diri (SSL) beras ini, dan apakah langkah kerajaan bagi meningkatkan lagi pengeluaran beras negara?

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu, saya ingin membangkitkan tentang projek tanaman padi di Lembah Marang Satu di Kampung Kubu. Projek ini berpotensi untuk dimajukan dari 50 hektar dan 300 hektar dan tanaman dari sekali setahun kepada dua kali setahun dan dapat dilaksanakan sekiranya masalah infrastruktur khususnya pengairan air dapat diatasi. Kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak RM5.25 juta bagi tahun 2014, bagi tujuan pengairan dan saliran khususnya bagi menambah baik pengurusan pengairan.

Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, apakah langkah kerajaan bagi mengatasi masalah ini dan langkah bagi memajukan kawasan tanaman padi ini? Saya berharap kerajaan akan meneruskan usaha untuk meningkatkan hasil pengeluaran dan produktiviti dari kawasan tanaman padi sedia ada. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan apakah langkah kerajaan bagi meningkatkan lagi hasil pengeluaran padi ini bagi meningkatkan pendapatan pesawah.

Selain itu, saya dapati tenaga pesawah digunakan secara minimum. Oleh itu saya ingin mencadangkan agar kerajaan menyediakan peruntukan dan bantuan kepada petani atau pesawah untuk pelbagaikan aktiviti pertanian mereka seperti tanaman pisang dan sayuran, ternakan ayam atau membela ikan air tawar seperti keli dan sebagainya, bagi menambahkan pendapatan penduduk luar bandar.

Berhubung dengan pertanian ini, saya ingin menyentuh berkaitan dengan aktiviti perikanan di daerah Marang ini yang menjadi nadi kepada 1,551 orang nelayan berdaftar dan 300 hingga 400 orang nelayan tidak berdaftar serta 175 penternak. Terdapat juga 54 orang usahawan yang terlibat sebagai pengusaha pemprosesan hasil perikanan. Kebanyakan nelayan telah mampu berdikari melalui pelbagai bantuan seperti bantuan perumahan, membaiki rumah, subsidi diesel, insentif tangkapan ikan, bantuan peralatan seperti sampan, *fiberglass* dan enjin sangkut. Bagaimanapun saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, apakah langkah kerajaan bagi menggalakkan golongan nelayan terlibat dalam bidang ekonomi khususnya bagi meningkatkan pendapatan dan tidak hanya bergantung kepada hasil atau aktiviti tangkapan ikan sahaja memandangkan pendapatan mereka akan terjejas semasa musim tengkujuh?

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan, apakah langkah kerajaan bagi meningkatkan taraf pengetahuan dan kemahiran masyarakat nelayan dan pengusaha perikanan serta melahirkan tenaga mahir dan terlatih dalam bidang perikanan pantai, perikanan laut, laut dalam dan pemprosesan?

Tuan Yang di-Pertua berhubung dengan teras pertama iaitu merancak aktiviti ekonomi khususnya memantap Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang menerima peruntukan sebanyak RM120 juta bagi meningkat inovasi dan produktiviti PKS termasuk dana pinjaman untuk membiayai program mekanisasi dan automasi PKS.

Langkah kerajaan ini mampu merangsang aktiviti pelabur khususnya berhubung dengan peningkatan kapasiti PKS. Peranan PKS begitu penting kerana PKS mewakili 97.3 peratus dari semua perniagaan di Malaysia dan menyumbang kepada 32.4 peratus kepada KDNK dan 56 peratus tenaga kerja serta menyumbang lebih 19 peratus daripada jumlah eksport. Bagaimanapun sumbangan PKS masih rendah berbanding Jepun iaitu 55 peratus; Korea Selatan - 49 peratus; Hong Kong - 49 peratus; dan New Zealand - 40 peratus.

Oleh itu, masih terdapat ruang bagi meningkatkan lagi tahap produktiviti dalam kalangan PKS. Saya mengalu-alukan langkah kerajaan menyediakan pelbagai bantuan dan insentif kepada PKS termasuklah pinjaman mudah, pengecualian duti setem, pemotongan cukai dan sebagainya sehingga 31 Disember 2017 bagi menyokong perkembangan PKS.

Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan berhubung dengan pelan induk PKS 2012, 2020 bagi meningkatkan inovasi dan produktiviti khususnya bagi meningkatkan sumbangannya dari segi KDNK. Saya ingin menyarankan agar kerajaan menyediakan lebih banyak kemudahan dan prasarana seperti mewujudkan lebih banyak kawasan industri PKS terutama kepada usahawan bumiputera.

Berhubung dengan PKS ini, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan bagi membangunkan produk HALAL berimpak tinggi untuk tujuan eksport. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, jumlah PKS yang terlibat dalam industri halal terkini. Produk yang dihasilkan dan nilai eksport bagi tahun 2010 hingga tahun 2013. Saya kagum dengan kesungguhan dan iltizam kerajaan untuk memaju dan membangunkan PKS di negara ini.

Sehubungan dengan itu, saya mencadangkan agar kerajaan menubuhkan pusat pembangunan PKS di setiap daerah khususnya untuk membangunkan dan merancakkan lagi Industri Kecil dan Sederhana mengikut kesesuaian daerah berkenaan. Pusat perkembangan PKS ini sewajarnya mempunyai kemudahan fizikal seperti kilang dan kemudahan infrastruktur dan prasarana lainnya. Saya juga menyarankan agar usahawan bumiputera dibangunkan melalui skim pembiayaan PKS.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh berhubung dengan teras kedua iaitu mengurus pengurusan fiskal khususnya berhubung dengan cukai barang dan perkhidmatan GST yang akan hanya dikuatkuasakan mulai 1 April 2015 atau 17 bulan daripada sekarang. Saya menyokong langkah kerajaan ini untuk mengurus kewangan negara dengan lebih teratur dan dijangka mampu mengukuhkan kedudukan kewangan negara.

Tohmahan bahawa GST akan membebankan rakyat adalah tidak benar dan tidak berasas kerana kerajaan turut menghapuskan *sales tax* dan *services tax* yang kini 10 peratus, sedangkan kadar GST hanya 6 peratus.

GST juga diperkenalkan kerajaan dalam kerangka dan acuan negara ini dan tidak seperti 160 negara yang telah mengamalkan GST di seluruh negara.

**■1650**

Kerajaan telah menetapkan GST tidak akan dikenakan kepada barangan makanan asas, utiliti, perkhidmatan kerajaan, pengangkutan dan perumahan. Selain itu, kerajaan juga memberi pelbagai bantuan sokongan semasa peralihan pelaksanaan GST ini seperti pemberian *one-off* pengurangan kadar cukai individu dan penyusunan semula struktur cukai individu.

Pelaksanaan GST juga adalah langkah bagi mengatasi ketirisan dan pungutan *sales tax* dan *service tax* sebelum ini. Bagi memastikan tidak berlakunya ketirisan dalam pungutan GST, kerajaan mengambil langkah proaktif memberikan insentif pengurangan satu mata peratusan cukai kepada syarikat yang melaksanakan GST. Pembelian peralatan dan perisian ICT, potongan cukai tambahan kepada perbelanjaan latihan perakaunan dan ICT berkaitan GST dan geran latihan sebagaimana RM100 juta untuk latihan GST. Hakikatnya, kerajaan telah mengambil kira pelbagai sudut sebelum GST ini diperkenalkan. Dalam hubungan ini, walaupun kadar GST hanya 6 peratus berbanding cukai jualan dan cukai perkhidmatan yang berkadar 10 peratus, namun saya berharap kerajaan dapat mengkaji semula kadar GST ini supaya sekitar 4 hingga 5 peratus pada peringkat awal ini kerana kadar inflasi akan turun naik dengan pengenalan GST ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh berhubung dengan teras ketiga iaitu mengungguli modal insan khususnya melalui memperkukuh latihan kemahiran. Saya mengalu-alukan usaha kerajaan bagi memperkukuh latihan kemahiran untuk melahirkan modal insan yang berkemahiran bagi menggalas tugas dan tanggungjawab membangunkan negara sehingga menjadi negara maju. Pada masa kini, terdapat banyak institusi latihan kemahiran seperti Institut Latihan Perindustrian (ILP) di bawah Jabatan Tenaga Manusia (JTM), Institut Kemahiran MARA (IKM), Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan beberapa pusat latihan kemahiran lainnya seperti Giat MARA dan sebagainya.

Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan bilangan pelatih kemahiran yang dikeluarkan dari ILP, IKM, IKBN dan Pusat GiatMARA bagi tahun 2010 hingga 2013 terkini serta nyatakan bidang kursus dan tahap kemahiran. Saya juga ingin mendapatkan penjelasan bilangan pelatih kemahiran dan bidang kursus yang bakal dilahirkan oleh ILP, IKM, IKBN dan GiatMARA bagi tempoh lima tahun akan datang memandangkan negara akan mencapai negara maju menjelang tahun 2020 nanti. Saya juga ingin mendapatkan penjelasan kerajaan khususnya Kementerian Sumber Manusia berhubung dengan perancangan tenaga kerja berkemahiran rakyat tempatan sebagai persediaan menjadi negara maju tahun 2020 termasuk kemampuan institut-institut latihan kemahiran ini melahirkan tenaga kerja bagi menggantikan tenaga kerja warga asing.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung teras ketiga iaitu mengungguli modal insan, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan yang begitu prihatin kepada pelajar dengan meneruskan bantuan persekolahan pelajar sekolah rendah dan menengah dengan peruntukan sebanyak RM540 juta dan Baucar Buku 1Malaysia bagi pelajar pra universiti dan IPT dengan peruntukan sebanyak RM325 juta. Saya berharap ibu bapa dan pelajar menghargai keprihatinan kerajaan ini. Saya ingin mencadangkan agar Baucar Buku 1Malaysia ini dapat dinaikkan kadarnya daripada RM250 kepada RM300 di masa hadapan bagi membolehkan pelajar membeli buku-buku yang bermutu khususnya bagi pelajar jurusan perubatan, sains, kejuruteraan dan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berhubung dengan teras keempat iaitu mempergiat pembangunan bandar dan luar bandar. Saya mengalu-alukan langkah kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak RM4.1 bilion untuk memperkukuh dan menambah baik infrastruktur asas serta meningkatkan taraf hidup di luar bandar. Peruntukan ini adalah untuk membaik pulih dan menaik taraf jaringan jalan luar bandar RM980 juta, bekalan air bersih dan terawat RM450 juta, bekalan tenaga elektrik 24 jam RM865 juta, membina dan membaik pulih rumah RM179 juta, meningkat penyertaan penduduk luar bandar dalam perniagaan RM20 juta dan program pembangunan untuk Orang Asli RM109 juta.

Saya mengalu-alukan peruntukan-peruntukan ini yang saya percaya mampu memperkasa masyarakat luar bandar dan meningkatkan prasarana di luar bandar. Kerajaan telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan luar bandar daripada 50 peratus pada tahun 1970 kepada hanya 3.6 peratus pada tahun 2012. Kerajaan mempunyai tujuh tahun lagi untuk mencapai negara maju dan berpendapatan tinggi iaitu menjelang tahun 2020.

Masa semakin suntuk, jurang kemajuan luar bandar dan bandar perlu dikurangkan. Saya ingin mencadangkan agar lebih banyak Pusat Transformasi Bandar (UTC) dan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) dibuka termasuk di Terengganu. Berhubung dengan pembangunan luar bandar ini, saya ingin menyentuh berhubung dengan peruntukan sebanyak RM366.7 juta untuk elaun JKKK dan JKKP. Peranan JKKK dan JKKP sewajarnya diperkasakan bagi mengenal pasti segala masalah di akar umbi supaya tidak ada ahli masyarakat yang terpinggir. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan langkah bagi memperkasakan lagi JKKK dan JKKP ini bukan sahaja sebagai pemimpin di peringkat akar umbi tetapi juga ejen kepada pembangunan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya berharap perancangan yang lebih jitu dan fokus kepada secara khusus dan bersepadu untuk pembangunan luar bandar oleh kerajaan khususnya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) termasuk menyediakan balai raya atau balai rakyat persekutuan dan balai serba guna yang boleh dimanfaatkan oleh penduduk setempat. Saya berharap lebih banyak balai raya atau balai rakyat dan balai serba guna ini dapat diadakan segera di seluruh negara sebagaimana pusat aktiviti masyarakat setempat bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan pembangunan penduduk luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh berhubung dengan teras kelima iaitu menyejahterakan rakyat khususnya berhubung dengan meningkatkan keselamatan dan ketenteraman awam. Saya mengalu-alukan langkah kerajaan untuk menambah sebanyak 496 kamera litar tertutup (CCTV) di 25 kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi meneruskan program bandar selamat dengan peruntukan sebanyak RM20 juga.

**■1700**

Ini bermaksud kos sebuah CCTV termasuk lain-lain peralatan dan kos pemasangan adalah sebanyak RM40,322 setiap satu. Saya berharap kerajaan khususnya Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan memastikan pembelian CCTV ini mengikut prosedur pembelian atau perolehan kerajaan kerana kita tidak mahu berlaku ketirisan dalam pembelian dan pemasangan CCTV ini.

Saya ingin mendapat penjelasan KPKT bilangan CCTV yang telah dipasang di PBT mengikut negeri. Saya juga mendapat maklum balas bahawa CCTV yang telah dipasang ini gagal diselenggarakan dengan baik, PBT-PBT menghadapi kesukaran dari segi kewangan untuk menyelenggarakan CCTV ini yang dianggarkan sebanyak RM16,000 sebulan atau RM192,000 setahun bagi PBT yang mempunyai 30 CCTV. Kos selenggara yang tinggi ini adalah membebankan PBT yang mempunyai pendapatan yang rendah. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan khususnya KPKT, langkah yang diambil bagi memastikan CCTV diselenggarakan dengan baik.

Saya ingin mencadangkan agar pihak kerajaan menyediakan peruntukan yang mencukupi kepada PBT bukan sahaja dari segi kos pembekalan dan pemasangan CCTV tetapi juga yang lebih mustahak selenggaraan CCTV berkenaan kerana sekiranya gagal diselenggarakan dengan baik CCTV ini akan gagal berfungsi dengan berkesan untuk menjadikan bandar selamat.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan teras kelima iaitu mensejahterakan rakyat. Saya ingin menyentuh berhubung dengan pemerkasaan bumiputera. Saya mengalu-alukan langkah kerajaan menjadikan program pemerkasaan penyertaan bumiputera dalam membangun ekonomi malah kerajaan komited menjadikan agenda bumiputera sebagai agenda nasional. Namun, hakikatnya sasaran 30 peratus untuk penyertaan bumiputera seakan terhalang dengan pelbagai halangan antaranya maklumat tentang peluang penyertaan bumiputera ini tidak disampai secara telus dan terus kepada usahawan bumiputera.

Satu kaedah dan mekanisme yang lebih berkesan perlu dikenal pasti bagi memastikan penyertaan dan penglibatan usahawan bumiputera dalam pelbagai sektor ekonomi. Saya ingin mendapatkan penjelasan berhubung dengan Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (SUPERB) dengan dana permulaan RM30 juta. Apakah kriteria bagi usahawan muda yang ingin menyertai skim SUPERB ini dan apakah insentif yang diberikan?

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, apakah langkah kerajaan bagi memastikan kerajaan, program pemerkasaan bumiputera ini dapat dilaksanakan dengan menyeluruh dan tidak hanya tertumpu kepada sebahagian usahawan bumiputera sahaja? Saya hendak timbulkan di sini Tuan Yang di-Pertua, contohnya usahawan batik dan songket. Akhir-akhir ini didapati peniaga dan usahawan telah pun ramai yang bersungut di mana gangguan kepada usahawan songket khususnya yang mana songket India banyak dimasukkan, diimport dan menjadi satu pertandingan yang tidak sihat kerana walaupun mutu songket India itu sangat rendah, bagaimanapun ia akan mengurangkan permintaan kepada songket tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh berhubung dengan pembangunan sukan negara. Saya mengalu-alukan pelbagai inisiatif yang telah dijalankan oleh Kementerian Belia dan Sukan dalam memajukan sukan tanah air termasuk bagi melahirkan atlet berprestasi tinggi dan bertaraf antarabangsa. Saya ingin mendapatkan penjelasan. Apakah langkah KBS dalam mengenal pasti atlet dan membangunkan atlet dari peringkat sekolah lagi supaya dapat mencapai kejayaan di peringkat dunia dan nyatakan bidang sukan yang menjadi fokus dalam program berkenaan?

Selain pembangunan sukan, KBS juga bertanggungjawab dari segi pembangunan belia. Ramai dalam kalangan belia berusia 40 tahun ke bawah menjadi penghuni pusat serenti dadah dan jenayah. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, apakah pendekatan kerajaan khususnya Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dalam menangani gejala sosial dan jenayah dalam kalangan belia? Apakah program-program yang benar-benar berkesan bagi membina belia yang cintakan negara serta menanamkan sifat patriotisme dalam kalangan belia?

Saya ingin mendapatkan penjelasan, sejauh manakah keberkesanan sambutan Hari Belia yang diadakan setiap tahun mampukah untuk melahirkan belia yang berjiwa patriotik, cintakan negara serta bertanggungjawab. Kita tidak mahu sambutan Hari Belia hanya di ibaratkan pesta tahunan dengan pesertanya hanya tangkap muat. Saya ingin menyarankan agar golongan belia di akar umbi diberikan keutamaan kepada sambutan Hari Belia di masa hadapan. Saya berharap KBS akan mengenal pasti segala kelemahan sambutan Hari Belia masa lalu dan diperbaiki sambutan Hari Belia akan datang kerana kita tidak mahu hasil sambutan Hari Belia tetap sama dan pencapaian belia terus ditakuk lama.

Seterusnya saya ingin menyentuh berhubung dengan peningkatan pemilihan pemilikan rumah. Saya mengalu-alukan langkah kerajaan bagi meningkatkan kemampuan rakyat membeli rumah dan memastikan harga rumah terus stabil serta mengekang spekulasi hartanah yang keterlaluan. Saya mengalu-alukan langkah kerajaan untuk meningkatkan akses pemilikan rumah pada harga berpatutan dengan sasaran menyediakan sebanyak 223,000 unit rumah yang bakal dibina oleh kerajaan dan swasta pada tahun 2014 melalui program perumahan rakyat oleh Jabatan Perumahan Negara (JPN) – 16,473 unit. PR1MA sebanyak 80,000 unit, SPNB – 26,122 unit dan lain-lain skim perumahan seperti Skim Perumahan Mampu milik swasta (*MyHome*) dan Rumah Idaman Rakyat dan Rumah Mesra Rakyat.

Sehubungan dengan itu, saya mencadangkan agar pangkalan data yang lengkap disediakan untuk warganegara ini yang belum memiliki rumah. Justeru, satu pendaftaran permohonan bagi yang berumur 21 tahun ke atas untuk mendapatkan pelbagai jenis rumah adalah dicadangkan bagi peringkat nasional bagi memudahkan kerajaan merancang pembinaan rumah dari segi jenis lokasi dan harga rumah. Berhubung dengan pemilikan rumah ini, kerajaan khususnya Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) berhasrat mewujudkan rumah transit kepada pasangan muda yang baru berkahwin dan berpendapatan kurang RM3,000. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan sejauh manakah program ini telah dilaksanakan?

Saya juga ingin mencadangkan agar kerajaan menyediakan rumah transit kepada...

**Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada yang mencelah Yang Berhormat.

**To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin:** Sila Yang Berhormat Senator.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Terima kasih. Saya hendak tanya pendapat Yang Berhormat. Ada dikatakan rumah transit ini bilangannya 600. Banyak yang mengatakan bilangan 600 tidak cukup. Istimewa pula di Kuala Lumpur ini. Apa pandangan Yang Berhormat dalam hal ini sebab saya sendiri fikir kalau hendak merancang, kita kena tambahkan bilangan lebih daripada 600 buah. Terima kasih.

**To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya harap pandangan daripada Yang Berhormat Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman tadi akan menjadi sebahagian daripada pandangan saya juga untuk dibawa ke Kementerian Perumahan.

**■1710**

Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan sejauh manakah program ini telah dilaksanakan. Saya juga ingin mencadangkan agar kerajaan menyediakan rumah transit kepada golongan muda yang baru bekerja dengan pendapatan RM1,500. Saya difahamkan pihak swasta telah menyediakan rumah transit kepada golongan muda yang baru bekerja di perumahan Abu Kasim di Taman Perling di Johor Bahru yang mengenakan sewa hanya RM350 bagi rumah dua bilik. Saya berharap kerajaan akan mengikut jejak inisiatif swasta ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya Bajet 2014 adalah penting kepada landasan bagi merealisasikan matlamat Wawasan 2020 untuk menjadikan negara ini sebuah negara yang maju dan berpendapatan tinggi dan semoga semua kementerian dan agensi melaksanakan tanggungjawab masing-masing bagi mencapai matlamat tersebut. Dalam hubungan ini, saya menyanjung tinggi iltizam kerajaan bagi memajukan dan memperteguh negara serta mensejahterakan rakyat dengan menjayakan pelan transformasi negara dan memperteguh ekonomi negara untuk muncul sebagai negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 berasaskan prinsip janji ditepati. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop. Silakan Yang Berhormat.

**5.11 ptg.**

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua yang memberikan peluang kepada saya untuk turut sama membahaskan seadanya ucapan Bajet 2014 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan pada tanggal 25 Oktober yang lalu di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, bersandarkan tema bajet kali ini iaitu, *'Memperteguh Ketahanan Ekonomi, Memperkasa Transformasi dan Melaksanakan Janji'* termasuk lima teras utama Bajet 2014 iaitu merancak aktiviti ekonomi, memperkukuh pengurusan fizikal, mengungguli modal insan, mempertingkatkan pembangunan bandar dan luar bandar dan menyejahterakan kehidupan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpandangan tema dan teras utama ini adalah amat bertepatan di kala Malaysia sedang giat membuat persiapan ke arah negara maju dan berpendapatan tinggi sebagaimana yang terungkap dalam Wawasan 2020 dalam tempoh kurang lebih enam tahun lagi. Di samping itu, kita perlu mengharungi pelbagai cabaran semasa seperti kelembapan ekonomi dunia. Malapetaka yang menimpa beberapa negara jiran yang terdekat dan melayani kerenah pihak pembangkang dan NGO-NGO yang berterusan memburuk dan mempersoalkan iltizam kerajaan untuk memacu negara kita ke arah menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi sedikit masa lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Bajet 2014 yang baru-baru ini dibentangkan juga hampir semua bajet yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini, hasil penelitian saya sejak memegang jawatan sebagai Ahli Dewan Negara sejak tahun 2008, saya melihat Kerajaan Barisan Nasional di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terus-menerus beriltizam untuk mengimbangi kenaikan kos sara hidup yang menjadi beban kepada rakyat terutamanya kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Justeru pelbagai inisiatif diambil di bawah naungan Program Transformasi Kerajaan (NKRA) dan Transformasi Ekonomi (NKEA) dalam menangani isu kenaikan kos sara hidup yang hasilnya dapat kita nikmati pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2014 telah memperuntukkan sejumlah RM264.2 bilion bagi melaksanakan pelbagai program dan projek. Daripada jumlah tersebut, RM217 bilion diperuntukkan untuk peruntukan operasi manakala RM46.5 bilion untuk perbelanjaan pembangunan. Saya berpandangan, peruntukan ini dikira munasabah kerana jika dikaji pada tahun 2014, tuntutan perolehan Kerajaan Persekutuan dianggarkan sebanyak RM224.1 bilion. Anggaran peningkatan sebanyak RM4 bilion berbanding kutipan pada tahun 2013. Sudah semestinya lebihan ini bakal diagihkan agar dapat dimanfaatkan semula oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengulas beberapa perkara yang saya anggap penting yang menyentuh secara langsung kebimbangan masyarakat atau rakyat hari ini iaitu isu-isu yang berkaitan dengan peningkatan kos sara hidup. Sesebuah keluarga sama ada mereka berpendapatan rendah, sederhana ataupun tinggi ada beberapa perkara asas ataupun keperluan-keperluan asas yang perlu dipenuhi. Pertama ialah makan minum, kedua ialah tempat tinggal, ketiga ialah pengangkutan untuk mereka berulang-alik ke tempat bekerja. Keempat, rawatan kesihatan untuk seisi keluarga apabila mereka sakit dan sebagainya. Tidak kurang pentingnya ialah pendidikan untuk anak-anak seisi keluarga.

Tujuh keperluan asas ini perlu ditangani oleh kerajaan khususnya bagi memenuhi ataupun mencapai apa yang dicita-citakan sebagai menyejahterakan kehidupan rakyat. Dalam bab ini, saya mengalu-alukan dari segi sudut pendapatan, mengalu-alukan langkah kerajaan untuk menetapkan gaji minima kepada mereka yang berpendapatan rendah. Ini kerana dengan gaji minimum RM900 yang akan dilaksanakan pada tahun hadapan sekurang-kurangnya isi keluarga tersebut dapat memenuhi mungkin hanya untuk makan minum sahaja dan kalau tinggal di rumah pun rumah setinggan.

Kerajaan kita juga telah membuat kajian mereka yang berpendapatan kurang daripada RM2,000 kalau tidak silap saya, mereka ini adalah di bawah paras kemiskinan. Usaha sedang dibuat oleh kerajaan melalui agensi-agensi tertentu untuk meningkatkan pendapatan rakyat yang daripada golongan yang berpendapatan rendah tadi.

Kedua ialah tempat tinggal. Tempat tinggal ataupun rumah ini sudah menjadi satu beban besar kepada semua yang telah mula bekerja dan juga mula berkeluarga. Pada zaman saya mula bekerja dulu walaupun dengan gaji RM500- itu tahun 70-an awal ya, ya lah 60-an.

**■1720**

Saya mampu beli rumah sebab rumah pada ketika itu RM30,000, RM25,000 sahaja. Akan tetapi sekarang ini, ambillah anak kita yang baru keluar belajar dengan gaji RM2,000 ya, mampu tidak mereka membeli rumah khususnya di bandar? Jangan sebutlah di Kuala Lumpur. Mereka hendak menyara hidup pun saya rasa amat sukar. Hal ini telah banyak disentuh oleh Yang Berhormat Dato' Rahim dan juga Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun tadi.

Saya kalau hendak sentuh pun banyak juga yang berkaitan dengan rumah ini. Akan tetapi, memadailah saya menyebutkan di sini bahawa kerajaan perlu membuat sesuatu tindakan bagi mengurangkan kos harga rumah ini melalui pelbagai program dan projek yang sedang dilaksanakan dan perkara ini perlu berterusan. Berterusan dan secara pragmatik supaya cita-cita kerajaan untuk mewujudkan '1Keluarga, 1Rumah' itu akan berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang GST ini walaupun telah disebut oleh banyak pihak ya. Baru-baru ini saya ada baca dalam surat khabar *The Edge*, ada seorang penulis yang telah memberikan satu pandangan ataupun– seorang profesional yang adil saya kira kepada kerajaan.

Bukan melihat dari aspek-aspek yang negatif sahaja ya. Langkah yang diambil oleh kerajaan untuk melaksanakan GST sebagai langkah yang sangat positif pada saya selaras dengan sasaran untuk mengurangkan defisit bajet negara. Saya berharap apabila GST dikuatkuasakan kelak pada 1 April 2015, iaitu 16 bulan dari sekarang, isu-isu pelaksanaan dan lain-lain isu yang mungkin dihadapi pada peringkat awal telah dapat diselesaikan.

Ini dapat memastikan pencapaian sasaran jangka panjang untuk meluaskan asas perolehan negara. Walaupun Yang Berhormat Dato' Nallakaruppan minta kerajaan mempercepatkan GST, *you* pagi tadi ada soalan, bukan? Saya bukan hendak soal Dato' ya. Saya juga mengalu-alukan pengurangan kadar cukai individu dan korporat sebagai langkah permulaan yang positif walaupun kecil. Struktur cukai sesebuah negara adalah perkara penting yang akan diambil kira oleh syarikat-syarikat yang hendak memulakan perniagaan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai perbandingan, kita masih berada di belakang Singapura yang mana kadar cukainya adalah di antara yang terbaik di rantau ini. Cukai korporat pada kadar 17 peratus manakala bagi individu pula adalah cukai progresif pada kadar maksimum 20 peratus walhal GST pula adalah pada kadar 7 peratus. Sasaran untuk mengurangkan defisit bajet daripada 4 peratus...

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Boleh laluan sedikit?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat. Silakan.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Tadi Yang Berhormat Dato' cakap GST itu pagi tadi saya ada tanya soalan itu. Akan tetapi Dato' sebenarnya suka atau tidak suka GST itu yang mahu dipercepatkan? Kita punya? Ketua Pembangkang tidak suka.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Saya tidak faham soalan Yang Berhormat.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Ketua Pembangkang tidak suka GST itu. Kita punya baik kah atau tidak baik?

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Baik-baik.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Terima kasih. Sasaran untuk mengurangkan defisit bajet daripada 4 peratus pada tahun ini kepada 3 peratus daripada KDNK pada 2014 dan seterusnya mencapai bajet berimbang pada tahun 2020 adalah kritikal. Untuk memastikan peruntukan bajet ini dipatuhi dan tiada bajet tambahan adalah penting.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya saya memandang positif bajet tahun ini. Kerajaan perlu tegas dalam mematuhi langkah-langkah fiskal dan penjimatan yang dicadangkan. Begitu juga agenda untuk pengauditan ke atas projek yang melebihi RM100 juta semasa pelaksanaan projek itu. Kerajaan perlu memainkan peranan yang lebih penting dalam membanteras rasuah dan mengatasi kebocoran serta juga menangani pengurusan sumber manusia. Saya melihat perkembangan baik dari segi perolehan kerajaan yang meningkat lebih pantas iaitu sebanyak 1.7 peratus kepada RM224 bilion berbanding perbelanjaan operasi 0.7 peratus kepada RM218 bilion yakni ekonomi negara berada pada landasan yang betul.

Tuan Yang di-Pertua, hutang negara. Saya melihat usaha kerajaan dalam pembaharuan pasaran tenaga kerja menerusi pelaksanaan gaji minimum akan menjadi kunci kepada usaha membendung paras hutang isi rumah yang kini kira-kira 83 peratus daripada nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Ini kerana punca utama paras hutang isi rumah yang tinggi ketika ini adalah disebabkan tenaga kerja tidak menerima gaji yang setimpal dengan daya produktiviti mereka.

Saya memuji usaha kerajaan sekali lagi untuk melaksanakan gaji minimum sebagai satu bentuk perubahan pasaran tenaga kerja untuk menuju kepada satu peringkat pembayaran upah yang boleh dikaitkan dengan produktiviti. Ini kerana pelaksanaan sepenuhnya Dasar Gaji Minimum membolehkan negara bergerak ke arah sedemikian.

Namun, matlamatnya akan dapat dicapai dalam tempoh yang lebih lama dan bukan dalam tempoh jangka pendek. Saya berharap Kementerian Kewangan dan Kementerian Sumber Manusia akan lebih bertekad memperbaikinya pada tahun-tahun yang akan datang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada lagi lima minit Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Tidak hendak. Saya tidak hendak sambung. Saya hendak gulung sahaja. Tuan Yang di-Pertua, dalam Bajet 2014 ini, kerajaan telah menerapkan beberapa langkah dalam memperluaskan liputan internet. Di antaranya meningkatkan liputan internet di kawasan luar bandar. Sebanyak 1,000 menara pemancar telekomunikasi akan dibina dalam tempoh tiga tahun dengan pelaburan sebanyak RM1.5 bilion. Bermula Oktober 2013, pengguna internet Malaysia telah mula menikmati talian internet yang lebih laju selepas kerja naik taraf selesai. Saya yakin ramai yang gembira dengan berita ini. Ini kerana semakin ramai orang mempunyai akses kepada internet.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa kita tepat pukul 5.30 petang. Yang Berhormat hendak gulung kah, ataupun hendak sambung esok?

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Saya hendak gulung sahajalah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kalau begitu gulunglah.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita masih ada tiga orang yang hendak berucap hari ini. Oleh kerana masa tidak mengizinkan, maka Yang Berhormat Datuk Chin Su Phin, Yang Berhormat Puan Norliza binti Abdul Rahim dan Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah akan berucap esok ya?

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa 10 Disember 2013.

***[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.]***